

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Jilid IV Bil 70 Hari Rabu 9 Disember 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1998 (Ruangan)

Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T.,

S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Patch Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 9 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KEMPEN MEMBELI BARANGAN TEMPATAN –
TAHAP KEJAYAAN**

1. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tahap berjayaannya pelaksanaan kempen membeli barangan buatan tempatan dari segi penjimatan mata wang asing kita sejak Julai 1997. Apakah penakrifan sebenar bagi barangan buatan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kempen membeli barangan buatan Malaysia telah berjaya menyumbang terhadap penjimatan mata wang asing sejak bulan Julai tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun, kementerian ini tidak dapat menentukan tahap kejayaan itu kerana banyak faktor yang lain juga menyumbang dari segi penjimatan mata wang asing. Ini telah terbukti apabila imbalan perdagangan mencatat lebih yang besar iaitu RM30.4 bilion dalam lapan bulan pertama tahun ini dibandingkan dengan defisit RM2.5 bilion dalam tempoh yang sama bagi tahun 1997. Bagi bulan Ogos, nilai import telah turun 0.9% kepada RM18.136 bilion.

Bagi maksud kempen membeli barangan buatan Malaysia, takrifan barangan buatan Malaysia ialah barangan yang dibuat atau yang mana proses

terakhir dijalankan di negara ini oleh syarikat-syarikat yang didaftar di Malaysia. Walau bagaimanapun, proses terakhir tidak termasuk proses pembungkusan dan pemasangan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia memang mendapat sambutan yang baik daripada pengguna, jadi sebenarnya kementerian Yang Berhormat juga menggalakkan semua barangan buatan tempatan juga diletakkan dengan logo rasmi. Jadi, ada kemungkinan peniaga yang sengaja meletakkan logo rasmi buatan Malaysia di atas barangan import. Jadi, soalan tambahan saya, saya ingin meminta supaya Yang Berhormat dapat menjelaskan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, sambutan yang diterima terhadap kempen membeli barangan buatan Malaysia adalah sangat menggalakkan. Oleh itu, kementerian telah mencipta logo rasmi barangan buatan Malaysia supaya orang ramai mudah mengenal pasti dan boleh memilih barangan tersebut. Tetapi jika peniaga yang sengaja meletakkan logo rasmi ini pada barangan yang diimport, ini bermakna beliau telah melakukan suatu kesalahan di mana peniaga itu boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan di mana boleh didenda maksimum sebanyak RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam pasaran sekarang bukan jenama asing yang berlambak tetapi barang jenama tempatan di mana bekalan mengatasi permintaan. Bagaimana usaha dibuat supaya bekalan barangan dapat dibeli oleh pengguna tempatan selain dari kempen membeli barangan tempatan dan sejauh mana barangan tempatan telah berjaya menembusi pasaran luar negeri. Sekian.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa mengadakan seminar ataupun majlis pameran barangan buatan Malaysia di mana kita menasihatkan para pengguna supaya dapat mengenal barangan yang berjenama atau suka membeli barang yang berjenama kerana walaupun barang itu

diimport tetapi di pasaran negara kita boleh mendapat barangan itu dengan kualiti yang sama atau lebih baik daripada barangan yang diimport. Jadi, pendidikan atau nasihat seperti ini selalu diberikan kepada pengguna.

Di samping itu, kementerian ini menggalakkan peniaga khususnya small and medium industry (SMI), dengan izin, supaya mengeksportkan barangan buatan Malaysia ke pasaran negara asing kerana dari segi kualiti barangan buatan Malaysia adalah setanding ataupun lebih baik jika dibandingkan dengan barangan yang diimport. Jadi, dengan usaha kerajaan, para peniaga pun telah mengeksport barangan buatan Malaysia ke negara asing.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam] tidak hadir]

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang] tidak hadir]

LEMBAGA AKREDITASI NEGARA (LAN) – YURAN PENDAFTARAN KURSUS IPTS

4. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pendidikan menyatakan bayaran yuran pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran kursus-kursus IPTS kepada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan sama ada kementeriannya dapat mempertimbangkan mengurangkan bayaran-bayaran tersebut memandangkan kegawatan ekonomi sekarang telah membawa kesan negatif kepada enrolment pelajar-pelajar kebanyakan IPTS yang kini menghadapi kerugian kewangan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bayaran yuran pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran kursus-kursus yang dikenakan kepada institusi pengajian tinggi swasta. Sebaliknya IPTS dikehendaki membayar yuran permohonan kelulusan untuk mengendalikan sesuatu kursus pengajian iaitu RM700 untuk peringkat sijil dan diploma dan RM1,000 untuk peringkat ijazah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kerajaan meluluskan francais sesetengah pusat-pusat pengajian tinggi swasta ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang surat tawaran itu dikeluarkan oleh pihak sekolah atau maktab berkenaan dan kemudian pelajar-pelajar tersebut dimestikan membayar yuran-yuran tersebut, sedangkan pelajar-pelajar ini ditawarkan oleh pihak kementerian dan pihak kementerian mungkin tidak membayar ataupun lambat membayar hinggakan pihak swasta memberi surat amaran kepada pelajar-pelajar ini supaya membayar ataupun mereka terpaksa meninggalkan maktab-maktab tersebut.

Jadi, apakah tindakan pihak kementerian, di samping itu juga, contohnya kadang-kadang dipusat pengajian ini keadaan tempat tinggal pelajar-pelajar ini tidak setaraf seperti yang dikehendaki oleh pihak kementerian. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji semula sistem ini supaya sesuatu pusat pengajian tinggi swasta yang hendak kita francaiskan atau yang hendak kita jadikan sebagai tambahan kepada pusat-pusat pengajian kerajaan ini benar-benar mengikut peraturan dan aturan dan sekurang-kurangnya setaraf dengan pusat-pusat pengajian tinggi kerajaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan atas pandangan beliau berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di IPTS.

Memangnya Kementerian Pendidikan sudah mengkaji tentang kualiti dan kelayakan pensyarah dan sebagainya sebelum kita menawarkan francais atau meluluskan permohonan kolej-kolej swasta dan Kementerian Pendidikan juga memang sedar ada kolej-kolej tertentu yang salah guna kuasa mereka, ada satu, dua yang menaikkan yuran sebelum mereka dapat kelulusan dari Kementerian Pendidikan, semua perkara ini selepas mendapat feedback daripada pelajar-pelajar dan ibu bapa, Kementerian Pendidikan sudah mengambil tindakan dengan memberi surat amaran atau sebagainya dan sekiranya ada masalah yang lain itu, Kementerian Pendidikan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengawal selia dengan rapi tentang kualiti kolej-kolej swasta, kita mahu kolej-kolej itu berkualiti tinggi.

Tentang kemudahan tempat tinggal pelajar-pelajar di kolej-kolej swasta pula, Kementerian Pendidikan akan terus mengingatkan kolej-kolej swasta bahawa mereka haruslah mempertingkatkan kemudahan mereka setanding dengan yang diluluskan dan untuk mengelakkan masalah yang telah terjadi dari diulangi, Kementerian Pendidikan baru-baru ini telah mewujudkan satu jabatan yang baru Jabatan Matrikulasi untuk membolehkan kursus-kursus matrikulasi dikendali oleh Kementerian Pendidikan sendiri dan juga memberi nasihat dan bimbingan kepada kolej-kolej swasta yang mendapat francais itu supaya mereka juga boleh mengikuti contoh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan tawaran kursus mereka.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan apakah syarat-syarat yang utama yang dipertimbangkan oleh kementerian untuk kelulusan akreditasi kursus-kursus yang diadakan oleh IPTS-IPTS untuk memastikan bahawa kualiti pendidikan adalah terjamin.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, antara syarat-syarat yang Kementerian Pendidikan utamakan ialah kelayakan pensyarah, kualiti pertubuhan dari segi ahli-ahli lembaga, dari segi pengetua atau dari segi orang yang menjaga kolej itu dan juga dari segi kemudahan. Program-program yang ditawarkan dan kolej itu mendapat kerjasama dengan universiti-universiti luar dari segi imej dan kualiti universiti tersebut dan sebagainya dan dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan akan menghantar pegawai-pegawai kita untuk mengkaji semula kursus dan kemudahan yang ada dan juga temuduga dengan pelajar-pelajar untuk menjamin bahawa apa yang dijanjikan akan terus ditunaikan oleh pihak kolej tersebut.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] tidak hadir]

6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana penggabungan telah berlaku dalam sistem kewangan dan perbankan, insurans, broker saham dan sebagainya bagi meningkatkan keupayaan operasi dan kompetitif dagangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, penggabungan merupakan langkah ketelusan kerajaan untuk merealisasikan dan memperkukuhkan lagi kedudukan sistem kewangan dan perbankan, insurans dan broker saham bagi meningkatkan keupayaan operasi dan kompetitif dagangan.

Setakat ini terdapat empat penggabungan di antara bank perdagangan yang berjaya dilaksanakan. Bilangan syarikat kewangan sedang dikurangkan daripada 39 buah kepada sekumpulan syarikat kewangan yang bersaiz besar dan kukuh dan berupaya untuk meraih manfaat skala ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiga cadangan penggabungan yang melibatkan penyerapan aktiviti syarikat kewangan oleh bank induk telah disempurnakan, di samping itu tiga perjanjian jual beli telah ditandatangani di bawah program penggabungan secara pengambilalihan. Cadangan penggabungan syarikat kewangan yang lain telah berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan penggabungan di antara penanggung insurans, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama industri insurans sedang merangka garis panduan bagi melicinkan proses penggabungan. Garis panduan tersebut akan merangkumi perkara-perkara seperti penilaian penanggung insurans dan insentif-insentif yang boleh diberikan bagi menggalakkan penggabungan.

Sejak bulan Mac 1998, Suruhanjaya Sekuriti sedang giat mengarahkan syarikat-syarikat broker saham yang dikenakan sekatan dagangan supaya bergabung dengan entiti yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, saranan tersebut kurang mendapat sambutan dari syarikat-syarikat broker saham kecuali

penggabungan oleh wang DPS Securities melalui pembukaan cawangannya di Shah Alam.

Memandangkan penggabungan melalui pembukaan cawangan adalah lebih efektif dan kemas, Suruhanjaya Sekuriti kini berusaha menggalakkan penggabungan di antara syarikat-syarikat broker saham melalui kaedah tersebut.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penggabungan bank-bank di negara kita ini, apa yang dilihat bahawa bank-bank yang digabungkan itu kebanyakannya adalah di antara bank-bank yang masih kurang daripada modal. Jadi, bagaimana kalau bank-bank yang tidak mempunyai modal yang cukup boleh beroperasi dengan cara kompetitif melainkan ada suntikan modal di dalam bank tersebut.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, seperti yang telah saya katakan terdapat empat penggabungan iaitu di antara Bank Commerce Berhad dengan United Asian Bank Berhad, United Oversea Bank Malaysia Berhad dengan Chung Khiaw Bank Berhad, DCB Bank Berhad dengan Kwong Yik Bank Berhad dan RHB Bank Berhad dengan Sime Bank Berhad.

Tujuan seumpama ini memang untuk memperkukuhkan supaya mereka mendapat modal yang diperkukuhkan. Kalau dapat sekiranya kekurangan modal yang diinginkan untuk menjamin kekukuhan bank itu, dana modal memang sedang mengambil kira perkara-perkara seperti ini untuk memastikan supaya mana-mana satu bank itu modalnya dapat dipertingkatkan supaya tahap kekukuhannya dapat dikekalkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu di antara gabungan yang telah dan akan berlaku, saya ingin tahu berapakah bilangan gabungan yang melibatkan institusi ataupun perbankan kewangan Islam dan sila nyatakan nama institusi-institusi itu dan bagaimanakah mekanismenya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat terhadap institusi kewangan Islam tetapi saya akan menjawab soalan ini secara bertulis.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir].

KURIKULUM PELAJARAN AGAMA – LANGKAH KERAJAAN

8. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan kurikulum pelajaran agama serta pendekatan pengajaran mampu meletakkan masyarakat Islam dalam keadaan lebih baik dari segi masalah sosial, ekonomi dan politik berbanding dengan masyarakat bukan Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pembuat soalan tadi tidak datang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi peningkatan mutu kurikulum dan pendekatan pengajaran pendidikan agama iaitu sukatan pelajaran dan bahan-bahan sumber bagi sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat bagi peringkat rendah dan menengah seluruh negara telah diseragamkan, pendekatan pengajaran guru dipelbagaikan dan ditingkatkan dari masa ke semasa melalui kursus dan latihan dengan menekankan aspek dan kaedah mengajar yang lebih berkesan serta mendedahkan penggunaan alat baru mengajar yang lebih menarik, sijil agama peringkat rendah telah diselaraskan dengan melaksanakan ujian pencapaian kelas KAFA UPKK di seluruh negara. Selain itu sijil agama peringkat menengah sedang diusahakan bersama Kementerian Pendidikan untuk diselaraskan bagi membolehkan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara.

Berdasarkan kepada langkah-langkah di atas kerajaan yakin boleh meletakkan masyarakat Islam dalam keadaan lebih baik di dalam masalah sosial, ekonomi dan politik di negara kita.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang bercadang untuk meningkatkan pelajaran agama di sekolah-sekolah tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada juga sekolah-sekolah agama rakyat yang pertamanya mempunyai tenaga pengajar-tenaga pengajar yang kadang-kadang terlampau ekstrem menentang kerajaan dan memesongkan fikiran pelajar-pelajar untuk menentang kerajaan. Perkara ini berlaku terutama sekali di kawasan pondok-pondok yang PAS ada. Di kawasan saya sendiri ada dua sekolah yang 'hangit' menentang kerajaan hinggalah satu ketika dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba hendak masuk ke sekolah itu pun tidak boleh tetapi bila peruntukan kerajaan depa mahu, depa sambar dan depa hendak bangunan baru dan sebagainya tetapi di samping itu juga mereka telah memesongkan fikiran para pelajar supaya membenci kerajaan, menentang sistem-sistem pentadbiran negara, malah menentang sistem pendekatan syiar Islam yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini.

Jadi, apakah tindakan pihak kementerian untuk memastikan pengurusan pentadbiran sekolah-sekolah tersebut dapat diselaraskan. Kalau tidak, sekolah-sekolah ini tidak perlu diberi bantuan kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada Sekolah Menengah Padang Lumat menghadapi masalah krisis dalaman hinggalah terpaksa pihak polis datang untuk menyelesaikan pengurusan pentadbiran yang penyelewengan dari segi kewangan dan sebagainya dan ini akan merugikan penuntut-penuntut sekolah tersebut.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya mana-mana guru dalam apa peringkat persekolahan sekalipun mestilah mempunyai etika untuk membina anak muridnya menjadi orang yang bijak dan sentiasa berterima kasih kepada orang lain, itu matlamat kita. Jadi, kalau sekiranya ada di antara guru-guru yang berbuat demikian, sekiranya guru-guru itu daripada guru kerajaan, maka eloklah perkara ini dibuat laporan kepada kementerian yang

berkenaan tetapi sekiranya guru-guru itu dipilih oleh ahli-ahli qariah ataupun kampung di situ, maka sepatutnya ahli qariah di situ mestilah tahu bagaimana untuk mengambil tindakan sama ada guru tersebut ditamatkan perkhidmatan ataupun digantikan dengan guru yang lain.

Selain daripada itu kesedaran oleh semua pihak sama ada ibu bapa ataupun pengajar itu sendiri untuk menentukan matlamat sekolah itu mestilah masing-masing tahu apa matlamat sekolah itu hendak dibuat.

Selain daripada itu mengenai bantuan kerajaan, sepatutnya siapa sahaja yang mendapat bantuan daripada kerajaan mestilah berterima kasih dengan kerajaan, bukannya mencemuh kerana [*Membaca Hadis*] maknanya “*sebaik-baik manusia siapa yang mendapat pemberian mestilah berterima kasih kepada orang yang memberi. Sejahat-jahat manusia ialah orang yang menerima pemberian tetapi mencemuh orang yang memberi.*” Jadi, sepatutnya siapa yang mengajar agama mesti tahu ini adalah ajaran agama, sepatutnya mesti berterima kasih kepada orang yang memberi dan janganlah mencemuh kepada orang yang memberi, barulah pengajaran kita mendapat berkat dan juga matlamat sekolah kita untuk mengajar anak-anak kita menjadi baik akan terlaksana.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah pihak Pusat Islam atau Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan satu task force di mana keanggotaannya meliputi pakar-pakar dalam pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan dan sosiologi untuk memastikan mutu pelajaran serta pendekatan yang diamalkan bagi pelajaran agama sentiasa berada di tahap yang paling cemerlang.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mengambil tindakan dari masa ke semasa supaya mutu pendidikan pengajaran pengajian Islam ini bertambah tetapi di samping itu kita mesti ingat bahawa apa sahaja mata pelajaran yang kita pelajari semuanya yang berkaitan dengan kebaikan adalah diharuskan oleh Islam. Bererti apa sahaja mata pelajaran

yang kita pelajari, kalau sekiranya kita belajar dalam bidang agama, di antaranya ialah fardhu ain yang perlu kita buat/lakukan, itu adalah salah satu ilmu yang khas/khusus bagi tiap-tiap orang Islam untuk mengetahui dan mengamalkannya tetapi di samping itu mesti kita ingat apa sahaja mata pelajaran yang berkaitan dengan kehidupan harian adalah digalak dan diharuskan oleh Islam.

Dalam hal ini untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi, sejak tahun 1992, apabila KAFA diadakan, banyak kejayaan yang telah kita capai kerana murid-murid yang telah berjaya membaca al-Quran 75%, yang boleh menghafaz surah-surah yang pendek 85% - kadang-kadang ayahnya sendiri pun belum tentu boleh hafaz surah-surah yang pendek dan amali sembahyang 90% dan tahu menulis jawi 85%, sedangkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi sebelum tahun 1992 – sebelum kita adakan kelas KAFA hanya lingkungan keseluruhan 40%.

Ini adalah merupakan satu kejayaan yang amat baik dan kita yakin bahawa apabila perkara-perkara yang saya sebutkan tadi telah diamalkan oleh pelajar-pelajar kita sekarang yang berada di sekolah, kita cukup yakin generasi yang akan datang mempunyai akhlak yang baik di samping mempunyai pelajaran agama yang mapan serta pelajaran-pelajaran lain yang dikehendaki juga mempunyai kecemerlangan.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Paul Nointien (Penampang) tidak hadir].

PROJEK PERUMAHAN –

KESAN AKIBAT KEGAWATAN EKONOMI

10. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kesan kegawatan ekonomi terhadap projek perumahan yang dirancang untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, secara awalan keadaan kegawatan ekonomi mengurangkan permintaan terhadap rumah kos tinggi yang berharga melebihi RM250 ribu kerana pihak Bank Negara hanya mengehadkan pinjaman pembelian hartanah kepada kadar tersebut. Di samping itu ia memberi dorongan kepada pemaju menumpukan kepada pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana.

Kesan jangka panjang kegawatan ekonomi terhadap projek perumahan belum dapat dipastikan. Ini ialah kerana kerajaan sedang mengikhtiarkan pelbagai langkah memulihkan ekonomi dan ini akan mempengaruhi pembinaan perumahan secara langsung dan tidak langsung.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, soalan tambahan. Baru-baru ini kita baca dalam surat khabar bahawa satu kempen pemilikan rumah akan dilaksanakan tidak lama lagi kerana terdapat banyak unit rumah tidak dapat dijual mungkin kerana kegawatan ekonomi. Jadi saya ingin tahu jumlah unit rumah yang telah siap dan juga jumlah unit yang sedang dalam pembinaan tetapi masih belum dijual lagi? Untuk kempen ini beberapa unit rumah akan ditawarkan dan apa jenis kemudahan akan diberikan supaya pembeli dapat membeli rumah yang akan ditawarkan kepada mereka.

Yang kedua, dalam kegawatan ekonomi ini pendapatan rakyat mungkin terjejas. Jadi sama ada kerajaan bercadang supaya membina lebih banyak rumah pangsa atau rumah kos rendah untuk disewakan kepada golongan ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kempen pemilikan rumah, perkara ini sedang diuruskan dan diharapkan dapat dilancarkan pada 12 haribulan ini dan projek atau detail-detail mengenai jumlah rumah yang akan ditawarkan oleh pihak pemaju, kita belum ada angka-angka terperinci tetapi

kita maklumkan kempen ini hanya untuk jenis rumah berharga RM250 ribu dan ke bawah. Kempen ini adalah sepanjang satu bulan dan pihak penganjur iaitu pihak persatuan pemaju perumahan dan juga persatuan bank-bank dan institusi kewangan, mereka sedang menguruskan perkara ini dan saya rasa maklumat-maklumat yang terperinci itu akan disampaikan dalam surat khabar dan juga media elektronik dalam dua, tiga hari ini.

Mengenai soalan kedua, iaitu sama ada kerajaan bercadang untuk membina lebih rumah untuk disewakan. Memang ini sudah menjadi satu amalan oleh pihak berkuasa tempatan yang besar seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya difahamkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan menggunakan cara ini untuk mendapatkan lebih banyak rumah disewa oleh golongan yang miskin yang tidak mampu membeli rumah kos rendah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Kita semua sedia maklum bahawa sebelum kegawatan ekonomi dahulu banyak pemaju perumahan membina rumah mewah dan juga membina rumah murah. Soalan saya ialah sama ada kementerian sedar atau tidak bahawa adanya berlaku pemaju-pemaju perumahan begitu segera membina rumah mewah dan mengutip wang begitu banyak tetapi gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk membina rumah murah. Perkara ini boleh saya majukan kepada kementerian bahawa pernah berlaku dan saya sedia memberi kerjasama. Perbuatan ini saya fikir amat tidak berpatutan kerana ini telah melanggar hasrat kerajaan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat, jikalau ada pihak pemaju yang membuat begini iaitu membina rumah mewah sahaja dengan segera dan kemudiannya melupakan atau mengabaikan usahanya untuk membina rumah kos rendah, perkara ini memang kita ambil perhatian yang serius kerana ini akan menjejaskan program pembuatan rumah kos rendah di seluruh negara. Saya harap kalau ada nama-nama pemaju itu

berikan kepada kementerian ini, kita akan menyiasat dan akhirnya kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap lesen dan sebagainya.

PEMBUANGAN PEKERJA –

LANGKAH-LANGKAH DAN PERSEDIAAN

11. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah pembuangan pekerja-pekerja oleh (a) kerajaan, (b) agensi-agensi kerajaan, (c) badan-badan berkanun dan (d) syarikat-syarikat awam termasuk bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi persediaan menghadapi masalah pembuangan pekerja dalam masa kegawatan di dalam negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak mengambil tindakan membuang pekerja-pekerja oleh sebab kegawatan ekonomi. Sekiranya ada pekerja yang terpaksa diberhentikan oleh sebab pembubaran atau pemansuhan jawatan, kerajaan akan berusaha terlebih dahulu menawarkan mereka perlantikan mengisi kekosongan jawatan di agensi kerajaan yang lain.

Di sektor swasta pula, daripada Januari hingga 28 November 1998, Kementerian Sumber Manusia telah menerima laporan bahawa seramai 77,886 orang pekerja iaitu 69,314 orang atau 89% pekerja tempatan dan 8,572 ataupun 11% pekerja asing telah diberhentikan kerja. Ianya membabitkan sebanyak 4,448 majikan.

Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian pekerja berlaku sepanjang masa atas bermacam-macam sebab bahkan perkara mengenai saiz pekerja bagi sesebuah syarikat ataupun kilang adalah hak mutlak majikan itu sendiri untuk menentukannya. Meskipun demikian, Kementerian Sumber Manusia tetap mengambil inisiatif proaktif untuk menangani isu-isu berhubung pemberhentian

pekerja. Sehubungan dengan itu beberapa langkah telah diambil dan di antaranya adalah termasuk:

- (i) Mewajibkan setiap majikan yang merancang untuk memberhentikan pekerja atau mengurangkan gaji pekerja atau mengetepikan pekerja secara sementara atau melaksanakan apa-apa skim inovatif yang melibatkan perkhidmatan ataupun upah pekerja supaya melaporkannya kepada Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Buruh satu bulan sebelum rancangan berkenaan dilaksanakan. Peraturan ini sudah pun dikuatkuasakan mulai 1 Februari 1998. Dengan cara ini ianya akan memberi peluang kepada Jabatan Buruh untuk menasihatkan pihak majikan tentang cara-cara yang lebih elok untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka dan jika perlu diadakan rundingan bersama antara majikan dengan persatuan-persatuan pekerja yang berkaitan. Ini juga akan memberi peluang kepada pihak kementerian untuk mencari kerja-kerja ganti jika boleh.
- (ii) Melaksanakan Skim Latihan Pekerja yang dihentikan kerja, yang diuruskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia mulai 2 Mei 1998. Untuk membolehkan pekerja-pekerja yang gagal mendapatkan pekerjaan ganti supaya meneruskan pelajarannya khususnya dalam bidang kemahiran di peringkat sijil ataupun diploma.
- (iii) Meminta majikannya merancang untuk memberhentikan pekerjanya supaya menyediakan khidmat exit service seperti teknik

temu duga, perkhidmatan kaunseling dan panduan kerjaya bagi membantu pekerja mendapatkan pekerjaan alternatif.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapakah kadar pengangguran sekarang dibandingkan tahun lepas sebelum Julai iaitu berlaku kegawatan ekonomi? Adakah menjangka ataupun meramalkan keadaan pengangguran ini dapat dikurangkan pada tahun akan datang? Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat satu sahaja.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu sebelum kegawatan ekonomi bermula di negara kita ini kadar pengangguran ialah 2.6%. Ini dianggap sebagai full employment di negara kita. Kita jangkakan kalau keadaan ekonomi negara kita terus merosot, maka seburuk-buruknya ia akan pergi 4.6%, tetapi alhamdulillah dari laporan-laporan yang kita terima kita sudah pun ternampak bahawa soal pengangguran sedang mendapat kebaikan iaitu tidak merosot dan bermakna kita mungkin tidak sampai kepada tahap 4.6%.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, satu pengangguran di segi pekerja-pekerja. Masalah sekarang ini iaitu mereka daripada golongan profesional yang dibuang daripada bank, Petronas dan mereka ini mempunyai pengalaman akaun sampai sepuluh hingga lima belas tahun. Apakah kerajaan tidak bercadang mengambil mereka bekerja sementara di pejabat-pejabat kerajaan, pejabat-pejabat daerah kerana golongan ini juga banyak sekarang yang menganggur iaitu golongan yang profesional. Takkan kita hendak hantar mereka ke ladang kelapa sawit, sepuluh tahun mereka menjadi akauntan ataupun ahli-ahli bank, jadi bagaimanakah hendak menyelesaikan masalah mereka ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat memang kita menghadapi masalah sedikit mengenai golongan seperti yang telah dinyatakan. Bukan sahaja golongan itu tetapi juga yang lepasan universiti dan sebagainya. Mereka ini memang akan mengambil masa sedikit untuk mendapatkan kerja ganti ataupun kerja yang sesuai dengan mereka. Ini adalah satu masalah yang kita terpaksa hadapi dan terpaksa kita lalui. Kerajaan hendak mengambil mereka untuk kerja sementara pun tidak berapa praktikal kerana ini akan memudaratkan lagi kedudukan kewangan kerajaan.

Namun demikian, keadaan sekarang adalah berbeza dengan kemelesetan ekonomi yang kita hadapi pada pertengahan tahun 80-an dahulu. Waktu itu memang kerajaan ambil graduan-graduan yang menganggur ini dan memberi kerja sementara dengan elaun RM400 atau RM500 sebulan untuk wang saku mereka. Tetapi untuk dapat gaji ataupun pendapatan begitu pada ketika ini tidak menjadi masalah kerana setakat hendak mencari nafkah untuk sementara itu, maka kita ada beribu-ribu kerja kosong di industri-industri Hi-Tech dan sebagainya yang boleh memberi gaji RM700, RM800 ke atas. Jadi banyak graduan telah pun mendapatkan kerja-kerja sementara. Itulah sebabnya kita tidak menghadapi masalah sangat mengenai keadaan ini. Insya-Allah apabila ekonomi pulih dan nampaknya kian pulih, jadi masalah ini dapat diatasi.

BSKL/INSTITUSI BANK DAN KEWANGAN – MERANGSANG PEMULIHAN URUS NIAGA

12. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Bank Negara dalam perkara-perkara berikut akan merangsangkan pemulihan urus niaga BSKL, institusi bank dan kewangan:

- (a) menaikkan had pinjaman pembelian saham dari 15% ke 20%;
- (b) meningkatkan tempoh pengelasan pinjaman gagal dibayar (NPL) dari tiga ke enam bulan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan had pinjaman bagi pembelian saham daripada 15% kepada 20% adalah bertujuan memastikan pelabur jangka panjang mendapatkan akses ke dalam

pasaran saham dan seterusnya memperingkatkan urusan niaga pasaran saham dan memulihkan prestasi BSKL. Pelaburan jangka panjang di dalam syarikat yang tersenarai di dalam BSKL akan memperkukuhkan kedudukan syarikat tersebut di samping mempertingkatkan keupayaan syarikat berkenaan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan yang diperlukan bagi memperkembangkan perniagaan seterusnya. Ini akan mempertingkatkan kegiatan aktiviti di dalam pelbagai sektor ekonomi yang akan mempunyai kesan positif ke atas usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh pengelasan pinjaman tidak berbayar yang lebih panjang iaitu dari tiga bulan kepada enam bulan membolehkan institusi perbankan mengalihkan tumpuan yang lebih terhadap mengurus pinjaman tidak berbayar. Oleh yang demikian, institusi perbankan akan dapat memainkan peranan perantaraan dengan lebih efektif, dengan menyalurkan pembiayaan yang diperlukan oleh sektor ekonomi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sejak langkah-langkah ini dikuatkuasakan apakah kesan ke atas BSKL sekarang dan bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan dasar kerajaan yang tidak begitu menggalakkan pinjaman kepada syarikat atau perseorangan untuk hanya berniaga di dalam BSKL atau hanya untuk ekuiti sahaja. Apakah dasar sekarang untuk pelabur-pelabur, syarikat dan orang perseorangan yang berkecimpung di dalam BSKL mengenai pinjaman daripada bank dan institusi kewangan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini komposit indeks BSKL telah meningkat daripada yang terendah sekali iaitu 262.7 mata pada 1 September 1997 kepada 510.8 mata pada 8 Disember 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Bank Negara pada hari ini ialah untuk menggalakkan supaya bank dapat memberi pinjaman kepada semua projek viable dan termasuk urusan niaga perniagaan yang viable. Setakat ini Bank Negara memang tidak begitu puas hati dengan kadar kenaikan pinjaman iaitu pada tahap 4.5% yang paling akhir sekali adalah lebih rendah daripada jangkaan Bank Negara iaitu pada 8%.

Walaupun terdapat sebulan lagi untuk tahun ini berakhir, walau bagaimanapun Bank Negara masih berharap kalau dapat kadar pertumbuhan pinjaman ini dapat dinaikkan sampai ke paras 6% atau 7% dan semua CEO bank itu telah diberi arahan untuk mempertingkatkan pinjaman dan dapat memproseskan permohonan pinjaman itu. Semua CEO itu juga dipertanggungjawabkan untuk mencapai ke tahap seperti yang disarankan. Kita berharap semua CEO itu dapatlah menunjukkan penglibatan dan usaha untuk sama-sama mencapai kadar pertumbuhan pinjaman ini supaya dapatlah kita menggunakan kecairan yang terdapat di dalam sistem perbankan itu, iaitu lebih kurang 39 bilion disebabkan penurunan kadar FRR dari 13.5% kepada 4% dan juga dengan penurunan BSKL itu kepada 8%, jadi dengan itu kita harap dapatlah kita mempertingkatkan kadar pinjaman itu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suatu ketika dahulu usahawan kita menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman dan saya difahamkan masalah ini bukannya tidak ada wang, tidak ada dana tetapi pihak bank sengaja tidak mahu memberi pinjaman kerana mereka bimbang risiko pinjaman tidak berbayar malah mereka lebih mengutamakan pendapatan dari pinjaman antara bank atau inter-bank loan, dengan izin.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kebenaran ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memperbaiki kedudukan ini dan sejak daripada usaha yang diambil oleh kerajaan, berapa banyakkah pinjaman yang telah diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya, Yang Berhormat tolong cakap kuat sedikit sebab suara tidak dengar tadi.

Dato' Wong See Wah: Maaf. Tuan Yang di-Pertua, memang Bank Negara Malaysia sedar masih terdapat masalah untuk pemohon mendapat kelulusan untuk pinjaman daripada sistem perbankan kita dan satu perjumpaan telah diadakan di antara persatuan bank dengan persatuan-persatuan perniagaan di

seluruh Malaysia supaya dapat masing-masing membangkitkan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak dan Kementerian Kewangan menjadi orang tengah untuk merapatkan permasalahan yang terdapat di antaranya dan oleh kerana perjumpaan ini hanya baru sahaja diadakan maka kesannya belum diketahui.

Walau bagaimanapun, kita mengambil ikhtiar untuk kita meningkatkan kadar kelulusan itu dan juga pembiayaan itu dan sekiranya terdapat apa-apa masalah yang dihadapi oleh seseorang pemohon, mereka bolehlah terus mengadu kepada Unit Aduan di Bank Negara Malaysia ataupun kepada pihak kementerian.

PENCEROBOHAN RSAF KE ATAS RUANG UDARA MALAYSIA - TINDAKAN

13. **Tuan Haji Ibrahim Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Pertahanan menyatakan rasional sikap dan tindakan terlalu naif terhadap pencerobohan RSAF ke atas ruang udara dan kedaulatan negara ini. Adakah beliau bersedia meletakkan jawatan atas isu tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana beliau menghadiri Mesyuarat Kabinet dan Timbalannya berada di Sukan Asia di Bangkok.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita melihat bahawa sikap melaga-lagakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai jelas menunjukkan akan kejahilan Yang Berhormat mengenai hubungan dua hala di antara kedua-dua negara jiran dan tidaklah menghairankan jika saya katakan bahawa Ahli Yang Berhormat suka melihat angkatan tentera kita berada di dalam keadaan yang tegang. Saya mengetahui bahawa Yang Berhormat sering bercakap mengenai hubungan baik dan hidup berjiran tetapi saya tidak nampak ahli-ahli atau penyokong PAS memahami akan hubungan di antara kedua negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita perlu mengambil tindakan yang bijaksana supaya ianya tidak membawa kepada konflik yang boleh memudaratkan kepada kedua-dua negara dan rakyat jelata. Perkara seumpama ini biasanya tidak diambil berat oleh ahli-ahli dan juga penyokong-penyokong PAS.

Mengenai soalan apakah Menteri Pertahanan bersedia untuk meletak jawatan, saya suka memaklumkan jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai menjadi Perdana Menteri maka Yang Berhormat Menteri Pertahanan bersedia mengikut arahan Yang Berhormat. Tetapi saya percaya Yang Berhormat tidak akan jadi Perdana Menteri.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah penamatan keistimewaan penggunaan ruang udara di Johor Bahru ini, kita difahamkan tidak ada lagi pencerobohan yang berlaku. Saya ingin tahu apakah bentuk keistimewaan sebelum ini, untuk tujuan kegunaan apakah keistimewaan ini diberikan kepada Singapura?

Yang kedua saya ingin tahu sebagai orang yang jauh daripada Johor ini, saya ingin tahu kawasan mana sebenarnya yang disebutkan sebagai kawasan keistimewaan penggunaan ruang udara diberikan kepada Singapura ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum perjanjian keistimewaan ini ditamatkan, penerbangan RSAF boleh dilakukan hingga ke Selatan Johor iaitu sampai ke Tanjung Pengelih iaitu bagi kerja-kerja latihan penerbangan navigasi dan juga menyelamat, manakala selepas tamat perjanjian ini maka RSAF perlu membuat permohonan sebelum melakukan apa-apa kerja menyelamat, navigasi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita masih ada masa lagi untuk soal jawab maka kita beralih kepada soalan-soalan yang tidak dibangkitkan tadi. Soalan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

JALAN LUAR BANDAR - PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN

2. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [di bawah S.O. 24(2)]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi melaksanakan kerja-kerja menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar pada tahun 1997 dan 1998 dan bagaimanakah sistem pelaksanaannya dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM260 juta telah diluluskan bagi program jalan luar bandar bagi tahun 1997 dan 1998. Projek-projek dilaksanakan oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri dan Daerah melalui tender sama ada tender terbuka, khas atau rundingan harga.

RUMAH PANGSA TIGA BILIK - USAHA KERAJAAN

3. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan usaha dan rancangan kerajaan untuk memberi keselesaan tempat tinggal kepada penghuni-penghuni rumah pangsa yang mempunyai satu bilik sahaja yang serba kekurangan jika dibandingkan dengan rumah yang mempunyai tiga bilik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini peka dengan masalah ketidakselesaan yang dihadapi oleh penghuni rumah kediaman yang mempunyai hanya sebuah bilik tidur. Satu garis panduan seragam mengenai perancangan dan reka bentuk rumah pangsa kos rendah telah disediakan untuk diguna pakai oleh semua negeri. Garis panduan tersebut telah mensyaratkan pembinaan rumah-rumah pangsa kos rendah dengan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dengan lebih jelas perancangan kerajaan terhadap rumah-rumah pangsa satu bilik yang sedia ada pada hari ini. Adakah kerajaan bercadang untuk meruntuhkannya atau buat baru terutamanya di kawasan rumah flat di Jalan Pekeliling dan sebagainya. Jadi ini yang saya hendak minta penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Memang ada rancangan seperti yang diumumkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Flat di Jalan Pekeliling itu akan dibina semula dan mengikuti garis panduan baru yang saya baca tadi.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa kes permohonan untuk menaikkan harga rumah kos rendah daripada RM25,000 kepada RM42,000 telah diluluskan oleh kementerian. Apakah garis panduan yang telah digunakan untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan bagaimana kita memastikan kebenaran tersebut tidak disalahgunakan oleh pemaju untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kalau saya tidak salah faham, soalan ini mengenai harga barukah Yang Berhormat? Harga baru ini sekarang memang disyaratkan oleh kementerian ini dan sebagai satu garis panduan yang kita harap setiap negeri melalui pihak berkuasa perancangan iaitu pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Exco negeri akan mengikutinya. Ini adalah satu persetujuan yang kita capai di dalam Majlis Kerajaan Tempatan dan kita harapkan pihak berkuasa akan melaksanakan semua syarat atau semua kaedah yang kita masuki dalam garis panduan itu termasuk bilik tidur, keluasan lantai, dapur dan sebagainya. Bagaimana kita akan menentukan perkara ini tidak disalahgunakan, saya rasa ini terpulanglah kepada pihak berkuasa tempatan dan juga kepada pihak negeri supaya garis panduan ini akan digunakan sepenuhnya.

Sama ada kita boleh menentukan, mendendakan atau menyalahkan siapa yang tidak mengikuti garis panduan ini, saya rasa kita tidak ada kuasa sebab ini sebagai satu garis panduan sahaja dan bukan satu undang-undang. Sebab itulah kita harap kerjasama antara semua pihak termasuk kerajaan negeri adalah perlu untuk mengguna pakai garis panduan ini.

**SKIM INSURAN KESIHATAN NASIONAL -
SIASATAN OLEH BPR**

5. Tuan Haji Mohamad Sabu [Kubang Kerian] minta Perdana Menteri menyatakan adakah siasatan dilakukan oleh BPR terhadap pihak-pihak yang membuat tawaran untuk melaksanakan Skim Insurans Kesihatan Nasional yang dijangka boleh menjana pulangan RM10 bilion setahun.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan pada 8 Jun 1998 menyatakan;

“Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang lain selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduhkan di mahkamah atas satu kesalahan di bawah Akta ini. Atau mana-mana undang-undang bertulis lain berkait dengan aduan itu. Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada orang-orang lain selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya”.

Oleh yang demikian, Badan Pencegah Rasuah tidak boleh memberikan sebarang komen berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Perdana Menteri meneliti suatu cadangan misalnya insurans kesihatan dan sebagainya, apakah ura-ura kerajaan untuk menjadikan kesihatan sebagai satu sumber perniagaan menyebabkan ada golongan yang menawarkan skim insurans seperti ini? Adakah kerajaan tidak menggalakkan program seperti ini kerana kita hendak kekalkan kesihatan sebagai tanggungjawab sosial kerajaan. Jadi, saya minta penjelasan sedikit dalam hal ini.

Dato' Haji Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu harus ditujukan kepada Kementerian Kesihatan tidak kepada Jabatan Perdana Menteri.

Masa Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan sudah cukup.

SOALAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
PENDUDUK MISKIN DAN TERMISKIN –
JUMLAH/PECAHAN

7. **Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa jumlah penduduk yang masih dikategorikan miskin dan termiskin di negara ini; dan
- (b) daripada jumlah tersebut berapakan pecahan jumlah mereka mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian bagi membaiki kehidupan keluarga miskin khususnya mereka yang mempunyai ramai anak yang sedang bersekolah.

Jawapan:

Jawapan bagi jumlah penduduk miskin di negara ini telah dijawab pada 25 November 1998 ketika soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan. Bagi jumlah rakyat termiskin mengikut negeri adalah seperti berikut

NEGERI DAFTAR 1995/96 (KIR)

Johor

Kedah

Kelantan

Melaka

Negeri Sembilan

Pahang

Pulau Pinang

Perak

Perlis
Selangor
Terengganu
Sarawak
Sabah
JUMLAH_
1,192
5,650
12,874
428
546
1,459
605
3,145
1,004
1,284
8,634
10,419
11,757
58,997__

Bagi kumpulan sasar termiskin pula kementerian menanganinya menerusi program khusus yang dikenali Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang berbentuk target spesifik. Di antara komponen bantuan di bawah program ini termasuklah Program Pemulihan Rumah (PPR), Program Peningkatan Ekonomi (PPEK dan PPRT Pertanian), Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin (SIKAP) yang juga merangkumi latihan kemahiran, Makanan Tambahan Kanak-Kanak Termiskin (MTKT), Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Program Pembangunan

Masyarakat Setempat (PPMS), Program Kemiskinan Bandar (PKB) dan Program Bantuan Golongan Miskin Amanah Ikhtiar Malaysia.

PETRONAS TWIN TOWERS – KOS PEMBINAAN

9. Tuan Paul Nointien [Penampang] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kos sebenar pembinaan Petronas Twin Towers dan berapa peratuskah ruang dalam bangunan itu sudah diisi atau disewa setakat ini.

Jawapan:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Menara Berkembar Petronas yang merangkumi Menara 1 dan 2 dengan keluasan tiga juta kaki persegi melibatkan kos sebanyak RM900 juta.

Menara 1 kini telah dipenuhi sepenuhnya oleh Petronas manakala Menara 2 pula telah mendapat penyewaan sebanyak 50 peratus setakat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 1998

Bacaan kali Yang Kedua dan Ketiga

11.05 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Kebanyakan pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1999 baru-baru ini.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini iaitu;

- (i) Fasal 1 dan 2 di bawah Bab 1 adalah permulaan yang menyebutkan nama Akta ini dan nama Akta-akta yang terlibat dengan pindaan yang dicadangkan iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990;
- (ii) Fasal 3 hingga 13 di bawah Bab II adalah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (iii) Fasal 14 dan 15 di bawah Bab III adalah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; dan
- (iv) Fasal 16 hingga 18 di bawah Bab IV adalah pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini manfaat rupa barangan dengan izin, benefit in kind adalah dianggap sebagai pendapatan dan dikenakan cukai. Antara manfaat tersebut adalah perbelanjaan tambang perjalanan, percutian kakitangan termasuk ahli keluarganya yang terdekat yang ditanggung oleh majikannya bagi tiga kali percutian di dalam negara dan sekali percutian di luar negara dalam sesuatu tahun kalendar. Namun begitu, pada masa ini Seksyen 13, Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan manfaat tersebut adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi kakitangan yang menerimanya.

Sebagai langkah untuk mengawal pengaliran wang ke luar negeri, Fasal 4 adalah merupakan pindaan kepada sub-perenggan (13)(1)(b)(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 supaya pengecualian cukai berhubung dengan tambang satu kali perjalanan percutian keluar negara yang diterima oleh pekerja dihadkan pengecualian cukainya kepada paras maksimum RM3,000 sahaja.

Walau bagaimanapun bagi percutian di dalam negara pengecualian cukai ke atas perbelanjaan tambang tiga kali percutian di dalam negara masih dikekalkan kerana ini adalah selaras dengan dasar untuk meningkatkan pelancongan dalam negara.

Fasal 5 adalah pindaan kepada perenggan (34)(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memberi kuasa kepada menteri dan bukan lagi kepada

pihak berkuasa yang berkenaan seperti kementerian yang bertanggungjawab dan mengawasi projek berkenaan. Majlis tempatan atau majlis daerah sebagai pihak berkuasa untuk memberi kelulusan bagi sesuatu potongan cukai di bawah perenggan tersebut yang melibatkan pemberian sumbangan kemudahan awam dan projek kebajikan dan kemasyarakatan berhubung dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur. Pengekalan kuasa kepada menteri adalah lebih sesuai supaya potongan cukai yang lebih yang diberi ke atas sumbangan berkenaan bagi kesemua tempat di negara ini dapat diselaraskan.

Seterusnya Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membolehkan syarikat pengeluar makanan diberi galakan, group relief, dengan izin di mana kerugian syarikat pengeluar makanan dibenarkan ditolak daripada pendapatan syarikat dalam kumpulan yang sama.

Fasal 7 adalah pindaan kepada Seksyen 54A Akta Cukai Pendapatan 1967 yang bertujuan untuk memperluaskan pengecualian cukai ke atas pendapatan perniagaan perbekalan menggunakan kapal Malaysia supaya meliputi pendapatan sewa yang diperolehi oleh pemastautin daripada kadar masa dan kadar perjalanan sebagai langkah untuk terus membangunkan industri perkapalan negara. Memandangkan kedua-dua jenis kadar berkenaan adalah merupakan aktiviti penting syarikat perkapalan.

Fasal 8 – bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta Cukai Pendapatan supaya pendapatan kumpulan wang pemegang saham, sesuatu syarikat insuran hayat hendaklah termasuk amaun lebihan actuary yang sebenarnya dipindahkan dari kumpulan wang hayat kepada kumpulan wang pegangan saham dan bukan amaun lebihan aktuari yang boleh dipindahkan atau boleh diagihkan mengikut formula yang ditetapkan. Langkah ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pemegang saham mengekalkan lebihan aktuari di dalam kumpulan wang hayat untuk memperteguhkan lagi kedudukan kewangan industri insuran hayat demi perkembangannya dalam jangka masa panjang. Dari segi layanan cukai hanya lebihan aktuari yang benar-benar dipindahkan ke dalam kumpulan wang pemegang saham sahaja yang akan tertakluk kepada cukai pendapatan dan dengan itu pindaan kepada seksyen ini akan dapat mendorong pemegang saham mengekalkan banyak lebihan aktuari di dalam kumpulan wang hayat.

Fasal 9 – adalah bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta Cukai Pendapatan supaya pelepasan cukai yang layak diberi kepada individual yang bukan pemastautin adalah dihadkan kepada individual yang merupakan seorang warganegara Malaysia yang berkhidmat di dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun. Ini menjadi bukan pemastautin disebabkan oleh penggajian tersebut.

Fasal 10 – bertujuan untuk memasukkan Jadual baru 4C dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, untuk membolehkan sesuatu syarikat menyerahkan kerugian terlarasnya, berkenaan dengan projek pengeluaran makanan yang diluluskan kepada sesuatu syarikat yang berkaitan. Kerugian terlaras yang diserahkan itu akan boleh dipotong daripada pendapatan agregat syarikat yang berkaitan menurut seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan. Apa-apa kerugian terlaras yang tidak diserahkan dalam sesuatu tahun taksiran akan dibawa ke hadapan dan tidak boleh diserahkan dalam tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 10 - bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan di mana perenggan 30 kepada jadual tersebut dipinda supaya pencen yang diterima oleh sesuatu individual sama ada pemastautin atau tidak adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Perenggan 35A kepada Jadual 6 pula dimasukkan untuk memperuntukan bahawa pendapatan faedah yang diterima oleh unit amanah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Seterusnya, Fasal 13 pula bertujuan untuk meminda jadual 7A dalam Akta Cukai Pendapatan di mana subperenggan 1(c) dipotong supaya kriteria berhubung dengan kenaikan produktiviti tidak lagi menjadi prasyarat bagi suatu syarikat untuk layak mendapat elaun pelaburan semula. Pindaan ini akan disifatkan telah berkuat kuasa dari tahun taksiran 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda perenggan 53(2)(a) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah yang memperuntukkan cara bagaimana penyampaian notis ke atas syarikat perkongsian atau kumpulan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia akan dilaksanakan. Dengan pindaan ini notis dianggap telah diterima oleh pihak-pihak tersebut sekiranya notis berkenaan yang telah dialamatkan kepada alamat berdaftar atau alamat terakhir yang diketahui atau seseorang yang diberi kuasa oleh pihak-pihak tersebut untuk menerima notis berkenaan.

Bab IV adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Fasal 17 adalah pindaan bertujuan untuk mempergiatkan lagi kegiatan perniagaan luar pesisir di Labuan. Pindaan ini menyediakan proviso baru kepada takrif “aktiviti perniagaan luar pesisir”, supaya skop aktiviti tersebut yang boleh dilakukan sesebuah syarikat luar pesisir Labuan dengan pemastautin termasuklah perniagaan, dengan izin, money-brokering dan offshore leasing yang masing-masing telah dibenarkan untuk dijalankan oleh syarikat luar pesisir di bawah seksyen 7(3)(a) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Subperenggan baru iaitu subperenggan (f) telah dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri meluluskan kegiatan perdagangan luar pesisir atau bukan perdagangan luar pesisir yang boleh dijalankan dengan pemastautin atau transaksi boleh dijalankan dalam mata wang ringgit Malaysia.

Dengan demikian, sesuatu syarikat luar pesisir yang menjalankan sama ada perniagaan pembrokeran wang atau pemajakan boleh menjalankan perniagaan-perniagaan tersebut dengan pemastautin. Langkah ini diambil selaras dengan hasrat untuk mempergiatkan lagi pembangunan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa luar pesisir.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat].

Fasal 18 pula bertujuan untuk memotong seksyen 10A pada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, ini kerana syarikat luar pesisir tidak lagi mempunyai pilihan sebagai gantian cukai untuk membayar kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan suatu fee yang ditetapkan iaitu sebanyak RM20,000 setahun memandangkan pilihan tersebut di bawah seksyen 151 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 telah pun dimansuhkan.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah pindaan kecil ataupun berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:
Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tambun.

11.18 pagi

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Saya menyokong pindaan kepada Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 54(A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan yang dicadangkan ini ialah untuk memasukkan pendapatan berkenaan dengan carta perjalanan atau masa bagi kapal Malaysia yang dipunyai oleh seseorang pemastautin sebagai pendapatan yang dikecualikan daripada cukai.

Saya menyokong pindaan tersebut dan pengecualian kepada cukai perkapalan, saya anggap sebagai satu insentif yang besar kepada pengusaha perkapalan selaras dengan cita-cita dan matlamat kerajaan untuk menjadikan

negara Malaysia sebuah negara maritime yang setanding dengan negara-negara lain yang terkemuka dalam bidang tersebut.

Antara tujuannya adalah untuk kita memperkukuhkanimbangan akaun semasa negara dengan hasrat supaya kargo negara dapat menggunakan kapal milik rakyat Malaysia. Dengan itu dapat mengalirkan kos freight dan insurans kepada syarikat perkapalan Malaysia. Ini adalah tujuan untuk mengambil peluang daripada kedudukan negara kita sebagai negara perdagangan yang mempunyai ranking antara 20 yang terbesar di dunia.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan bidang perkapalan sebagai bidang utama di negara kita. Pertama, adakah kerajaan telah mengkaji akan kedudukan industri perkapalan negara kita dan membuat perbandingan dengan negara maritime yang telah maju dan kedua adakah kita mempunyai kapasiti untuk berkembang serta apakah strategi yang telah dirancang untuk mencapai hasrat tersebut. Saya menyatakan perkara tersebut, Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita tidak mempunyai tradisi industri perkapalan. Industri perkapalan di negara kita masih lagi muda, ini bermakna ia akan melibatkan isu pembinaan kapasiti (capacity building). Dalam hubungan ini memandangkan negara kita masih muda dalam industri perkapalan untuk meningkatkan pembangunan kapasiti akan melibatkan kita menghadapi kekangan yang cukup hebat dari segi modal, pembinaan aset dalam bentuk perkapalan, pinjaman bank serta melibatkan tenaga kerja.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi kapasiti “dead weight tonne” yang kita perlukan, berapakah kapasitinya dan apakah kapasiti yang dimiliki oleh syarikat perkapalan negara kita dan adakah kapasiti yang kita miliki ini boleh memenuhi kapasiti yang dikehendaki? Selain dari itu saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, atas usaha untuk

memperkembangkan industri perkapalan adakah ia satu usaha yang kita anggap sebagai menguntungkan memandangkan kepada hukum ekonomi.

Pertama, sumber adalah terhad di mana-mana ekonomi sekalipun terutama di negara kita dengan kegawatan ekonomi dan sekarang harga petroleum telah menurun, bermakna pendapatan bagi Petronas akan berkurangan untuk digunakan bagi memperkembangkan ekonomi negara kita. Di samping sumber yang terhad, sumber ini juga mempunyai “opportunity cost” dan tentulah kita hendak menggunakannya dengan cara yang paling efisien.

Jika usaha untuk memperkembangkan industri perkapalan mempunyai kekangan dan tidak mudah untuk dibangunkan, sumber yang terhad digunakan untuk sektor ini, kita tidak dapat menggunakan sumber untuk sektor yang lebih efisien yang boleh memberi pulangan yang lebih tinggi. Dengan itu kita akan berhadapan dengan suasana di mana terdapat pembaziran modal. Dalam erti kata lain, kita menyalurkan modal yang begitu besar untuk memperkukuhkan industri perkapalan yang memberi pulangan yang kecil kepada negara kita. Adalah lebih baik untuk kita menggunakan modal tersebut untuk pelaburan-pelaburan yang kita memang mempunyai kekuatan di samping memberi pulangan yang besar. Saya dapati dari segi perancangan negara kita, kita seolah-olah begitu gopoh dan boleh dianggap sebagai ‘nation in a hurry’ iaitu kita mahu mencapai kejayaan dalam semua bidang dan ini tentunya tidak boleh dicapai.

Kalau kita lihat dari segi mana-mana negara maju sekalipun tiap-tiap negara mempunyai daya saing dalam bidang-bidang tertentu. Amerika Syarikat dalam bidang kewangan, banking, perakaunan dan elektronik; negara Jepun dalam bidang elektronik, elektrik dan automobil; dan Negara Taiwan dalam bidang elektronik. Negara-negara ini menumpukan kepada bidang yang mereka mempunyai daya saing yang tinggi, manakala kita ingin membangunkan semua bidang dalam negara kita. Malahan saya lihat dalam laporan MTEN dalam lima objektif yang hendak dicapai apabila dipecah kepada cabang-cabang ekonomi yang akan dibangunkan

terdapat begitu banyak sekali bidang-bidang yang hendak dibangunkan. Sepatutnya, kita memberi fokus serta membuat prioriti yang manakah bidang-bidang yang harus kita bangunkan kerana tiap-tiap pembangunan itu akan melibatkan berbagai faktor-faktor seperti modal, tenaga kerja dan pasaran. Ia juga melibatkan membangunkan budaya yang sesuai untuk memperkukuhkan bidang-bidang yang ingin dibangunkan.

Saya juga ingin memberi pandangan tentang usaha-usaha untuk membangunkan industri perkapalan. Saya berpendapat kita mesti membuat perancangan jangka panjang dengan melaksanakan pembangunan peringkat demi peringkat. Terlebih dahulu, saya ingin menumpu kepada sektor perkapalan domestik. Saya difahamkan sektor ini 70% dikuasai oleh syarikat perkapalan asing terutama dari Singapura dan ini telah berlaku daripada bertahun-tahun. Malahan pada tahun 1980-an kerajaan memperkenalkan 'cabotage policy' yang bertujuan untuk sektor perkapalan domestik dikuasai oleh syarikat-syarikat tempatan dengan cara mana-mana syarikat perkapalan asing yang hendak beroperasi di dalam sektor domestik mesti mempunyai rakan kongsi tempatan baru mereka boleh beroperasi. Dengan cara itu kita dapat meningkatkan penglibatan ekuiti syarikat-syarikat tempatan dalam bidang itu. Saya difahamkan bahawa usaha-usaha ini telah gagal. Saya ingin mendapat penjelasan apakah alternatif-alternatif bagi memperkukuhkan sektor perkapalan domestik supaya dapat dikuasai oleh negara Malaysia.

Di samping itu kita dapati bahawa ada berbagai faktor lagi yang terlibat dengan sektor perkapalan yang mesti diberi perhatian. Oleh kerana negara kita sebuah negara yang muda dalam industri perkapalan, kita menghadapi kekangan dari segi bilangan pemodal dan pengusaha yang berminat dalam bidang tersebut. Di samping itu kita menghadapi masalah pinjaman dan kewangan. Saya dapati di kalangan bank-bank di negara kita selain daripada Bank Industri, sebahagian besar bank tidak begitu menumpu kepada sektor ini dan selepas ini tidak diberi prioriti. Malah Bank Industri yang diper-tanggungjawabkan untuk membiayai

pembangunan sektor perkapalan juga tidak begitu cergas. Penglibatannya agak begitu terhad dan saya percaya ini adalah disebabkan oleh realiti kedudukan sektor industri perkapalan dalam negara kita dan pertumbuhannya tentunya lembab sekali. Di samping itu kita juga menghadapi masalah dari segi tidak mempunyai anak-anak kapal dengan itu kita terpaksa mengambil anak kapal daripada negara-negara lain terutama daripada Filipina dan bersaing dengan syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa untuk mengambil anak-anak kapal tersebut dan ini melibatkan kos yang begitu tinggi. Dalam erti kata lain, sektor industri perkapalan di negara kita belum lagi membangun dengan begitu pesat.

Dari segi sektor perkapalan antarabangsa saya berpendapat untuk ia dibangunkan, kita mesti terlebih dahulu membina asas kekuatan dalam sektor perkapalan dari peringkat yang lebih rendah. Kita hendaklah membentuk satu sektor dalam industri perkapalan iaitu satu sektor yang kita mempunyai kekuatan baru boleh menarik perkembangan dalam industri perkapalan secara yang menyeluruh. Saya ambil contoh macam Korea Selatan yang bermula dengan membangunkan sektor pembinaan kapal. Industri perkapalan di Korea Selatan sekarang telah sampai kepada tahap kematangan di mana ia dapat mengeluarkan kapal-kapal berkualiti dengan kos yang rendah. Syarikat perkapalan di seluruh dunia, kalau mahu membeli kapal yang berkualiti dengan kos yang rendah, syarikat tersebut akan pergi ke Korea Selatan.

Begitu juga dari segi Singapura, Singapura terkenal di dunia sebagai pengkalan untuk membaik pulih kapal. Dengan sebab itu Singapura dapat menarik kapal-kapal lain ke pelabuhannya sehingga memperkembangkan industri perkapalan secara menyeluruh dengan syarikat-syarikat perkapalan Singapura begitu aktif, termasuk di dalam sektor perkapalan domestik negara kita. Syarikat-syarikat dari Singapura menguasai 70% daripada pasaran domestik negara kita.

Dari segi negara kita apa yang boleh kita lakukan adalah dengan meningkatkan perkembangan pelabuhan kita sebagai asas bagi kita

memperkukuhkan industri perkapalan. Kita mempunyai pelabuhan yang agak sofistikated tetapi kita kalah dengan Singapura atas sebab beberapa faktor, antaranya adalah masalah efisiensi. Dengan itu kita dapati lebih kurang 60% ataupun RM164 bilion perdagangan eksport negara kita menggunakan Pelabuhan Singapura dan lebih mengejutkan lagi 40% daripada perdagangan syarikat-syarikat dalam Lembah Klang yang dekat dengan Pelabuhan Klang menggunakan Pelabuhan Singapura. Ini tentunya berpunca daripada sesuatu yang tidak kena kepada pelabuhan kita, di mana saya katakan tadi kita menghadapi masalah efisiensi pelabuhan kita. Kita sedar bahawa bagi seorang pengeksport atau pengimport dua faktor terpenting bagi mereka ialah kos dan timing. Kos yang murah itu akan datang dengan cara pengendalian kargo yang efisien dan di samping itu timing untuk produk sampai ke destinasi mengikut masa yang ditetapkan.

Selain daripada masalah efisiensi yang dihadapi oleh pelabuhan kita, kita juga mempunyai masalah dari segi mereka yang terlibat di dalam aktiviti pelabuhan seperti ejen syarikat perkapalan, ejen “forwarding”, kastam dan kemudahan gudang yang mesti dipertingkatkan. Satu lagi masalah utama yang dihadapi oleh pelabuhan kita ialah dari segi kapal MLO yang singgah hanya satu kali atau maksimum dua kali dalam seminggu, pada hal di Singapura lebih kerap daripada itu. Sehubungan dengan itu, ada pandangan daripada kementerian menyatakan bahawa MLO tidak mahu datang ke pelabuhan kita kerana kita tidak mempunyai kargo yang dihantar melalui pelabuhan kita oleh kerana sebahagian besar pergi ke Singapura. Tetapi persoalannya adakah kargo dulu ataupun MLO dulu. Tentu kargo tidak akan pergi ke pelabuhan kita kalau tidak ada MLO, kalau MLO ada barulah kargo ada.

Saya dapati mengapa MLO tidak ada kerana kita bersaing dengan Singapura. Di Singapura telah begitu lengkap pembangunannya, di sana terdapat banyak syarikat perdagangan dunia mempunyai ibu pejabat di Singapura.

Kemudian Singapura mempunyai pusat pengendalian dan baikpulih kapal, ejen-ejen MLO mempunyai pejabat di Singapura dan tentulah mustahil mempunyai ibu pejabat di Singapura kemudian ada Kuala Lumpur. Dalam erti kata lain, Singapura telah membangun sebagai pusat perdagangan, kewangan dan pelabuhan antarabangsa yang terkemuka di rantau ini. Saya berpendapat kita memerlukan sekurang-kurangnya 10 tahun untuk dapat menyaingi Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya berharap usaha-usaha yang jitu, melibatkan rancangan jangka panjang mesti dijalankan untuk kita memperkembangkan industri perkapalan. Kalau tidak kita jangan memberi prioriti kepada industri perkapalan. Daripada kita berbelanja besar dengan modal yang memakan berbilion ringgit untuk memperkembangkan industri ini lebih baik kita gunakan untuk bidang lain, manakala dari segi perkapalan kita boleh gunakan perkapalan asing dari negara yang mempunyai kelebihan daya saing dalam industri itu. Ini lebih menguntungkan daripada memiliki aset besar tetapi pulangan yang kecil, lebih baik kita gunakan syarikat perkapalan yang lain. Dalam erti kata lain, kita harus berhati-hati dan mempunyai strategi yang betul-betul jitu untuk kita memperkembangkan industri perkapalan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong.

11.33 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak banyak ahli sudah letih sekarang ini, selepas hampir 25 hari. *[disampuk]* Tidak payah saya ada cadangan-cadangan yang bernas di sini Rompin tidak mahu menyertai di dalam perbahasan, ini jangan kita bising sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya. Yang Berhormat, sekarang tidak ada had masa, Yang Berhormat .

Dr. Tan Seng Giaw: Tiada had masa, sengaja dia hendak kacau, saya takut kalau tidak ada orang yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dalam

setengah hari, sebelum pukul 1.00 tengah hari semua Rang Undang-undang akan diluluskan dengan begitu sahaja. Kita ada satu sesi ditangguhkan satu hari setengah lebih awal daripada yang dijadualkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti rang undang-undang ini dan didapati bahawa seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk menyelaraskan cadangan-cadangan di dalam Belanjawan yang lepas dan juga menggalak beberapa industri. Cuma di sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tambang cuti, di sini faedah yang terdiri dari tambang cuti bagi perjalanan di antara Malaysia dengan mana-mana tempat di luar Malaysia adalah dihadkan kepada RM3,000.

Memang saya pun tahu ada pengecualian tambang cuti dan sebagainya untuk ahli-ahli yang berkhidmat dengan kerajaan dan juga keluarganya, cuma di sini Yang Berhormat Menteri tidak menyebut berapakah amaun setiap tahun, pengecualian tambang cuti setiap tahun dan pengecualian yang diberi kepada ahli yang berkenaan dan keluarganya. Sebab kita hendak tahu amaun yang terlibat pada setiap tahun untuk maksud ini.

Seterusnya mengenai kuasa Menteri di Fasal 5 yang menyebutkan kuasa diberi kepada Menteri Kewangan memberi kelulusan untuk sesuatu potongan di bawah perenggan ini bukan lagi kepada pihak berkuasa yang relevan dan walaupun ada disebutkan secara ringkas mengenai sebab musabab untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi maksud ini, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa setakat ini pada beberapa tahun ini, kita memberi kepada pihak yang berkuasa yang relevan dan sekarang dipindahkan kepada Menteri Kewangan.

Saya sebutkan hal ini kerana ini kuasa lebih diberikan kepada Menteri Kewangan, walaupun kita ada dua Menteri Kewangan sekarang tetapi saya nampak walaupun ini dibuat mungkin pada praktis pihak berkuasa yang relevan

masih lagi meneruskan kuasa ini secara praktik kerana kedua-dua Menteri Kewangan sangat sibuk dengan hal yang lain.

Mengenai release yang diberikan kepada industri makanan memang ini satu galakan kepada industri makanan yang setiap tahun mengimport lebih RM10 bilion bahan makanan. Di sini saya hendak bertanya iaitu pengecualian yang diberikan ini adakah diberikan kepada jenis-jenis makanan. Apakah jenis makanan yang kita akan berikan pengecualiannya ataupun kepada semua jenis makanan yang diberi pengecualian ataupun kepada jenis-jenis yang dianggap penting untuk industri ini.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, susahlah bagi kita hendak mengeluarkan makanan yang dari segi ekonomi tidak begitu ekonomik, ada setengah makanan itu tidak ekonomik dan adalah kehairahan bagi beberapa pihak termasuk Menteri Kewangan untuk menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan sendiri, saya pun setuju, kalau itu boleh kita buat untuk mengurangkan import makanan itu memang, baik.

Saya bersetuju bahawa dari segi misalnya beras, kita mesti jaga keselamatan kita dan 70% mesti dikekalkan sebagai amaun yang dikeluarkan oleh negara sendiri untuk keselamatan kita walaupun setengah-setengahnya tidak begitu ekonomik tetapi bahan-bahan makanan yang lain, sebab kita rugi juga. Kalau di Thailand, RM10 dia boleh dikeluarkan satu kilogram, kita RM30 untuk satu kilogram, jadi apa sahaja insentif tidak akan bermakna. Sebab itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu jadual, satu kenyataan untuk memastikan bahan makanan yang diberikan relive untuk maksud memajukan industri makanan ini.

Seterusnya Yang Berhormat dari Tambun ada menyebut mengenai perkapalan kita. Industri perkapalan memang satu industri yang pada beberapa tahun ini nampak ada usaha untuk memajukan industri ini tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu saya nampak Petronas digunakan untuk mengambil alih

syarikat perkapalan. Ini bermakna selain daripada krisis ekonomi kita, dasar kerajaan memang tidak begitu sempurna.

Saya mengaku bahawa industri ini memang rumit seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi, mungkin kita ambil sepuluh tahun lagi untuk mengejar Singapura tetapi kenyataan ini memang ada ertinya cuma kita mesti fikirkan bahawa di Singapura dia tidak ada komoditi, tidak keluarkan makanan dan tidak keluarkan apa-apa, cuma dia berharap kepada tenaga manusia dan juga kepada perkhidmatan yang boleh diberi oleh manusia ini. Sebab itulah memang kalau dia tidak buat, dia akan mati dan sebab itu semangat dia kuat dan bekerja dengan lebih kuat untuk memajukan industri perkapalan sehingga status perkapalan di Singapura meningkat kepada tahap yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain di dunia ini. Kita mesti bukan sahaja memberi insentif dan relieve seperti memberi relieve kepada pendapatan berkenaan dengan charter perjalanan atau masa bagi kapal Malaysia yang dipunyai oleh seseorang pemastautin sebagai pendapatan yang dikecualikan daripada cukai dan pendapatan dari perniagaan pengangkutan, penumpang atau kargo masih dikecualikan daripada cukai.

Pengecualian cukai memang diperlukan dari masa ke semasa tetapi masalah industri perkapalan kita bukan sahaja kerana sistem cukai bahkan juga sistem pengurusan dan sistem yang lain termasuk pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan industri perkapalan. Bagi saya tahap kemahiran negara kita untuk menguruskan industri perkapalan ini masih rendah dan saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji, bukan dari segi cukai sahaja tetapi dari segi semua aspek industri perkapalan di negara ini.

Saya baru nampak sekali sekala ada krisis kewangan dan ekonomi, ada Petronas mengambil alih, jadi tidak ada maknalah kalau kita ada industri perkapalan yang memerlukan Petronas untuk menyelamatkan setiap kali ada krisis. Ini memang satu perkara yang penting untuk negara ini kerana kalau itulah yang

dibuat oleh negara ini, maka saya tidak tahulah entah berapa tahun kita boleh mencapai satu tahap yang secocok dengan tahap yang dicapai oleh pihak negara-negara seumpama Singapura, kerana semangat, tujuan dan mentaliti kita tidak serupa. Kita anggap, 'ah', kalau gagal pun kita ada Petronas lagi, kalau kita tidak ada Petronas pun kita ada Tabung Haji, ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan entahlah ada beberapa dana lagi yang boleh menyelamatkannya.

Bagi saya satu kegagalan yang penting, itu fikiran, semangat dan mentaliti mengenai industri perkapalan ini, sebab itulah kita mesti betul-betul mengkaji apakah kelemahan-kelemahan sebelum kita memberi pengecualian cukai yang dicadangkan di dalam pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Fasal 8, mengenai pindaan untuk memperuntukkan pendapatan kumpulan wang pemegang saham hendaklah termasuk amaun lebih aktuari yang dipindahkan dari kumpulan wang hayat ke kumpulan wang pemegang saham. Sebelum pindaan ini, pendapatan kumpulan wang pemegang saham termasuk amaun lebih aktuari yang telah diselaraskan yang timbul dari kumpulan wang hayat, sebagaimana yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti menggalakkan insurans hayat di negara ini dan di dalam beberapa tahun ini memang Bank Negara sudah mengadakan garis-garis panduan yang baru untuk memajukan insurans hayat dan terdapat juga masalah-masalah kerana ada garis-garis panduan yang baru termasuklah masalah untuk menggabungkan syarikat-syarikat insurans ini.

Saya tidak menafikan pengecualian mengenai amaun lebih aktuari dan sebagainya yang diberi memang dari masa ke semasa kita mesti kaji, apakah insentif yang boleh kita beri. Yang pertama, bolehkan Yang Berhormat terangkan apakah biasanya yang terlibat dengan lebih aktuari sebab ini satu masalah spesifik yang susah hendak kita faham di dalam industri insurans.

Walaupun industri insurans telah berada di negara ini bertahun-tahun lamanya tetapi bagi saya, pihak Bank Negara masih mempunyai kelemahan di dalam pengawalan industri ini sebab beberapa tahun yang lepas saya sudah pun mencadangkan supaya satu inspektorat insurans diwujudkan untuk mengawal semua ini.

Bagi saya Bank Negara tidak mempunyai cukup kakitangan untuk mengendalikan industri insurans. Sebenarnya patut kita ada institusi yang baru untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam insurans hayat, insurans yang lain, saya nampak walaupun galakan ataupun nasihat daripada Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan untuk menggabungkan berpuluh-puluh syarikat insurans ini kerana ada yang sangat kecil dan falsafahnya untuk menggabungkan supaya mereka jadi besar. Sebab walaupun ada insurans dari negara asing, orang asing yang memiliki seperti Great Eastern Life dimiliki oleh orang asing dan AIA (American International Assurance) pun dimiliki orang asing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa beliau tidak mahu menyaksikan lebih ramai lagi orang asing yang memilik 100% syarikat insurans, ini baik juga kerana kita tidak boleh bagi semua orang asing memiliki syarikat insurans di negara ini. Memang kita mesti jaga kepentingan negara, sebab itu saya nampak ada bertahun-tahun kita suruh baik kita gabungkanlah, sebab kalau syarikat insurans terlalu kecil hendak banding dengan AIA, Great Eastern Life dan juga insurans-insurans yang lain kita tidak mampu.

Namun begitu setakat ini bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan syarikat tempatan yang bergabung sekarang. Memang gagal sama sekali. Apa sebab kegagalan ini. Tiap-tiap kali kita asyik kata kita gabungkan, kita gabungkan, tetapi sebab apa kita tidak boleh gabungkan. Ini memang mesti kita kaji dengan sedalam-dalamnya, sebab-musabab kegagalan untuk menggabungkan syarikat-syarikat tempatan ini. Saya sebagai rakyat Malaysia, saya ingin menyaksikan syarikat-syarikat tempat ini maju, boleh sampai tahap bersaing dengan negara-negara asing sebab kita masih ketinggalan dalam bidang reinsurance kita tidak

dapat bersaing sebab syarikat-syarikat asing memang lebih maju, lebih mampu dan ia bolot semuanya, dan syarikat-syarikat tempatan tidak ada peluang langsung untuk reinsurance. Jenis-jenis insurans, di dalam dunia insurans ini sangat rumit dan negara-negara lain terutamanya daripada Eropah dan Amerika Syarikat, memang mereka mempunyai pengalaman bertahun-tahun dan kemahiran yang lebih daripada kita, kita akui, tetapi tidak semestinya orang Malaysia tidak pandai, kalau beri peluang sedikit besar kemungkinan kita akan mencapai tahap yang serupa ini dalam beberapa tahun.

Walau bagaimanapun, buat sementara ini saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan buat satu kajian untuk memastikan sebab-musabab kegagalan untuk menggabungkan syarikat-syarikat insurans tempatan supaya mereka dapat lebih maju dan berjaya. Ini memang satu langkah yang mesti diambil untuk memastikan kita boleh memajukan industri insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit masalah di sini ialah mengenai kerugian terlaras yang boleh dipotong dan sebagainya, saya sebenarnya kita tidak begitu faham. Ini ada kena mengena dengan industri makanan dan saya suka menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya pun tidak faham hal ini bolehkah beliau menerangkan apakah yang terlibat di dalam kerugian terlaras, sebab di dalam hal-hal seumpama ini kita sebagai Ahli Parlimen walaupun kita cuba membaca masalah-masalah yang terlibat dalam bidang ini kita pun kadangkala tidak faham juga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa bulan ini terutamanya sejak dibentangkan Belanjawan tahun depan ada beberapa kekeliruan pengecualian pembayaran cukai untuk tahun 1999, iaitu mengikut Kementerian Kewangan untuk memastikan para pembayar cukai tidak membayar cukai dua kali dalam satu tahun setelah penaksiran cukai dilakukan untuk tahun semasa, bukan lagi tahun lepas mulai dari tahun 2000. Saya diberitahu bahawa mulai daripada 1 Januari 2000 taksiran semasa, pay as you earn.

Tuan Yang di Pertua, setelah Yang Amat Berhormat membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1999, ada itu pihak akhbar, media massa itu kata baik, tidak payah bayar cukai semua orang. Di mana ada negara di dunia tidak bayar cukai semua bayar cukai, cuma Yang Berhormat mesti menerangkan dengan

teliti apakah yang dimaksudkan pengecualian ini. Memang kita bayar. Walaupun taksiran, tahun taksiran itu yang di ubahkan tetapi pada tahun 2000 kita semua kena bayar lebih pula dan di sinilah saya menyeru supaya itu Yang Berhormat dan rakan-rakannya dapat menerangkan lebih teliti dalam tempoh peralihan ini di dalam jangka masa 10 bulan atau setahun ini memang susah untuk kita menyelaraskan. Bila saya dengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya fikir, itu mustahil, kita tidak bayar untuk 10 bulan atau satu tahun, itu mustahil. Ini memang ada muslihatnya.

[Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk orang perseorangan untuk orang-orang seperti kita semua di sini memang kita hendak mengetahui bagaimana sistem “pay as you earn” ini dapat dilaksanakan. Bagi sesebuah syarikat memang dia ada tahun taksirannya, tahun kewangan setiap syarikat tidak serupa. Ia tidak seperti Belanjawan, Belanjawan kita bermula daripada 1 Januari sehingga 31 Disember memang tiap-tiap tahun begitu. Bagi negara-negara seperti United Kingdom ia memang bermula dari bulan April dan bagi Malaysia bermula dari 1 Januari setiap tahun. Bagi saya ini satu sistem yang baik kita ikut tahun yang kita tetapkan, tetapi bagi banyak syarikat ia tidak ikut, tahun kewangannya berbeza-beza. Dan sebab itulah saya berpendapat bahawa pihak kementerian mestilah menerangkan bagaimana mereka dapat menaksirkan dan membayar cukai berdasarkan kepada perbezaan tahun kewangan masing-masing. Memang ini akan mewujudkan banyak kekeliruan di dalam masalah untuk menyelesaikan hasil dan cukai di negara ini sebab kebanyakannya membayar itu cukai secara scheduler tax deduction dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilakah scheduler tax deduction ini akan diberhentikan sebab ini memang satu perkara yang penting.

Untuk tahun 1999 adakah penyata cukai bagi perseorangan dan bagi syarikat perlu dikemukakan? Kalau perlu dikemukakan adakah ini bermakna pihak Inland Revenue Board (IRB) akan mengeluarkan borang-borang jenis baru hanya untuk maksud ini sahaja. Saya tidak nampak pihak IRB ini dapat mengecualikan sesiapa pun daripada mengemukakan taksiran ataupun borang bagi tahun depan walaupun ia mengatakan tidak payah bayar cukai untuk sementara itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah orang asing memang negara kita mempunyai banyak orang asing. Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa jika seseorang itu bekerja di negara ini dan dalam setahun sampai seratus lapan puluh dua hari ia bekerja di sini dan dia dibenarkan untuk dikecualikan pada tahun depan dan bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai orang-orang asing yang berkerja di Malaysia ini, memang ada orang asing bekerja di Malaysia bertahun-tahun sampai dua puluh lima tahun pun ada dan memang kita mesti anggap mereka sebagai seorang yang bermastautin di sini yang perlu diberi insentif yang sama kerana dia bayar cukai untuk bertahun-tahun dan pengecualian mestilah diberikan kepada mereka dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan masalah mengenai orang-orang asing bermastautin di negara ini.

Mengenai syarikat-syarikat yang tidak dapat menikmati pengecualian. Memang ada syarikat yang dianggap oleh Kementerian Kewangan yang tidak layak untuk menikmati pengecualian pembayaran cukai. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah jenis syarikat yang tidak layak untuk menikmati pengecualian daripada cukai yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober itu. Adakah ini bermakna syarikat-syarikat petroleum, syarikat petroleum memang satu syarikat yang mempunyai perniagaan yang berlainan, ada syarikat-syarikat termasuk Petronas yang mempunyai profit sharing dan sebagainya dan profit sharing memang mempunyai satu masalah, satu perkara yang saya tidak begitu faham apakah yang sebenarnya profit sharing dan saya diberitahu bahawa di dalam profit sharing ini memang ada syarat untuk membayar cukai seperti mana yang ditetapkan dan sebab itulah mungkin syarikat-syarikat seumpama ini tidak diberi peluang untuk menikmati pengecualian cukai. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya pihak Yang Berhormat dapat mengumumkan jenis-jenis syarikat yang tidak diberi peluang untuk menikmati pengecualian cukai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengecualian cukai dan sebagainya termasuklah orang-orang yang membawa balik wang ke Malaysia, memang pada satu ketika sejak pengumuman kawalan pertukaran asing dilaksanakan di negara ini satu tempoh diberi kepada orang-orang yang hendak membawa balik wang ke Malaysia sehingga 31 Disember tahun ini. Sukalah saya timbulkan masalah ini, kalau seseorang atau sesuatu syarikat yang hendak membawa wang balik, itu memang baik untuk negara. Semasa krisis ekonomi kita, krisis mata wang,

memang kita memerlukan lebih banyak wang, kecairan (liquidity) kita, tidak begitu kukuh dan kita memang perlukan wang yang di bawa balik oleh pihak yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, kalau seseorang itu membawa wang balik RM1 juta ke negara ini ataupun RM10 juta, adakah mereka dikenakan cukai? Memang kita hendak tahu dan sampai sekarang pada bulan Disember jumlah wang yang diambil balik atau berapa bilionkah yang telah dikembalikan ke negara ini. Memang itulah maksud kita hendak menggalakkan mereka membawa balik wang ini kerana kita hendak menyaksikan kecairan di negara ini bertambah.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, memang setiap tahun ada kes-kes yang tidak membayar cukai seperti yang disyaratkan dan mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pada bulan Jun beliau ada mengumumkan bahawa selepas pihak kementerian atau IRB membuat penyiasatan pada suku pertama tahun ini dia dapat balik RM117 juta daripada kes-kes yang disiasat dan berbanding dengan tahun lepas selepas siasatan kita dapat balik wang RM210.3 juta. Ini pengumuman Timbalan Menteri sendiri. Sukalah saya menanya di sini apakah bilangan kes seumpama ini yang disiasat oleh IRB dan juga apa yang dianggarkan itu kutipan yang dapat diadakan untuk dikembalikan cukai-cukai yang belum dibayar oleh kes-kes seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai elaun cukai pelaburan kepada syarikat-syarikat yang tidak layak. Menurut laporan Ketua Audit Negara pada tahun 1989 hingga 1993 pihak IRB telah pun hilang sebanyak RM83.24 juta kerana hasil tidak dikutip kerana elaun cukai pelaburan diberi kepada syarikat-syarikat yang tidak layak.

Saya percaya jumlah yang disebutkan oleh Ketua Audit Negara ini memang kecil mungkin angkanya lebih besar daripada itu sebab apabila Ketua Audit Negara menerima laporan atau penyata yang dihantar kepadanya, kejadian itu sudah berlaku dua, tiga atau empat atau kadangkala lebih daripada lima tahun dahulu. Dia hanya dapat mengkaji masalah-masalah seumpama ini yang berlaku beberapa tahun yang lepas dan besar kemungkinan ada banyak lagi yang tidak dapat dikaji kerana tidak ada penyata-penyata tahunan.

Sebab itulah saya membangkitkan hal ini supaya kita dapat penjelasan yang baik daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya diberitahu bahawa ada 351 syarikat yang menikmati elaun cukai pelaburan. Apakah sebenarnya bilangan

syarikat yang sekarang menikmati elaun cukai pelaburan sekarang, adakah masih lebih daripada 350 dan di antaranya adakah bilangan syarikat yang telah diberikan elaun ini tetapi mereka benar-benar tidak layak misalnya, pada tahun 1996, RM271.78 juta elaun cukai pelaburan telah diberikan kepada 36 syarikat yang tidak layak untuk menerimanya dan ini memang merupakan satu kerugian bagi negara kerana kita tidak mempunyai kaedah yang lebih berkesan untuk memastikan hanya syarikat-syarikat yang layak yang diberi elaun cukai pelaburan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar.

12.12 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membincang sedikit soalan pindaan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998. Kalau kita pandang daripada skop pindaan ini ternyata sekali kalau dipandang dengan khusus iaitu kerajaan hendak memberi insentif kepada industri pemakanan dan industri perkapalan tetapi kalau dipandang secara makronya ternyata sekali kerajaan juga menggunakan pindaan ini untuk memberi satu pakej lagi insentif kepada service industry di seluruh Malaysia kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat secara makro, iaitu ternyata sekali kita belum mencapai satu tahap yang boleh complement pembangunan negara kita dari segi lain dalam service industry, umpamanya perkapalan, yang mana kita masih di belakang.

Yang kedua, soalan perinsuranaan, juga kita masih jauh ke belakang. Dari itu saya ingin menyentuh sedikit daripada soalan-soalan industri-industri yang saya sebutkan tadi. Ternyata sekali daripada Yang Berhormat dari Tambun dan juga dari Kepong walaupun dia merapu macam-macam, biasalah tu, dia anggap macam ada kamera di belakang, dia berlakon sekejap tetapi apabila orang tidak minat barulah dia cerita yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, soalan industri perkapalan ini memang kita masih jauh di belakang dan kalau hendak memperbesarkan industri perkapalan ini kita kena melihat secara total penglibatan industri perkapalan, sebagaimana Yang

Berhormat dari Tambun sebut kita hendak melihat iaitu soalan perkapalan itu sendiri. Kedua, pembinaan kapal ataupun repair facilities di negara kita.

Yang ketiga, guna tenaga iaitu human resource. Jadi daripada itu baharulah kita mungkin boleh membangunkan industri perkapalan kita.

Yang keempat, perlu juga kita sebutkan supaya pengguna perkapalan ini, pengangkutan ini mestilah masyarakat Malaysia sebagai pengguna hendaklah mempunyai satu semangat patriotik untuk menggunakan sebagaimana kita beli barang Malaysia, juga kita katakan “gunalah perkapalan Malaysia” kerana saya sebutkan ini ialah sebagai highlight kepada apa yang Yang Berhormat dari Tambun sebutkan tadi.

Kalau kita lihat Petronas dalam bidang servis Petronas, menghantar minyak dari satu tempat ke satu tempat di seluruh Malaysia banyak menggunakan kapal-kapal dari Singapura, ada pula kapal-kapal dari Hongkong yang di ‘chartered’ oleh syarikat dari Singapura yang digunakan oleh Petronas tetapi sebab-sebabnya adalah Petronas memberi satu, dua alasan iaitu alasan mengatakan spesifikasi kapal yang digunakan oleh kapal syarikat di Malaysia tidak mencukupi, spesifikasi yang diguna oleh kapal syarikat Malaysia ini tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Petronas.

Perkara ini Tuan Pengerusi, adalah superficial. Keperluan dan penjelasan sedemikian kepada saya adalah supersficial dan saya berharap pihak kementerian melihat perkataan saya ini tidak sebagai perkara kritik yang tidak membina tetapi satu kritik yang membina. Oleh kerana saya banyak berbincang dengan orang kapal, berbincang dengan orang forwarders, berbincang dengan transporters, rata-rata mereka mengatakan syarikat-syarikat dari Singapura bukan kapal sendiri juga. Kapal yang disewa daripada Hong Kong, Jepun pun ada, memberi kapal-kapal yang memenuhi spesifikasi yang digunakan oleh Petronas dan disewa kepada Petronas menghantar minyak dan barang-barang Petronas dari satu tempat ke satu tempat di Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan sebagainya.

Jadi saya tidak melihat mengapa masalah ini berbangkit melainkan dalam Petronas itu wujudnya pandangan atau semua masyarakat Malaysia mempunyai satu pandangan “yang asing itu baik, yang asing itu canggih, yang asing itu lebih moden dan berkualiti”. Saya berharap kita sepatutnya setelah 40 tahun lebih

merdeka, minda ataupun perasaan yang terjajah ini, patutlah dihakis daripada minda kita. Kita sepatutnya tidak melihat lagi jenama luar yang dikeluarkan oleh pihak luar itu besar, aneh, baik dan sebagainya.

Kita mesti boleh berunding kalau pihak Petronas, pihak-pihak pengeksport perkapalan, kemudahan pengguna, kemudahan perkapalan lain, boleh berunding dengan orang-orang kita sendiri, syarikat-syarikat perkapalan kita sendiri, bahkan forwarders kita sendiri untuk kegunaan mereka. Soalan spesifikasi boleh dipenuhi macam mana syarikat luar juga memenuhi kerana kalau kita lihat syarikat-syarikat perkapalan yang digunakan sebagai feeder services ini banyak mereka ini tidak mempunyai kapal sendiri juga tetapi kapal disewa daripada orang lain juga, digunakan tetapi kenapa pula ini tidak menjadi satu batasan kepada pihak pengguna Malaysia.

Jadi, saya berharap pihak kementerian menekankan terutama sekali agensi kerajaan seperti Petronas, pengguna besar macam LNG dan sebagainya, pengguna besar perkapalan di Malaysia hendaklah menggunakan semua agensi syarikat dan perkapalan Malaysia melainkan perkara mustahil digunakan oleh kerana spesifikasi keselamatan yang tidak boleh dipenuhi oleh syarikat Malaysia itu.

. Jadi, kalau kita hendak industri ini maju, kita sendiri, masyarakat Malaysia itu sendiri mestilah memberi sokongan padu.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh, soalan perkapalan ini banyak perhubungan dengan luar negara. Jadi saya tidak tahu, tidak begitu mahir daripada soalan mekanismenya tetapi saya tahu masalah. Umpamanya kalau saya sebagai exporter barang menghantar menggunakan satu kontena ataupun beberapa kontena ke Amerika tetapi saya bukan importer, saya hanya exporter. Jadi hantarkan barang ke Amerika tetapi bila sampai barang saya ke Amerika, kontena itu kosong daripada Amerika. Jadi kalau tidak ada barang itu balik, kontena itu kadang-kadang tidak dihantar balik ke Malaysia dalam keadaan ekonomi sekarang. Jadi masalahnya, kawan yang jadi exporter ini tadi tidak dapat menghantar barangnya lagi oleh kerana masalah tidak ada kontena kosong dari Malaysia untuk dihantar balik ke Amerika. Bila sampai di sana oleh kerana tidak

ada penghantaran barang balik ke Malaysia jadi orang exporter ini menghadapi masalah kontena, tidak ada kontena untuk menghantar barang ke Amerika.

Ini benar berlaku, Tuan Yang di-Pertua kerana saya dalam masa dua, tiga minggu lepas berbincang dengan beberapa orang exporter furniture ke Amerika. Pihak di sana memberi alasan menyatakan oleh kerana keadaan ekonomi Malaysia, mereka tidak ingin menghantarkan kontena kosong balik ke Malaysia. Dengan itu exporter kita dari sini menghadapi satu masalah yang besar kerana tidak ada kontena kosong untuk menghantar barang-barang mereka ke Amerika.

Jadi maknanya, kalau perkara ini boleh diselaraskan dengan pengeksport kita daripada Amerika supaya kontena kosong yang dihantar ke Amerika itu digunakan pihak pengeksport ini menghantar balik barang-barang mereka balik ke Malaysia, masalah kontena kosong ini mungkin tidak berlaku. Walaupun ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya memang masalah yang besar sedikit dan mekanismanya patut dicari oleh kerana implikasinya banyak. Bukan sahaja masalah implikasi perkapalan tetapi juga masalah implikasi pengeksportan kita ke negara-negara luar.

Jadi sebaliknya pula sebabnya perkara ini berlaku ialah kerana pengurusan - forwarding agency. Kadang-kadang forwarding agencies ini dikontrol oleh pihak luar negara. Jadi forwarding agency kita di sini mengadakan perhubungan dengan forwarding agency di sana, mereka di sana menetapkan satu had yang tertentu terpaksa menggunakan konteks mereka di Amerika. Kita tidak boleh pilih sendiri orang kita di Amerika. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita masih pula kena kontrol ataupun kawal mereka jadi dalam keadaan sedemikian, saya berharap bukan sahaja daripada industri perkapalan ini sendiri tetapi juga dalam segi forwarders dan transporters lain dalam industri ini patutlah mendapat penyelarasan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah kemudahan. Walaupun dalam keadaan sekarang, sebagaimana kita mendapat kepastian daripada menteri iaitu

kemudahan pelabuhan kita cukup memuaskan walaupun belum mencapai tahap sebaik mana pelabuhan di negara jiran yang telah membangun begitu lama. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, kita sepatutnya memberi banyak lagi pelbagai galakan dan banyak lagi had dan garis panduan supaya penggunaan pelabuhan kita dipertingkatkan. Dan satu lagi untuk mengatasi masalah ini soalan packaging dan repackaging untuk eksport ke luar negara mestilah digalakkan juga.

Yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah soalan repair. Kalau kita tidak mempunyai satu repair facilities di negara kita, tidak mungkin kita boleh menjadi industri perkapalan ini lebih maju daripada apa yang kita lihat sekarang kerana repair ini ataupun membaikpulih ini memang melibatkan kos yang begitu tinggi sekali. Sebagai satu misalan, saya sebutkan landasan dan cari gali Petronas umpamanya, walaupun di Sarawak kita mempunyai kemudahan-kemudahan untuk membaikpulih dan repair kapal yang kecil-kecilan tetapi semua repair Petronas ini kita perlu kepakaran dan kemahiran orang daripada luar juga. Jadi ini begitu aneh sekali, industri Petronas tidak mendapat support daripada industri perkapalan. Industri perkapalan bukan hanya bawa kapal daripada Malaysia ke Amerika, ke New York, ke England dan ke Eropah dan sebagainya tetapi industri perkapalan termasuklah industri untuk membaikpulih kapal itu sendiri.

Jadi Petronas menggunakan orang lain untuk repair off-shore platform mereka dan facilities dan sebagainya kerana kemudahan di tempat yang strategik misalnya di Sarawak tidak ada. Jadi persoalan yang berbangkit di sini apakah tindakan kerajaan supaya industri untuk membaikpulih kapal dan kemudahan off-shore sebagai Petronas Carigali dan sebagainya ini boleh diperbaiki dan dipertingkatkan dan apakah insentif yang boleh kerajaan beri supaya mereka ini boleh memperbesarkan industri mereka ataupun usaha mereka untuk terlibat, untuk memberi sokongn kepada industri sebagai Petronas Carigali dan sebagainya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau kita lihat dalam kapal walaupun sekarang kita telah mendaftar syarikat kapal Malaysia tetapi orang

bekerja dalam kapal itu kita dengar memang orang daripada Philippines, orang daripada Thailand dan sebagainya. Jadi di manakah letaknya kekurangan kita. Kenapa pula orang Malaysia tidak boleh kerja kapal, sedangkan coastal area kita, orang ke laut kita banyak. Kalau tidak, kenapa pula kita menjadi nelayan. Kalau ikan tidak ada lagi latihlah orang ini jadi pelaut yang lain. Kerja dalam kapal, jadi juragan kapal, jadi apa sahaja dalam kapal. Sekarang mereka tidak hendak jadi nelayan penangkap ikan lagi oleh kerana mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada ibu bapa mereka dulu.

Jadi maknanya kalau kita adakan satu akademi, bukan satu akademi sahaja, banyak akademi untuk melatih orang sebagai satu industri education dalam pelautan, ilmu pelautan, jadi bolehlah semua pekerja dalam perkapalan kita diambil alih oleh pihak orang Malaysia ini sendiri. Dan pengaliran wang kita tidak akan berlaku oleh kerana kita menggunakan ataupun menggajikan orang daripada luar. Dalam banyak industri-industri lain umpamanya, industri ladang, industri pembinaan, kita sudah guna orang daripada luar negara. Tetapi ini industri yang mana yang bersikap cantik, indah dan glamour pun orang lain juga yang ambil.

Sepatutnya guna tenaga dalam latihan industri perkapalan ini dipertingkatkan supaya anak-anak muda kita boleh dilatih. Publisiti serta promosinya mestilah dibuat di sekolah-sekolah macam mana industri-industri lain juga kerana kita mempromosikan industri profesional lain macam peguam, doktor dan sebagainya di sekolah-sekolah kita sebagai sokongan ataupun support kepada kerajaan untuk mempertingkatkan pembangunan negara kita.

Tetapi ada lagi iaitu industri yang semacam ini untuk support kepada industri perkapalan kita. Itupun kalau kita memang serius untuk meningkatkan industri perkapalan kita. Kita kena lihat secara total di mana letaknya industri perkapalan dan siapa yang diperlu kita mesti ambil tindakan. Kalau tidak, kita akan melepas batuk di tangga begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada soalan penginsuransan. Ini juga soalan yang sama sebagaimana yang saya sebut di sini tadi iaitu satu pakej industri perkhidmatan (service industry). Tuan Yang di-Pertua, insurans tidak mendapat penekanan sebagaimana yang didapati oleh pihak perbankan yang mana diberi beberapa insentif untuk merger dan percantuman. Jadi saya ingin menggesa pihak kementerian supaya kerajaan bersetuju untuk memberi insentif kepada insurance company untuk bercantum memperbesarkan lagi operasi mereka. Kerana pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak boleh lawan insurans-insurans yang besar seperti Lloyds dan sebagainya di England. Jadi sekurang-kurangnya pun kalau untuk keperluan kita sendiri kita tidak perlulah bantuan Lloyds, tidak perlulah pergi ke Amerika hendak mencari insurans yang besar-besar kalau kita wujudkan dana kita sendiri, dana yang mencukupi untuk support industri kita sendiri.

Memang kalau kita lihat sekarang insurans yang mempunyai kemudahan dan kemampuan untuk projek-projek yang besar, kita mesti berhubung dengan insurans dari Amerika, berhubung dengan insurans daripada England dan dengan keadaan yang sedemikian, pengusaha projek besar-besaran. Umpamanya, kita tanya sajalah mana projek yang besar macam KLIA, macam Twin Tower dan dulunya belum jadi 'almarhum Bakun' pun kita disyaratkan supaya insurance company yang memberi insurans kepada syarikat yang membina Bakun ini mestilah mempunyai international connection kerana mereka sahajalah yang mempunyai dana yang mencukupi untuk memberi jaminan kepada projek itu.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap perbuatan kita, kalau kita lantik syarikat daripada luar negara umpamanya, dia akan tetapkan insurans yang mereka hendak daripada luar negara, pengangkutan mereka hendak daripada luar negara kerana dia kata, macam Bakun, turbine itu begitu besar sekali, begitu berat sekali tidak ada satu syarikat transporter dalam Malaysia ini berkemampuan mengangkutnya.

Saya berjumpa dengan tidak kurang daripada lima syarikat besar Malaysia termasuk yang ada perhubungan dengan syarikat di Eropah dan di Amerika. Syarikat ini memang sudah pasti memberitahu kita yang mereka sahajalah yang bakal membuat kalau diberi kontrak untuk mengangkat turbine untuk Bakun ini. Jadi, dengan keadaan sedemikian, kalau dilantik syarikat dari luar negara untuk mengendalikan mana-mana projek yang besar, dengan sendiri mereka juga akan memberikan syarat-syarat yang tertentu untuk support services mereka iaitu insurans mereka mesti insurans luar negara, daripada negara yang mereka sendiri sudah kenal pasti.

Pengangkutan mereka juga daripada luar negara yang mereka sendiri juga sudah kenal pasti tetapi kalaulah kita boleh tunjukkan alternatif dalam negara kita sendiri yang insurans kita cukup kuat dan mempunyai dana yang cukup besar dan pengangkutan kita cukup canggih mempunyai facility atau dan kemudahan yang cukup kuat, untuk membantu dan memberi support service kepada mereka ini, kita dengan sendirinya boleh mensyaratkan dalam letter of offer kita ataupun surat tawaran kita kepada syarikat walaupun daripada luar negara membuat suatu projek yang mungkin tenaga kita tidak berkemampuan untuk mengendalinya mengatakan support service ini mestilah dibuat oleh syarikat-syarikat dan orang-orang kita sendiri.

Tetapi kalau kita tidak berkemampuan, kita tidak boleh bercakap kerana kita tidak mampu, hanya orang yang berkemampuan sahaja yang boleh mengatakan mampu. Jadi kita mesti dengan clear conscience, dengan izin, yang kita mampu dalam segi perkapalan kita untuk mengendali dan beri support service kepada industri-industri yang besar atau pembinaan-pembinaan besar, begitu juga insurans. Dengan keadaan sedemikian, saya menggesa pihak kerajaan supaya insentif soalan merger, insentif soalan percantuman sebagaimana yang diberikan kepada bank pada budget kita sekarang ini juga diberi kepada insurans. Dan insurans dibimbangkan, diberi insentif berlebihan lagi supaya bercantum, tidak payah banyak sangat yang kecil pun ada insurans sendiri banyak menjadi managing director sendiri, CEO sendiri, tidak payahlah, besar lagi, kalau dapat banyak wang lagi, lebih baik lagi.

Saya dengar dalam CNN percantuman dua syarikat yang besar itu menjadi pengeluar minyak yang terbesar di dunia, soalan itu bukan soalan ekuiti kata dia, soalan dia keuntungan yang besar, itu yang penting. Begini tugas insurans, hendak jadi CEO, jadi director, hendak jadi chairman itu perkara nombor dua untuk negara. Yang penting ialah keuntungan syarikat itu mungkin akan terjamin kerana ia boleh skop yang besar dan boleh beritahu dengan kerajaan jika kita berkemampuan. Tetapi pada masa sekarang pihak insurans apabila projek ini mencekau RM3 bilion terpaksa syarikat itu mencari ke luar negara untuk insurans di reinsurancing dan brokering insurans, semua dibuat oleh orang luar negara, kerana kita tidak mampu untuk memberi cover ataupun jaminan support kepada pembinaan sedemikian.

Saya sebagai mengakhiri juga ingin mencadangkan kepada soalan income tax tadi, walaupun Timbalan Menteri telah memberi cukup jelas di Dewan ini. Soalan income tax pada tahun depan, tidak ada kena tax, tahun ini tax current, bayaran current, self-assessment, government assessment, terminologi ini memang betul-betul macam saya dengar cerita canggih hal komputer ataupun hal benda-benda lain yang tidak pernah saya dengarlah.

Sesetengah orang kampung tidak faham apa semua ini, bahkan orang kerajaan, orang bekerja dengan syarikat pun tidak faham, kenapa perkara ini berlaku. Bagaimana effect, kesannya kepada dia sendiri, kepada individu kerana penjelasan ini belum difahamkan. Jadi kita takut kesannya ialah politik, apa kerajaan cakap tetapi lain dicakap lain dibuat. Sebenarnya bukan kerajaan lain cakap lain buat, sebenarnya kerajaan buat apa yang kerajaan cakap tetapi pengertian pengiktirafan kerajaan itu kepada orang itu, masyarakat itu belum cukup lagi. Maksudnya kita kata, tahun hadapan kita tidak ada cukai tetapi yang saya tahu di Semenanjung semua kena cukai, yang mungkin tidak ada cukai ialah Sarawak dan Sabah. Oleh kerana Sabah dan Sarawak sudah menggunakan current system pemotongan income tax, yang tidak buat ialah di Semenanjung. Penyelarasan Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung ini dibuat pada masa sekarang, jadi kalau benar ini berlaku, di mana hilangnya satu tahun untuk Sarawak dan Sabah.

Jawapan Timbalan Menteri semasa ucapan dasar saya dulu ialah mengatakan tidak ada yang hilang, kalau setahun tidak kumpul di Sarawak dan Sabah mesti ada yang hilang. Saya hendak tanya berapa yang hilang, mustahil kalau tidak kumpul tahun hadapan untuk Sarawak dan Sabah mesti ada yang hilang. Berapa juta yang hilang, saya tidak tahulah. Kita kena beri penjelasan yang maknanya ini Semenanjung ini di tahun hadapan, kita hendak buat macam ini dan di Sarawak hentikan pemotongan current, kerana ia memang sudah pemotongan current. Jadi macam mana pengertian orang kalau tidak mahir sangat dalam persoalan pungutan cukai ini, mungkin juga mendatangkan kekeliruan. Kita hendak sedar kerajaan membuat, perkara yang betul, hanya pengertian orang yang belum khusus, belum pasti dan belum terjelas.

Saya berharap pihak kementerian memberi penjelasan yang lebih meluas, lebih senang difaham oleh orang, man on the street, dengan izin, mengenai soalan-soalan cukai yang current, self-assessment, government assessment dan sebagainya. Dengan kata demikian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Timbalan Menteri jawab.

12.39 tgh.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tambun, Kepong dan Batang Lupar kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Mengenai cadangan pihak kementerian mengkaji bukan sahaja dari segi sistem cukai ke atas industri perkapalan tetapi juga merangkumi kelemahan-kelemahan lain seperti kemahiran pengurusan supaya dapat berdaya saing. Sukacita saya katakan iaitu kajian yang terperinci memang dijalankan oleh agensi-agensi pusat dan juga Kementerian Pengangkutan. Memandangkan masih banyak lagi muatan barangan eksport dan import Malaysia, bolehlah kita katakan kebanyakannya adalah diangkut dengan menggunakan kapal asing dan kementerian ini yakin, Malaysia mempunyai kapasiti untuk meningkatkan lagi perkembangan dalam industri perkapalan.

Dengan ini pengecualian cukai pendapatan terus diberikan untuk membantu memperteguhkan kedudukan kewangan Syarikat Perkapalan Malaysia supaya ia

dapat berkembang meningkatkan fleet kapal Malaysia. Kerajaan memang juga menggalakkan pengambilan pekerja tempatan untuk bekerja di atas kapal Malaysia dengan memberi pengecualian cukai kepada pekerja kapal Malaysia. Di samping itu Akademi Laut Malaysia juga ada menjalankan latihan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran pekerja perkapalan supaya mereka mempunyai prospek yang baik pada masa hadapan. Usaha ini dijangka dapat menarik lebih ramai rakyat tempatan bekerja dalam industri perkapalan pada masa hadapan dan penggunaan pekerja asing dapat dikurangkan.

Mengenai point-point lain yang baik, saya percaya semua point ini akan disalurkan kepada agensi-agensi pusat lain dan juga kementerian-kementerian seperti Kementerian Pengangkutan dan yang ada kaitan. Tentang group relief yang bagi pengeluaran masakan dan apakah jenis makanan yang diberi galakan. Pada peringkat permulaan ini beberapa jenis makanan telah dikenalpastikan layak untuk diberi insentif iaitu jagung untuk makanan haiwan, ternakan lembu, ternakan ikan, dengan izin, cage culture dan perikanan laut dalam dan senarai ini akan dikaji dari masa ke semasa dan akan ditambah mengikut keperluan semasa.

Tentang amaun tambang cuti yang diberikan kepada anggota kerajaan setahun dan amaun yang dikecualikan, perangkaan tidak dapat saya berikan pada masa ini dan mungkin saya akan jawab soalan ini secara bertulis.

Yang Berhormat dari Kepong juga mencadangkan supaya kuasa meluluskan projek kebajikan dan kemasyarakatan diberikan juga kepada pihak berkuasa yang relevan selain daripada Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya satu sahaja permohonan selepas insentif ini diperkenalkan sejak tiga tahun lalu kerana bilangan permohonan yang sedikit sahaja maka Kementerian Kewangan percaya ia mempunyai keupayaan untuk memproseskan permohonan-permohonan ini. Begitu juga difikirkan terdapat kekeliruan tentang pengiktirafan status projek yang dijalankan di tempat-tempat yang berlainan, jadi pihak-pihak berkuasa yang berlainan mungkin

memberi pengiktirafan yang berlainan kepada permohonan. Katalah satu contoh ialah jalan yang dibuat oleh pemohon daripada jalan utama ke jalan ke rumahnya, sama ada ini akan disifatkan sebagai satu jalan perkhidmatan awam ataupun adalah untuk kegunaan sendiri dan pengiktirafan seperti ini adalah amat susah dibuat dan akan menimbulkan kekeliruan. Jadi kalau dapat diselaraskan oleh Kementerian Kewangan saya percaya perkara seperti ini dapat kita kurangkan.

Syarikat yang tidak layak pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1999. Syarikat-syarikat yang tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Petroleum adalah tidak terlibat dengan pindaan kepada tahun taksiran semasa. Dengan itu isu pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi oleh syarikat petroleum itu dalam tahun 1999 tidak timbul sama sekali.

Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diremit daripada luar negara, pendapatan yang diremit oleh individual pemastautin dalam tahun 1999 adalah termasuk sebagai pendapatan yang dikecualikan cukai dalam tahun 1999 selaras dengan pelaksanaan tahun taksiran semasa. Mengikut Ketua Audit Negara, kerajaan telah kerugian hasil kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri telah membenarkan elaun cukai pelaburan ataupun dengan izin, ECP, sedangkan syarikat-syarikat ini tidak layak mendapat ECP. Sebenarnya perkara ini telah dijelaskan kepada Public Accounts Committee, adalah didapati kes di mana ECP telah dibenarkan secara sementara sahaja. Kes-kes ini telah dikaji semula dan taksiran sewajarnya telah dibangkitkan dan diperbetulkan kedudukan syarikat itu. Lembaga Hasil Dalam Negeri sememangnya memberi tekanan dan perhatian yang berat kepada kes-kes yang melibatkan insentif termasuk ECP.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sekali lagi, kita memberi pengecualian elaun cukai pelaburan untuk sementara, saya tidak begitu pastilah, apakah yang dimaksud sementara dan didapati salah kita tarik balik. Jadi apakah maksud. Macam mana kita buat, kalau

kita buat macam itu, itu merupakan satu kesilapan bukan sementara. Ya, boleh Yang Berhormat terangkan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memang dari segi barang pengeluaran yang dikeluarkan itu sama ada mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan atau MITI itu, kadangkala tertakluk kepada penyiasatan selanjutnya. Jadi dalam masa sebelum dapat ditentukan kedudukan barangan yang kita keluarkan itu layak diberikan pengecualian cukai pendapatan itu memang digalakkan diberikan pengecualian cukai ECP itu secara sementara. oleh kerana ini difikirkan tidak akan mengganggu perjalanan penubuhan syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan kerugian terlaras yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Keuntungan atau kerugian sesuatu perniagaan akan diselaraskan mengikut undang-undang cukai pendapatan, contohnya ada perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan sebagai potongan dan ada pula yang dihadkan ataupun ditetapkan pada kadar tertentu sesudah semua peruntukan Akta Cukai Pendapatan telah digunakan maka jumlah yang terdapat itu dinamakan jumlah terlaras. Jadi itulah yang kita gunakan sebagai satu jumlah ataupun keuntungan ataupun kerugian yang terlaras.

Isu sama ada pembayar cukai perlu membayar cukai yang lebih pada tahun 2000, pembayar cukai tidak akan membayar cukai yang lebih pada tahun 2000 kerana pendapatan yang diperolehi di dalam tempoh asas 1999 akan dilepaskan. Cukai yang perlu dibayar dalam tahun 2000 adalah atas pendapatan bagi tempoh asas 2000 sahaja dan adakah pembayar cukai dikehendaki melaburkan pendapatannya bagi tempoh asas 1999. Walaupun pendapatan bagi tempoh asas 1999 dilepaskan pembayaran cukai tetapi masih juga dikehendaki memfailkan borang nyata iaitu mereka semua pembayar cukai itu perlu mengemukakan borang nyata bagi tahun 1999.

Apakah yang dimaksudkan dengan lebih actuary. Lebih actuary adalah surplus ataupun lebih yang ditentukan oleh actuaries sebagai amaun yang boleh diagihkan kepada pemegang polisi participating, dengan izin, dan juga pemegang saham berdasarkan keadaan di sesuatu masa.

Tentang bilangan syarikat insurans tempatan yang telah digabungkan itu iaitu selama ini Bank Negara Malaysia telah menggabungkan tiga syarikat telah berjaya, dengan mencantumkan enam syarikat kepada tiga syarikat dan usaha ini masih diteruskan. Setakat ini garis panduan telah disediakan oleh Bank Negara Malaysia dan masih dalam peringkat perbincangan di antara Bank Negara Malaysia dengan semua syarikat terlibat untuk diterima oleh semua pihak dan selepas persetujuan dari semua pihak yang berkenaan, garis panduan ini akan diumumkan dan satu perancangan tentang penggabungan syarikat insurans tempatan ini akan diisytiharkan.

Yang Berhormat dari Kepong juga ada mengemukakan beberapa persoalan berhubung dengan peralihan daripada taksiran tahun sebelum kepada taksiran tahun semasa. Sebenarnya Kementerian Kewangan telah menyediakan soal jawab mengenai perkara ini untuk diedarkan kepada orang ramai dan semua soalan yang telah ditimbulkan itu adalah terkandung di dalam soal jawab itu.

Akhir sekali, kesan kehilangan hasil akibat pelaksanaan sistem taksiran tahunan semasa. Pelepasan cukai ke atas cukai pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1999 adalah bertujuan untuk mengelakkan bebanan kepada pembayar cukai dari membayar cukai bagi pendapatan yang diperolehi dalam dua tahun di dalam satu tahun di peringkat peralihan. Sistem taksiran ini mungkin Yang Berhormat untuk makluman anggaran implikasi hasil adalah RM494 juta. Tindakan untuk memberi penerangan mengenai peruntukan asas taksiran cukai dan sistem taksiran cukai sendiri seperti yang saya katakan soal jawab itu telah disediakan dan ini akan diagih-agihkan melalui risalah-risalah, media massa, seminar percukaian dan lain-lain cara supaya dapat difahami oleh orang ramai dan memandangkan perubahan

yang ketara ini mengenai sistem taksiran sendiri, program pembelajaran cukai akan diberi fokus yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.55 tgh.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 bertujuan untuk membolehkan kerajaan mengutip levi atas keuntungan luar biasa yang diperolehi daripada pengeluaran barang-barang yang ditetapkan. Tarikh kuat kuasa akta adalah pada 1 Januari 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menghuraikan beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

- (i) Fasal 3, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mengawas ke atas semua perkara berhubung dengan levi tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri Kewangan.
- (ii) Fasal 4 dan 5, memperuntukkan kuasa pegawai kastam bagi menguatkuasakan peruntukan akta ini dan merupakan sebagai kuasa tambahan selain daripada yang diberi di bawah Akta Kastam 1967.
- (iii) Fasa 6 memberi kuasa pengenaan levi keuntungan luar biasa dan amaunnya ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui perintah, dan Fasal 7 memperuntukkan supaya perintah berkenaan dibentangkan di Dewan Rakyat.
- (iv) Fasal 8 menghendaki supaya pengeluar-pengeluar barang yang ditetapkan berkewajipan mendaftarkan dengan Jabatan Kastam.
- (v) Fasal 9 menetapkan yang levi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Walaupun saya ada dengar levi dan Yang Berhormat memang betul-betul untuk menghuraikan fasal-fasal yang terlibat, bolehkah sebelum kita hujahkan fasal-fasal ini terangkan apakah yang dimaksudkan sebagai levi ke atas barang-barang. Apakah barangnya? Di mana kita dapat barang ini, tidak begitu terus terang di dalam Rang Undang-undang ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang kita maksudkan ini adalah barang-barang yang akan ditetapkan, ditentukan oleh Menteri Kewangan dan buat masa ini hanya minyak kelapa sawit sahaja yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, ,

- (v) Fasal 9 menetapkan levi yang lewat dibayar dikenakan penalti, sementara Fasal 10 memperuntukkan levi yang kena dibayar dan penalti yang terakru boleh dituntut sebagai hutang civil.
- (vi) Fasal 11 adalah mengenai peruntukan supaya pengeluar-pengeluar barang yang ditetapkan berkewajipan mengemukakan penyata kepada Jabatan Kastam, dan Fasal 12 memberi kuasa pegawai kastam untuk menaksirkan levi yang sepatutnya dibayar.
- (vii) Fasal 13 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarah pembayaran balik levi yang telah dibayar sementara Fasal 14 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah mengarahkan pembayaran balik levi yang terlebih bayar atau tersilap bayar. Fasal 15 pula menghendaki mereka yang tersilap kurang bayar levi atau penalti membayar balik levi atau levi itu.
- (viii) Fasal 16 hingga Fasal 24 adalah berkaitan dengan peruntukan yang diberi kuasa kepada pegawai kastam untuk menguatkuasakan undang-undang ini dengan lebih efektif seperti menghendaki pengeluar barang yang akan dikenakan levi menyimpan rekod, orang yang berkaitan dikehendaki memberi maklumat, pegawai kanan kastam mempunyai akses ke premis pengeluar barang-barang ditetapkan dan boleh mengenakan penalti dan kompaun.
- (ix) Fasal 25 memperuntukkan yang permulaan pendakwaan berhubung dengan apa-apa kesalahan hendaklah dengan izin pendakwa raya.
- (x) Fasal 26 memperuntukkan orang yang subahat yang melakukan kesalahan-kesalahan dan boleh didenda.
- (xi) Fasal 27 memberi kuasa Menteri Kewangan menetapkan mana-mana peruntukan dalam Akta Kastam 1967 menjadi peruntukan yang terpakai bagi maksud akta ini dan Fasal 28 memberi kuasa Menteri

Kewangan untuk membuat peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan akta ini.

Rang Undang-undang ini....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehkah sambung petang ini.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan diminta sambung.

2.33 ptg.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Sebagai permulaan rang undang-undang ini adalah untuk membolehkan levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirung kelapa sawit mentah yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta bagi mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi atas keuntungan luar biasa yang diperolehi daripada pengeluaran barang-barang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

2.35 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengenal pasti bahawa satu daripada barang yang akan dikenakan

levi keuntungan luar biasa ini ialah ekoran daripada pembentangan Belanjawan yang baru kita luluskan ialah minyak kelapa sawit mentah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pengenalan rang undang-undang ini sebagai tambahan kepada Akta Cukai Pendapatan adalah satu yang baru kerana bagi saya, levi ini dalam erti kata yang lain adalah satu bentuk cukai tambahan kepada barang-barang yang dikenal pasti nanti oleh rang undang-undang ini. Saya juga dapati mengikut seksyen 1 dalam rang undang-undang ini dalam takrif “barang-barang” dan juga “barang-barang ditetapkan” itu, ianya adalah satu rang undang-undang yang sebenarnya cukup umum kerana bukan sahaja boleh dikenakan ke atas CPO tetapi apa juga jenis barang-barang yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut seksyen 6 (i), dia kata, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menentukan kuantum levi ini dan juga apakah jenis barang-barang yang akan dikenakan ataupun industri yang terlibat dalam pengeluaran barang-barang yang ditetapkan ini.

Saya perhati dasar fiskal kerajaan ini bermula pada awal tahun 80-an sehinggalah sekarang ini dasar percukaian kerajaan adalah cukup jelas. Saya melihat kepada pengenalan rang undang-undang ini sebagai satu penyimpangan daripada falsafah fiskal negara yang telah dilaksanakan khususnya semasa negara berdepan dengan masalah dan penguncupan ekonomi pada pertengahan tahun 80-an. Kalau saya lihat pada tahun 1985 sehingga sebelum tahun 1997, kita boleh katakan bahawa dasar kerajaan menguruskan ekonomi ini seolah-olah berorientasikan satu fahaman ataupun aliran pemikiran di dalam ekonomi yang boleh kita katakan sebagai macam supply side economic. Dalam fahaman aliran fikiran yang sebegini rupa falsafahnya ialah sebenarnya penurunan cukai kerana fahaman ini berlandaskan bahawa kita harus membekalkan insentif-insentif kepada peringkat mikro untuk menggalakkan pelaburan dan dengan itu pertambahan pelaburan itu akan menjana pertumbuhan ekonomi dan pertambahan kekayaan.

Dasar ini telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak 13 tahun hinggalah sekarang ini yang mana pengenalan rang undang-undang ini merupakan, seperti yang saya katakan, satu penyimpangan seolah-olah satu perubahan 180 darjah daripada falsafah yang telah saya kenalkan. Saya merasakan dan faham bahawa tujuan mengenalkan rang undang-undang ini ialah untuk mendapatkan hasil yang lebih kepada kerajaan khususnya dalam keadaan di mana revenue base telah menguncup dan juga hasil kerajaan telah menguncup. Kita dijangkakan akan berdepan dengan defisit sebanyak RM16 bilion untuk perbelanjaan 1999 dan ini tidak termasuk lagi perbelanjaan di luar Belanjawan yang mana jumlahnya adalah lebih besar dan ini ditokok pula dengan defisit yang mungkin direkodkan oleh Belanjawan tahun 1998 yang tidak kurang daripada RM10 bilion.

Jadi, keperluan untuk kerajaan mencari sumber-sumber hasil adalah kita faham tetapi saya berpendapat adalah lebih baik walaupun dalam perbahasan yang

lepas saya bersetuju dalam keadaan sekarang ini di mana permintaan agregat adalah rendah, kita kena laksanakan belanjawan defisit tetapi mungkin ada lebih baik untuk kita menguncup dasar Fiskal itu, memperkecilkan saiz defisit daripada kita memperkenalkan satu dasar percukaian seperti yang diperkenalkan sekarang ini yang akan mewujudkan pelbagai distortion, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya dalam bahasa Malaysia, distortion dalam pasaran kerana kita tahu bahawa segala jenis dasar percukaian yang diperkenalkan oleh kerajaan akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh firma, individu dan sesiapa juga kerana dasar percukaian kita akan menentukan apa yang dikatakan mekanisme insentif kepada orang dalam pasaran. Dia akan buat keputusan berdasarkan apa yang dapat mendatangkan manfaat kepada dia.

Kalau dasar percukaian itu menghukum sesetengah tindakan maka dia akan membuat keputusan untuk mengelakkan hukuman itu.

Jika dasar percukaian kita memberi manfaat kepada tindakan yang tertentu maka orang akan membuat keputusan untuk mendapatkan nikmat tersebut. Kita gunakan takrif di sini keuntungan luar biasa, maknanya wind fall profit. Pada saya ada dua jenis wind fall profit, satu jenis wind fall profit ini adalah industri-industri yang mana economic rent dia tinggi, maknanya sewa ekonomi tinggi. Ini adalah industri-industri yang mana kalau zaman lima, enam, tujuh tahun yang lepas ia adalah industri-industri yang terlindung. Mereka yang mendapat manfaat daripada dasar penswastaan negara adalah mereka yang terlibat adalah yang memberi pulangan yang cukup tinggi ataupun keuntungan yang luar biasa, itu satu jenis industri ataupun mereka yang mengeluarkan, menghasilkan daripada usaha penyelidikan dan pembangunan, satu inovasi yang baru maka mereka dapat menghasilkan satu teknologi yang baru, satu produk yang baru, maka mereka ini juga akan menikmati keuntungan yang luar biasa.

Dan satu lagi yang akan menikmati keuntungan yang luar biasa adalah mereka yang berusaha dengan baik, mereka yang mempunyai kecekapan dalam pengurusan, mereka yang cekap menggunakan teknologi dan menggunakan teknologi yang baik dan menyebabkan mereka ini boleh berjaya dalam pasaran dan mendapat keuntungan yang baik. Dan ada juga industri yang mana ianya adalah terlindung, maknanya tidak ada orang boleh masuk dalam industri itu hendak bersaing dengan dia, dia punya kuasa pasaran yang tinggi maka dia dapat keuntungan yang luar biasa. Jadi industri yang dilindungi oleh lesen dan sebagainya adalah industri yang berbentuk ini.

Jadi sekarang ini kita lihat di dalam negara kita ini, industri yang tergolong dalam jenis yang terlindung ini, jenis yang mempunyai sewa ekonomi yang tinggi ini adalah industri-industri ataupun firma-firma dalam industri ini kebanyakan daripadanya berada dalam keadaan yang tenat sekarang ini. Siapakah yang berada di dalam keadaan yang tenat di dalam negara kita hari ini? Mereka yang berada di dalam keadaan yang tenat dalam negara kita hari ini adalah mereka yang lima tahun lepas, empat tahun lepas, tiga tahun lepas mereka ini menikmati keuntungan luar biasa yang cukup tinggi. Mereka yang mendapat projek-projek penswastan telah menikmati keuntungan yang cukup luar biasa pada tiga, empat, lima, enam, sepuluh tahun yang lepas. Mereka yang telah mendapat lesen-lesen untuk mengoperasikan telekomunikasih, atau apa bendakah, yang dilindungi sedemikian rupa adalah mereka yang telah mendapat keuntungan luar biasa yang tinggi tetapi sekarang ini dalam keadaan yang letih. Siapakah sekarang ini yang tidak mengalami masalah? Yang tidak menghadapi masalah sekarang ini ialah industri-industri seperti perladangan, mereka yang terlibat dalam industri perladangan ini kebanyakannya syarikat besar tempatan seperti Guthrie, Sime Darby, IOI benda-benda macam ini, mereka ini dahulu pun masa ekonomi tengah rancak tumbuh mereka pun mendapat keuntungan tetapi sekarang ini mereka mendapat keuntungan yang lebih tinggi sedikit ekoran daripada perubahan nilai pertukaran mata wang Ringgit dan Dollar Amerika.

Jika kita perkenalkan levi seperti ini nampak macam sekarang ini kita mahu bukanlah macam menghukum tetapi kita seolah-olah menghukum sektor-sektor ataupun industri yang sedang tidak dalam keadaan tenat akibat daripada kelemahan firma-firma ataupun sektor yang tidak berapa berjaya dan kita sedar bahawa yang tidak berapa berjaya ini, dahulu mereka telah meraih keuntungan luar biasa yang cukup tinggi masa senang dahulu. Memang betul mereka membayar cukai kepada kerajaan, tetapi apa yang saya rasa, yang sepatutnya dilakukan, kalau ada sektor-sektor ataupun firma-firma dalam negara kita ini dalam keadaan sekarang, oleh sebab kecekapan mereka sendiri meraih keuntungan yang tinggi maka kita kena biarkanlah mereka ini menikmati keuntungan itu dan sebolehnya mereka menggunakan lebihan keuntungan ini untuk melabur semula dalam sektor yang mereka terlibat ini yang jelas mereka mempunyai kemampuan

untuk bersaing dengan orang lain dan industri itu boleh berkembang dan dengan itu kegiatan ekonomi negara pada keseluruhannya boleh dipertingkatkan dan bukan mereka ini dihukum, oleh sebab kejayaan mereka, kecekapan mereka sendiri ataupun oleh kerana prevailing circumstances yang ada dalam ekonomi negara dan dunia sekarang ini. Setidak-tidaknya syarikat-syarikat yang beroleh keuntungan yang tinggi, yang luar biasa ini kalau tidak dilabur semula menggunakan sebahagian daripada keuntungan ini untuk membeli aset-aset sama ada dalam bentuk saham-saham ataupun dalam bentuk aset tak alih ini seperti hartanah dan sebagainya yang sudah mengalami penguncupan nilai dan bila mereka terlibat dalam pembelian aset-aset ini mereka boleh menyokong pasaran ini dan juga tidak menyebabkan pasaran hartanah ataupun pasaran aset ini yang telah melambung tinggi dalam tempoh 10 tahun yang lepas tidak jatuh teruk sangat. Bila tidak jatuh teruk sangat maka bank-bank yang telah memberi pinjaman untuk membiayai pembelian aset-aset oleh mereka yang telah membeli ini tidaklah menghadapi masalah non performing loans seperti yang mereka alami sekarang.

Syarikat-syarikat yang besar yang terlibat dalam perladangan ini adalah syarikat-syarikat tempatan. Syarikat ini adalah legacy warisan kita daripada zaman penjajahan dahulu tetapi dalam tahun 80-an kita telah mengambil alih syarikat-syarikat ini. Jadi janganlah kita menghukum mereka ini. Kita sedar sejak kita memperkenalkan dasar pembangunan perindustrian dalam negara kita ini, berapa kali saya cakap dalam kawasan saya, di mulakan di Bayan Lepas, pada tahun 70-an lagi, 1973, 1974, kita beri pioneer status kepada syarikat-syarikat multinational daripada luar yang datang pada negara kita dan menggunakan segala manfaat dan kita tidak payah cukaikannya. Banyak multinational ini melalui proses pelaburan asing terus (FDI) telah datang ke negara kita, membuat keuntungan yang banyak dan kita berikan dia tax holidays. Ini syarikat-syarikat daripada negara asing. Memang kita kena beri insentif untuk galakan mereka datang ke sini, tetapi kita lihat mereka ini tidak dikenakan cukai, dikecualikan dari cukai buat tempoh-tempoh yang tertentu dan mereka ini adalah syarikat-syarikat dari luar negara.

Dan sekarang walaupun rang undang-undang ini kelak nanti bukan sahaja boleh dikenakan kepada sektor perladangan tetapi kepada semua jenis barangan

yang bakal ditentukan oleh Menteri yang digazetkan. Jadi yang setakat yang hendak dikenakan ini adalah pada sektor perladangan dan sektor perladangan ini syarikatnya adalah syarikat tempatan, jadi kenapakah walaupun nanti mungkin kementerian akan berhujah bahawa kuantumnya tidak besar, walaupun kuantum tidak besar kenapakah kita mahu menghukum benda yang berjaya dan yang berjaya itu adalah syarikat dalam negara kita sendiri. Itu yang saya mohon penjelasan. Saya juga kurang bersetuju walaupun akhirnya saya akan menyokong juga rang undang-undang ini tetapi saya mohon penjelasan yang terperinci sedikit tentang rasional di belakang memperkenalkan akta ini. Berapa banyakkah yang kerajaan menjangka untuk mengutip hasil daripada pengenaan levi ini, adakah ia begitu banyak, kalau setakat RM300-RM400 juta yang bakal dikutip oleh levi ini, tidakkah boleh kita perkurangkan setengah ataupun sebahagian yang sama perbelanjaan pembangunan di dalam Belanjawan yang telah kita luluskan kalau kita jangkakan untuk mengumpul RM300 juta daripada levi ini. Jadi daripada memperkenalkan satu rang undang-undang yang sebegini rupa lebih baik kita potong pembangunan dalam Belanjawan sebanyak RM300 juta. Jadi kita tidak memperkenalkan distortion ini tetapi kita boleh mendapat kedudukan keseimbangan yang sama dengan kita delay beberapa projek pembangunan yang bernilai sama dengan hasil yang kita jangkakan kita dapat kutip daripada rang undang-undang ini.

Satu lagi yang saya hendak timbulkan ialah kalau saya tengok takrif yang digunakan di sini ialah barang-barang ini diberi pengertian segala jenis harta alih dan harta tak alih dan takrif barang-barang yang ditetapkan ini ialah apa yang ditetapkan oleh perintah melalui seksyen 6 yang ada di sini. Jadi ini juga menjurus kepada barang maknanya komoditi dan tidak kepada perkhidmatan. Apakah konsep di sini, kita hendak kenakan kepada barangan, perdagangan barangan, komoditi, perantaraan atau barangan siap tetapi tidak kepada sektor perkhidmatan. Apakah dalam sektor perkhidmatan tidak ada ruang untuk memperolehi keuntungan luar biasa, kenapakah kita bezakan di sini ataupun adakah rasional lain susah kita hendak kuantitikan keuntungan luar biasa dalam sektor perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan juga boleh mendatangkan pulangan yang tinggi yang boleh ditakrifkan sebagai luar biasa. Oleh itu, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah takrif luar biasa ‘extraordinary wind fall, extraordinary profit’ ini, takrifnya yang sebenar-benarnya, kerana dalam rang undang-undang ini yang ada disebut hal ini ialah seksyen 6 sahaja, para (1), (2), (3) sampai (5). Tetapi dia kata Menteri boleh menetapkan melalui perintah dalam Warta semua ini tetapi tidak sebut, tidak seberapa jelas, mungkin dalam penjelasan penggulungan nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan apakah konsep keuntungan luar biasa ini, macam mana kita hendak ukur keuntungan luar biasa ini? Mengapakah sekarang ini kita memperkenalkan satu konsep keuntungan luar biasa dan tidak sebelum ini, kerana kita tahu sebelum ini banyak industri, banyak firma telah memperolehi ataupun menikmati keuntungan luar biasa ini.

Yang keduanya, bagaimana kita hendak bezakan punca keluarbiasaan keuntungan ini? Adakah punca keluarbiasaan keuntungan ini didorong oleh faktor luar daripada negara kita. Misalnya tidak ada produktiviti, peningkatan produktiviti tetapi ada perubahan di dalam pertukaran mata wang, tetapi oleh kerana sekarang ini kita telah mengenakan kawalan kepada nilai pertukaran mata wang, jadi rasional itu saya rasa tidak wujud lagi. Melainkan kita akan pergi kepada regim yang terdahulu daripada sini kepada pertukaran wang yang fleksibel. Jadi, adakah puncanya hendak dikhususkan kepada yang externally driven factors ataupun kita hendak mengenal pasti punca keluarbiasaan keuntungan ini kepada sewa ekonomi (rent economy), iaitu pulangan luar biasa yang datang kepada sesuatu firma yang disebabkan oleh pemberian kontrak secara eksklusif ataupun terlibat dalam perdagangan di dalam sektor yang terlindung yang mana susah firma-firma lain hendak masuk ataupun terlibat dalam sektor perdagangan yang mana diperlukan lesen untuk mana-mana firma untuk terlibat.

Ataupun adakah kita mahu menjurus kepada keluarbiasaan keuntungan ini yang didorong oleh kecanggihan teknologi, penggunaan teknologi yang tertentu yang memberikan lebih saingan kepada firma-firma ataupun sektor yang tertentu yang membolehkan mereka mendapat pulangan yang tinggi. Ataupun adakah kita

hendak mengecualikan keluarbiasaan keuntungan ini kepada sektor-sektor yang beroleh keuntungan tersebut melalui proses inovasi dan kreativiti? Jadi, ini tidak jelas. Jadi, mungkin setakat ini kita dengar kita hendak kenakan wind fall profit levi ini kepada sektor kelapa sawit, minyak sawit mentah, tetapi kita memperkenalkan satu rang undang-undang yang umum yang mana ia boleh hidup selagi kita tidak matikan dia dalam Dewan ini, ia akan terus hidup, dan kita boleh tambahkan senarai dalam Warta ini untuk memasukkan segala jenis barang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok faktor yang boleh menyumbang kepada keluarbiasaan keuntungan ini, external factor, sewa ekonomi, teknologi, inovasi dan sebagainya, ia merangkumi segala jenis termasuk juga perkhidmatan, ia juga merangkumi segala jenis perniagaan. Jadi, hendaklah jelas di sini. Walaupun kalau mungkin kementerian fikirkan perlu juga hendak ada benda ini, tidak mahu juga potong RM300 juta atau RM400 dalam Belanjawan, hendak cari juga RM300 juta, RM400 juta hendak tambah dalam Kumpulan Wang Disatukan kerajaan, hendak buat juga benda ini, kenalah beri penjelasan yang cukup jelas, industri yang macam mana, sektor yang macam mana, punca keluarbiasaan keuntungan yang macam mana yang kita hendak kenakan, kerana itu semua berada kepada budibicara menteri dalam hal ini. Kalau ikut budibicara menteri dan kuasa yang akan kita berikan kepada menteri dengan kita luluskan rang undang-undang ini ialah cukup luas, ia boleh kenakan segala-galanya.

Saya rasakan kalau kita teruskan dengan usaha ini, maka pengenalan rang undang-undang ini akan mendatangkan satu kesan pemendapan kepada kegiatan ekonomi ataupun kegiatan perniagaan. Saya ini pun bukan seorang ahli ekonomi yang business friendly sangat, tetapi saya tengok kepada struktur keseluruhan ekonomi. Jadi, dalam kes ini saya memihak kepada industri ataupun kepada business, kerana saya takut bila kita perkenalkan ini kita memperkenalkan distortion yang saya cakapkan tadi dan kita menghantar satu signal yang saya ingat tidak berapa mendatangkan manfaat dalam keadaan ekonomi kita sekarang. Saya juga merasakan bahawa jika kita cukaikan tambahan firma-firma yang terlibat dalam perniagaan ataupun sektor-sektor pasaran yang mendatangkan pulangan yang luar biasa ini kita secara tidak langsung akan mengurangkan daya saing syarikat-syarikat ini di pasaran-pasaran di luar. Maknanya firma-firma yang

terlibat, yang cekap ini ataupun yang mendapat manfaat daripada persekitaran ekonomi sekarang ini, saya difahamkan kalau harga minyak sawit RM2,000 tan ke atas dikenakan RM50 satu tan, yang itu boleh diperjelaskan. Walaupun RM50 satu tan, tetapi ia mengurangkan sumber (resources) yang ada pada firma-firma ini sepatutnya mereka bersaing dalam negara, tetapi lebih penting lagi bersaing di luar negara.

Juga pengenalan rang undang-undang ini telah mewujudkan, memperkenalkan menuntut satu pewujudan birokrasi yang tambah. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, saya ingat yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini, ada pula fungsi tambahan untuk menguatkuasakan, membuat taksiran dan sebagainya berkaitan dengan rang undang-undang ini. Ini menambahkan birokrasi, dan pertambahan birokrasi sudah semestinya akan meningkatkan ketidakcekapan. Apabila kita tingkatkan ketidakcekapan maka susahlah lagi kita hendak mendorong ekonomi negara kita ini yang berada dalam kedudukan yang agak tenat sekarang ini untuk meningkat ke atas dengan lebih baik. Kita tahu bahawa kita telah memperkenalkan kawalan aliran modal dan juga kawalan ke atas mata wang asing, dan penguatkuasaan dua dasar itu juga telah menuntut diperkenalkan birokrasi tambahan.

Jadi, kalau kita mengambil langkah-langkah yang menyebabkan pertambahan kerentanan birokrasi ini, pada keseluruhannya ia akan memperkenalkan tahap ketidakcekapan yang lebih tinggi dalam negara kita ini. Kita sedar bahawa kalau kita lihat angka-angka, total factor productivity (TFP) dalam negara ini, dalam tempoh tiga tahun yang lepas sebenarnya walaupun tiga-empat tahun yang lepas kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang baik, tetapi total factor productivity sebenarnya menurun. Jadi, kita sedar bahawa trend total factor productivity kita menurun. Dan antara faktor yang boleh menyebabkan berlakunya fenomena ini ialah ketidakcekapan pengadunan, macam mana kita adun faktor-faktor pengeluaran ini untuk kita mengeluarkan sesuatu output. Bila kita tingkatkan birokrasi ini maka ia akan menyumbang kepada peningkatan ketidakcekapan dan akhirnya akan menyumbang kepada tidak meningkatnya tahap produktiviti negara kita pada keseluruhannya.

Itu tidak baik, itu sebab saya rasa unbalance secara aggregatonya rang undang-undang ini memperkenalkan signal yang tidak betul kepada sektor swasta, kepada pasaran. Kita akan mewujudkan satu mekanisme insentif yang saya ingat tidak berapa mendorong kepada peningkatan pelaburan dan mungkin mendorong kepada penyorokan dan sebagainya ataupun orang tidak berapa motivated untuk sektor-sektor yang kena ini. Pada asasnya kita hendak tolong yang berjaya, kita kena tolong juga yang gagal tetapi kita tidak boleh nampak seolah-olah kita tolong yang gagal tetapi menghukum yang berjaya. Ini signal yang saya takut tidak jelas.

Jadi bayangkan, katakan saya ini salah satu daripada syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur yang mana 90% daripada perniagaan saya adalah perladangan kelapa sawit dan minyak mentah. Kalau saya jadi CEO syarikat itu - dahulu saya minta tolong dari kerajaan supaya memberi permit agar pekerja asing dibenarkan masuk dalam sektor perladangan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan, tetapi saya tidaklah dapat special treatment. Macam mana pun saya kena usahakan, buka tanah, dapatkan buruh, beli benih, tanam kelapa sawit dan sebagainya dan mendapat keuntungan.

Jadi ada sektor-sektor lain yang kerajaan tolong yang menjadi sebahagian daripada perancangan strategik kerajaan untuk pembangunan ekonomi negara mereka dapat bermacam-macam. Selepas itu ada yang telah dapat bermacam-macam dia tidak ada specialization, 'melelong' sana, 'melelong' sini, banking hendak buat, property hendak buat, manufacturing hendak buat, semua hendak buat, sebenarnya dia tidak cekap. Jadi saya sebagai pengurus syarikat awam perladangan saya specialize, saya menjadi cukup mahir dalam bidang perladangan ini. Saya menumpukan kepada keuntungan, latihan, penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kecekapan saya dalam bidang perladangan.

Saya jadi baik, jadi cekap, orang yang 'melelong' sana sini, dia tidak menjadi cekap. Sekarang ini bila jadi macam ini dia menjadi letih, saya tidak letih, jadi kita hendak cukup sahaja untuk bantu dia. Signal itu tidak berapa jelas, tambahan pula semasa ekonomi sedang elok dahulu mereka itu meraih keuntungan luar biasa yang besar-besar juga, tetapi pada ketika itu oleh sebab kedudukan

kewangan negara tidak mendesak maka mereka tidak dikenakan levi ataupun cukai keuntungan luar biasa ini.

Sekarang ini kita kena menerima sedikit bahawa ada daripada syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor yang tertentu, yang berada dalam kedudukan yang kurang sihat ini sebahagian daripada sebab mengapa mereka berada dalam kedudukan tersebut ialah kerana pengurusan mereka yang tidak baik, kerana mereka tidak menggunakan kelebihan keuntungan yang telah mereka raihkan selama ini pada jalan yang baik ataupun mereka telah menyalahgunakan pembekalan ataupun kemudahan kredit yang ada ke arah jalan-jalan yang tidak produktif ataupun tidak optimum sekurang-kurangnya. Jadi, kena ada satu keseimbangan di sini orang kata, "a portionment of the blame", sebahagian daripada sebab mengapa jadi seperti ini adalah faktor-faktor luar. Faktor yang disebabkan oleh pergerakan tukaran mata wang yang berlaku terlalu mendadak tetapi sebahagian sebab-sebab itu datangnya daripada kelemahan pengurusan dan juga perancangan syarikat-syarikat yang terlibat ini, tetapi bagi sektor yang sekarang ini tidak terjejas dan mengalami kadar keuntungan yang baik dan yang tinggi khususnya yang relatif kepada syarikat-syarikat yang tidak sihat ini.

Kalau kita kenakan cukai keuntungan luar biasa, signalnya tidak berapa jelas. Itulah yang membimbangkan saya kerana kalau syarikat yang bekerja keras, berinovatif tidak mendapat pertolongan yang banyak dari segi special treatment dan sebagainya. Kalau dia beroleh keuntungan yang luar biasa dalam keadaan sekarang, dia kena cukai tetapi dalam keadaan sedang elok, dia pun tidak dapat special treatment. Sekarang ini kita hendak tampungkan kelemahan daripada yang kurang berjaya ini dengan menggunakan firma-firma yang berjaya. Yang saya tidak mahu ialah selepas kita mengatasi masalah ekonomi sekarang ini kita tidak mempunyai kekuatan yang lebih daripada apa yang kita ada sebelum kita mengalami masalah ekonomi ini. Memang kejatuhan ekonomi kali ini adalah serius, tetapi naik turunnya satu ekonomi ini adalah satu perkara yang biasa kalau kita lihat dari sudut jangka panjang.

Jadi memang kena berlaku naik turun ekonomi ini dan orang telah mengatakan kitaran perniagaan di Malaysia 12 tahun seperti itu ia mesti ada naik turun. Saya pergi tukar break kereta dengan seorang tauke kedai tayar, dia kata

kepada saya “sepuluh tahun sekali mesti kena naik turun”. Jadi naik turun ekonomi ini satu perkara yang biasa, itu fenomena ekonomi yang biasa, tetapi apa yang hendak kita pastikan sebagai satu dasar ialah setiap kali berlaku penurunan itu apabila kita naik lebih baik daripada semasa kita turun itu. Jadi hakikatnya ialah kita kena merasai kesakitan itu, kita kena terima bahawa ada yang akan sakit dalam proses itu barulah proses perubahan itu akan berjaya supaya apabila kita naik kelak, maka sesetengah penyakit ini, sesetengah lemak ini, sesetengah kelemahan ini telah dikeluarkan daripada sistem kita supaya bila sampai kitaran yang satu lagi hendak naik, kita akan berada dalam kedudukan yang lebih baik daripada semasa kita turun. Kita ingat tahun 1996 dan 1997, oleh itu ia memberi kita satu kemampuan, ia memberi firma-firma dalam negara kita satu kemampuan untuk bersaing dalam pasaran dunia yang sebenarnya pada akhir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya tertarik tentang hujah-hujah mengenai pentadbiran dan pengurusan syarikat-syarikat dan firma-firma khususnya pada masa sekarang ini. Saya ingin minta pandangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau. Di dalam Dewan yang mulia ini kita sudah lama menyaran ataupun meminta supaya misalnya ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat atau firma-firma adalah orang yang ada kemahiran, kebolehan ataupun ada pendidikan yang sesuai. Dengan adanya pendidikan yang sesuai misalnya, dengan izin, professional people, barulah kita dapat menjamin pentadbiran dan pengurusan syarikat dengan memuaskan dan sebab itulah mungkin dalam masa sekarang ini banyak masalah yang dihadapi oleh syarikat gergasi ataupun public listed company, dengan izin, oleh kerana kelemahan daripada pentadbiran dan pengurusan.

Yang saya ingin minta pandangan ini sampai bilakah kita mencadangkan kepada kerajaan supaya ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat gergasi seperti public listed company adalah orang yang berpendidikan ada kewibawaan dan kebolehan supaya dapat mentadbir, mengurus syarikat dengan memuaskan. Minta pandangan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih kawan saya dari Bukit Mas. Kerajaan merupakan pemegang saham yang dominan dalam sesuatu syarikat dan boleh menentukan pelantikan ahli lembaga pengarah. Tetapi tuan punya-tuan punya ataupun pemilik-pemilik saham yang besar-besar dalam syarikat yang disenaraikan ini sepatutnya mengikut nasihat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Dalam konteks ini saya rasakan bahawa kalau kita hendak tolong menjawab secara tidak langsung kepada Yang Berhormat, kalau kita hendak tolong satu-satu syarikat yang berada dalam keadaan yang kurang sihat ini maka akhirnya lembaga pengarah itu kena bertanggungjawab (accountable) kepada keputusan itu.

Sama ada apa alasan yang hendak diberikan oleh lembaga pengarah itu kenapa akhirnya syarikat itu berada dalam kedudukan yang tenat, tetapi lembaga pengarah syarikat itu kenalah dipertanggungjawabkan dan mengambil tanggungjawab tersebut. Jika kita hendak tolong syarikat itu, maka sudah tentu sebahagian, kalau tidak semua daripada ahli lembaga pengarah syarikat itu dan juga pengurusan atas yang top management kena ditukarkan. Kita duduk dalam politik ini, kita tahu kalau kita silap - out. Kita duduk dalam politik ini kalau rakyat tidak undi kita - out. Jadi dalam dunia korporat pun begitulah juga, tanggungjawab ataupun accountability kepada pemegang atau pemilik saham. Jadi kalau berlaku yang tidak elok, dia kena ambil tanggungjawab tambahan pula, misalnya sekarang ini, Asset Management Company (AMC), danaharta, danamodal ini, ia hendak tolong menyelesaikan masalah NPL bank, ekoran daripada tidak bayar hutang ini jadi kenalah ada signal yang menyatakan bahawa kita menghukum mereka yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan perniagaan yang tidak prudent. Bukan kita kata kena perfect setiap masa, tetapi tidak betul gambaran yang kita beri, masa tengah elok orang itu duduk di situ, bila dia jadi tidak elok, kita tolong orang itu juga duduk di situ, tidak ada kos yang dikenakan kepada dia, tidak ada harga yang dituntut daripada dia untuk kita tolong dia dan tidak ada harga yang dia bayar kerana dia telah melakukan kelemahan. Ini dapat kita kontraskan dengan semangat rang undang-undang ini yang salah-olah menghukum orang yang telah berjaya secara luar biasa kerana mendapatkan pulangan yang luar biasa.

Jadi inilah signal-signal yang mahu kita jaga supaya jelas ia menunjukkan kepada sektor swasta, kepada bakal-bakal usahawan-usahawan yang ada di dalam negara kita ini, kepada mereka yang terlibat dalam sistem perniagaan ini supaya mereka dapat satu gambaran yang jelas tentang apakah insentif mekanisme. Apakah sistem insentif yang kita hendak perkenalkan melalui dasar pencukaian kita, dasar fiskal ini, dasar-dasar kerajaan kita sama ada menerusi IMP ataupun sebagainya, kerana akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak supaya selepas kita keluar daripada kitaran ini boleh bersaing di pasaran antarabangsa, sama ada Malaysia boleh maju ke hadapan, sama ada kita boleh mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi dari sudut ekonomi ini bergantung kepada kemampuan negara ini, firma-firma yang ada dalam negara ini untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Kita tidak boleh mengelak hakikat itu dan kita hendaklah lakukan dan laksanakan dasar apa juga undang-undang untuk menjurus ke arah itu kita kena menerima hakikat bahawa yang mana tidak cekap, yang mana tidak larat, yang mana tidak boleh sama ada diberhentikan, ditukar ataupun kita pergi kepada industri-industri ataupun sektor-sektor perniagaan yang lebih membolehkan negara bersaing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara khusus yang akan saya bangkitkan dalam Jawatankuasa tetapi secara umumnya saya telah kemukakan pandangan saya tentang rang undang-undang ini

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini tetapi memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memperjelaskan kepada saya tentang perkara-perkara yang telah saya timbulkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong.

3.18 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini dengan kekhuatiran kerana saya pun takut

kalau kita adakan kaedah untuk mengutip levi keuntungan luar biasa seumpama ini mungkin akan menjejaskan perindustrian termasuk perladangan di negara ini.

Saya pun hairan jugalah Balik Pulau tadi dia nampaknya bersemangat – dia tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini, tetapi akhirnya dia sokong juga.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya ada bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai barang yang dimaksudkan di dalam rang undang-undang ini dan jawapannya ialah minyak kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali pertama levi dikenakan, ses dikenakan kepada getah, levi dikenakan kepada kayu bergergaji dan sebagainya. Saya pun tidak begitu gembira apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini dan tidak memberitahu kepada Dewan yang mulia, apakah sebab musabab kita hendak mengadakan Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa. Cuma dia terus pergi kepada fasal-fasal penguatkuasaan undang-undang sahaja. Sepatutnya lain kali kita terangkan mengapa kita hendak mengadakan rang undang-undang seumpama ini. Sebab ini bukan satu rang undang-undang sebarangan sahaja, ini rang undang-undang yang penting, kalau tidak dilaksanakan dengan betul akan menjejaskan sektor-sektor perladangan dan juga perindustrian.

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini kerana harga minyak kelapa sawit telah meningkat dan buat pertama kali sejak tahun 1995 perolehan-perolehan daripada sektor minyak kelapa sawit ini sudah melebihi perolehan-perolehan daripada sektor petroleum dan gas. Petroleum dan gas pada tahun lepas hanya RM16.64 bilion dan pada tahun 1996 - RM14.25 bilion, tetapi untuk kelapa sawit hampir RM16 bilion ataupun RM18 bilion.

Ini bermakna perolehan kelapa sawit sudah pun melebihi petroleum dan gas. Ini memang satu gejala yang baik untuk sektor komoditi dan jumlah perolehan daripada sektor komoditi tahun lepas ialah RM36.88 bilion dan tahun ini dianggarkan RM40 bilion. Walaupun begitu pengeluaran minyak kelapa sawit kerana faktor-faktor iklim dan sebagainya sudah turun sedikit mungkin 8.8 juta tan sahaja. Ini memang keadaan kelapa sawit tetapi saya akan lebih teliti lagi

menghuraikan mengapa kita sentiasa perlu berwaspada dalam penguatkuasaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana di dalam kebudayaan korporat ada trend yang baru sejak globalisasi ekonomi. Ekonomi global ini memang tidak serupa dengan ekonomi yang sebelumnya. Maksud saya ialah negara kita Malaysia mempunyai batasan, mempunyai sempadan-sempadan yang tetap, tidak boleh jadi Malaysia global. Yang boleh dilakukan ialah sektor-sektor korporat, perdagangan, perniagaan, multimedia dan sebagainya boleh jadi ekonomi global. Sempadan itu luas dan boleh diperluaskan lagi dan biasanya yang paling berjaya di dalam ekonomi global ini ialah sektor-sektor korporat, syarikat transnasional, syarikat multinasional yang dapat melintasi sempadan-sempadannya.

Di sinilah masalah kita timbul. Malaysia global tidak boleh wujud tetapi ekonomi global boleh wujud. Syarikat-syarikat seumpama Sime Darby, Guthrie, Multinasional, dia boleh berdagang, berniaga di mana-mana tempat dan dia boleh dapat untung di situ tetapi negara kita susah hendak mengawal keuntungan ini walaupun keuntungan biasa ataupun keuntungan luar biasa dan yang dikira sekarang ini dikenakan pelbagai kaedah termasuklah hukuman, penalti dan sebagainya di dalam rang undang-undang ini ialah kita kira misalnya Sime Darby kerana ada banyak keluaran minyak kelapa sawit, hendak kenakan levinya, kalau tidak bayar mesti dihukum kerana pihak Kastam dan Eksais boleh menyita dan sebagainya untuk memaksa syarikat seumpama Sime Darby untuk membayar levi tetapi ini untuk perolehan-perolehan yang kita tahu, kerana di dalam negara kita tahu banyak mana dia keluarkan minyak kelapa sawit dengan harga yang tinggi, puratanya pada bulan ini sahaja US\$630 setan. Ini memang harga yang tinggi dan kita boleh kira Sime Darby keluarkan sekian-sekian juta tan setahun dan mesti keuntungan luar biasanya besar, berbilion-bilion ringgit

Kita kuat kuasakan rang undang-undang ini apabila ia menjadi akta kelak, kita paksa dia bayar tetapi dia boleh ada ladang di Amerika Latin, Afrika dan juga

Indonesia, kita tidak tahu, apakah perolehan, takkan Sime Darby itu mesti laporkan keuntungannya kepada Indonesia daripada Afrika, Amerika Syarikat, Amerika Latin dan sebagainya dengan 100% keuntungan sebenar. Inilah masalah kita kerana kita ekonomi global sekarang, perdagangan global sekarang ini tetapi Malaysia tetap Malaysia, tidak boleh global. Malaysia tetap Malaysia, tidak boleh global lagi dan Kementerian Kewangan pun tidak boleh diglobalkan. Dia hanya extra-territorial itu tidak wujud langsung. Kerana itu rang undang-undang ini apabila menjadi akta kelak tidak boleh digunakan di luar Malaysia, itu masalah kita.

Sebab itulah saya berharap pihak Kementerian Kewangan mesti balik untuk buat homework sedikit, macam mana kita dapat mengatasi masalah keuntungan syarikat transnasional kita sama ada keuntungan itu luar biasa ataupun keuntungan biasa. Saya berasa dukacita sedikit kerana apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini tidak langsung menyebutkan masalah yang kita hadapi, cuma dia hendak gunakan undang-undang untuk memaksa orang membayar levi tetapi dia tidak terangkan sebab apa kita hendak ambil tindakan yang tegas.

Bagi saya, tindakan seumpama ini tidak akan menyelesaikan masalah kerana syarikat transnasional ini mungkin dapat keuntungan yang lebih misalnya di Afrika kelak iaitu destinasi untuk ekonomi mungkin millennium hadapan di Latin Amerika, Afrika, kerana dia sekarang mengalami masalah tetapi mungkin beberapa tahun lagi, abad akan datang dia akan muncul juga, akan dapat kedamaian, keamanan dan sebagainya. Waktu itu memang bertambahnya peluang untuk perdagangan dan syarikat transnasional akan pergi ke Afrika pula, di situ dia akan dapat untung yang banyak. Kalau ada sekatan-sekatan seperti ini, levi yang dikenakan di Malaysia, lebih baik kita pergi ke Mozambique. Di Mozambique tidak ada levi, di sana tanahnya subur, kita tanamlah beribu-ribu ekar kelapa sawit

di situ dan kita dapat meraih keuntungan yang banyak di situ, sama ada biasa ataupun luar biasa tidak dikenakan levi.

Kita tidak boleh harap yang dia akan laporkan kepada Kementerian Kewangan: “Oh! kita dapat keuntungan sekian-sekian banyak pada tahun ini”. Saya percaya dia tidak akan buat demikian. Kalau dia hendak buat demikian apa fasal dia hendak pindahkan ladang kepada Mozambique, misalnya, tidak akan buat macam itu kerana dia hendak elakkan levi kita, dia lari kepada negara lain yang tidak mengenakan levi.

Tambun dan Wangsa Maju mesti lebih prihatin, memberi perhatian yang lebih kepada masalah kerana kebudayaan perdagangan sekarang.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Parit Buntar bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat dia berminat dengan BERNAMA sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya ingin minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Kepong sebut oleh kerana hendak mengelakkan daripada levi ini maka syarikat gergasi ini sudah lari ke Mozambique atau mana-mana. Macam mana Yang Berhormat cakap begitu kerana rang undang-undang untuk mengenakan levi ini belum kita luluskan lagi. Macam mana Yang Berhormat kata syarikat-syarikat ini sudah lari untuk mengelakkan dari membayar levi. Itu penjelasan yang saya minta.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik jugalah Yang Berhormat dari Parit Buntar - ‘parit yang buntar’. *[Ketawa]* Sebab hujah saya dulu dia tidak dengar, yang hujungnya dia dengar. Saya kata ini untuk mengenakan levi kepada syarikat yang dapat untung luar biasa tetapi kita tidak tahu akibat yang akan datang bila kita melaksanakannya, tidak tahu lagi, cuma saya bentangkan masalah yang kita hadapi dengan ekonomi global di dalam keadaan Malaysia tidak boleh diglobalkan dan

undang-undang yang kita wujudkan, lulus di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh dipakai di luar daripada sempadan Malaysia, extra-territorial, tanyalah Machang, dia sentiasa kata extra-territorial.

Extra-territoriality tidak wujud, tidak boleh digunakan dan sebab itulah di dalam ekonomi global sekarang, syarikat-syarikat transnasional kita seperti syarikat-syarikat seumpama ini di negara-negara Amerika Syarikat dan Eropah, ia akan pergi ke negara-negara lain sebagai syarikat global.

Kalau di Malaysia dia dikenakan bayar levi dia tidak mahu, dia lari ke China kalau boleh, lari ke Afrika, lari ke negara lain, itulah maksud saya. Masa dahulu Yang Berhormat memegang teraju BERNAMA tetapi saya nampak ada kurang sedikit kerana tidak buat jangkaan panjang. Sehingga sekarang BERNAMA mengalami masalah sama ada diswastakan ataupun tidak diswastakan dan buat sementara kita terpaksa menerima bantuan daripada kerajaan. Sekarang ada bantuan kalau tidak silap saya RM7 juta hingga RM8 juta untuk tahun depan. Ini mungkin Yang Berhormat “parit yang buntar” ini tidak memikir secara jangka panjang semasa Yang Berhormat memegang terajunya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Apa kena-mengena yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong ini tentang BERNAMA, tentang perancangan, dengan akta atau rang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri maklumat sedikit kerana Yang Berhormat “parit yang buntar”

Seorang Ahli: Dia merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana hendak merapu pula, kita hendak terang dan jelaskan kepada Yang Berhormat “parit yang buntar”. Masalah itu

tidak wujud langsunglah. Yang Berhormat, ini secara bandingan sahaja. Kalau Yang Berhormat misalnya pada 10 tahun yang lepas sudah pun buat telahan ...

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tambun bangun pula, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah minit sahaja. Misalnya dia ada buat telahan, dia menelahkan bahawa kalau BERNAMA tidak diuruskan sekian, sekian, sekian akan menghadapi masalah dan semua 'privilege'nya akan ditarik balik dan sebagainya dan saya sebagai pengarah yang benar-benarlah berkaliber akan buat perancangan macam ini dan mungkinlah BERNAMA tidak akan ada dalam keadaan serba salah sekarang.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati Yang Berhormat Kepong ini ucapannya sudah tidak ada apa-apa dah. Jadi saya minta penjelasan daripada beliau adakah beliau mahu berhenti cepat kerana saya pun ingin juga mengambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Tambun ini dia ada berkecimpung di dalam sektor kewangan bank beberapa tahun. Sepatutnya dia meneliti isi-isi kandungan rang undang-undang ini sebab semasa perbahasan Rang Undang-Undang Kewangan tadi, dia kata hendak galakkan industri perkapalan dan sebagainya dan sekarang dia tidak berminat dengan apa yang disebutkan sebagai syarikat international, transnational ataupun multinational yang meraih keuntungan luar biasa. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah saya beri satu contoh. Tuan Yang di-Pertua, dengan levi yang dikenakan kepada eksport kayu gergaji, pada satu ketika harga kayu yang dieksportkan adalah tinggi kerana permintaan daripada Jepun, Korea Selatan, daripada China itu banyak dan kita kenakan levi yang banyak kepada pelbagai jenis kayu kita. Tetapi sekarang

kerana permintaan di negara-negara Asia Timur seperti Jepun, Korea Selatan dan China semakin kurang disebabkan kelembapan pertumbuhan ekonomi maka timbulkan masalah levi ke atas eksport kayu gergaji. Kerajaan menghapuskan buat sementara levi eksport antara RM40 hingga RM250 ke atas dua jenis kayu gergaji dan papan lapis bagi membantu industri itu yang sekarang terjejas akibat kejatuhan harga di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan getah, kita kenakan ses. Ses itu satu levi juga. Dan ses ini dikenakan kepada getah yang dieksport. Sekarang ada kejatuhan harga getah dan sumbangan eksport perolehan getah kepada negara bagi tahun yang lepas hanya RM7.22 bilion sahaja. Jadi sumbangan minyak kelapa sawit adalah lebih dua kali ganda. Ses untuk getah sekarang ini kita menghadapi masalah juga dan beberapa bulan yang lepas, di dalam Dewan yang mulia ini meluluskan satu rang undang-undang untuk mengutip ses ke atas getah yang digunakan di dalam negara ini pula kerana kita tidak cukup ses. Levi itu tidak cukup kita hendak tambah levi untuk getah dan kita kenakan pula ses ke atas getah yang digunakan untuk dalam negara. Itu memang dibuat. Ses ataupun levi serupa juga. Ini untuk kayu, getah kita menghadapi kesusahan.

Saya percaya apabila harga minyak kelapa sawit turun ke tahap yang tidak realistik dan levi ini mesti dihapuskan pula. Ini memang perlu dibuat kalau tidak matilah semua. Saya percayalah bagi menyelesaikan masalah ini memang kita mesti fikir cara-cara untuk mengukuhkan kebudayaan korporat yang lebih sihat untuk negara ini. Bagaimana kita di Malaysia dapat menggalak dengan berkesan syarikat-syarikat transnasional Malaysia memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Ini memang satu budaya yang mesti dipupuk di negara ini.

Walaupun Yang Berhormat dari Tambun, Wangsa Maju dan “parit yang buntar” pada setakat ini memang tidak begitu peka kepada masalah ini tetapi saya percaya pada masa hadapan mereka akan lebih menumpukan perhatian kepada budaya seumpama ini kerana inilah yang timbulnya. Sebab tabiat manusia ini

memang di dalam keadaan misalnya dengan kelapa sawit sekarang, kita tetapkan pengeluaran tiap-tiap bulan 35,000 tan minyak kelapa sawit untuk minyak masak tetapi timbul kekurangan minyak masak. Bukan kerana kita sudah keluarkan yang banyak sebab purata tiap-tiap bulan di negara ini penggunaan minyak kelapa sawit tidak sampai 32,000 tan satu bulan tapi tiba-tiba kita menghadapi kekurangan minyak masak. Sebab apa?

Sebab setiap tan minyak kelapa sawit diberi subsidi dan subsidi dengan banyak juga, setiap bulan ataupun setiap hari, subsidi itu mungkin RM1 juta, sebab itulah kita kenakan levi. Kita kenakan levi untuk beri subsidi, setiap hari lebih kurang RM1 juta subsidi untuk minyak masak.

Ada puak-puak yang menggunakan kesempatan ini kerana di negara-negara jiran Singapura, Thailand dan Indonesia harga minyak masak mereka memang tinggi.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya paling di sini, dia kata point of order, sudah. Apa point of order?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Biar dia sebutkan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila sebutkan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36, dia tidak tengok speaker, yang pertama. Yang kedua, dia angkat tangan banyak, macam silap mata. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ingat Yang Berhormat Kepong sudah jemu tengok saya *[Ketawa]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang minyak masak ini diberi subsidi, diberi subsidi setiap kilo RM3.20 dan sebab itu sekarang kita kena levi mengikut rang undang-undang ini tetapi walau bagaimanapun sebab tabiat manusia ini memang ada sesetengah orang, saya harap Yang Berhormat tadi dapat memberi pertolongan sedikit menggalakkan puak-puak yang melakukan kesalahan ini jangan melakukan lagi, ada yang menyeludup minyak ini kepada negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia pun dia ada menyeludup.

Ada yang menjual kepada kedai, kepada industri dan kilang, khabarnya ada yang dijual secara haram ini mungkin ada 9,000 tan sehari, 9,000 tan dijual kepada industri yang tidak layak, ini yang dibuat dan pelbagai masalah lagi. Ada yang menyorok itu kerana kononnya ada musim tengkujuh dan sebagainya. Dan ini memang perbuatan manusia dan begitu juga dengan kegiatan-kegiatan syarikat transnasional yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang minyak masak sahajalah, saya sebutkan minyak masak kerana kita kenakan levi sekarang hendak bayar subsidi kepada minyak masak. Inilah salah satu sebab rang undang-undang ini dibentangkan. Dan sebelum ini, keluaran tin atau dalam plastik minyak masak pun ada dua kilogram, lima kilogram ada, satu tin 17 kilogram pun ada. Kalau satu tin 17 kilogram minyak masak berharga RM42, ia diberi subsidi dan kalau tidak diberi subsidi, harganya adalah RM60 satu tin 17 kilogram dan kerana itu pihak kerajaan sekarang mengarahkan supaya tin 17 kilogram ini dihapuskan sama sekali.

Jangan kita beri peluang sama pada parit yang buntar itu, parit yang buntar, ya, pergi jual kepada kilang, kita tidak mahu dia pergi jual kepada kilang. Kita pun sudah tahulah tetapi saya percaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Buntar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Penjelasan, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dari Kepong sebut, kerajaan kenakan levi ke atas industri kelapa sawit ini hendak bayar subsidi untuk minyak kelapa sawit. Kalau tidak salah saya, rang undang-undang ini jelas menyebutkan di bawah Fasal 6(3) levi yang dikutip ini akan dimasukkan ke dalam consolidated fund ataupun kumpulan wang yang disatukan, maknanya dia datang sebagai hasil kerajaan.

Subsidi yang kerajaan bagi kepada minyak kelapa itu datang dari tabung yang lain, baru sahaja dikenalkan, tidak kena mengena dengan akta ini, macam mana Yang Berhormat faham begitu.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua hasil yang kita dapati, biasanya dimasukkan ke dalam dana untuk kumpulan wang disatukan. Ini memang satu aktiviti biasalah, di mana kita hendak masuk wang ini tanya Yang Berhormat Wangsa Maju, dia memang tahu. Hasil negara kita dimasukkan ke mana, itu memang kumpulan wang disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang ini parit yang buntar ini, dia tidak tahu apa maksud kumpulan wang yang disatukan. Itulah pertama kali kita masukkan ke situ juga, kemudian kita fikir wang kita ada sekian-sekian banyak, ada RM60 bilion, tahun ini macam mana kita hendak gunakan, hendak berikan sedikit kepada parit yang buntar supaya dia tidak begitu kacau dan sebagainya dan ini memang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun tidak tahulah, apakah akibat selepas rang undang-undang ini dijadikan akta yang dikuatkuasakan. Cuma saya

berharap Kementerian Kewangan dapat berfikir semula cara-cara untuk mendapat kerjasama daripada pihak syarikat-syarikat terutamanya syarikat transnasional, cara-cara mereka dapat memberi sumbangan kepada masyarakat kita yang disebutkan oleh Kementerian Kewangan sentiasa disebutkan sebagai social cost. Macam mana syarikat transnasional seperti Sime Darby dan Guthrie dapat memainkan peranan di dalam semua sumbangan kepada cost social, sebab kita tidak boleh kalau kenakan rang undang-undang seumpama ini sahaja, itu tidak cukup, dia boleh lari.

Tuan Yang di-Pertua, tengok sekarang, ada syarikat-syarikat termasuk yang dimiliki oleh George Soros kerana dia mempunyai trillion Dolar Amerika di dalam dananya dia boleh jatuhkan nilai ringgit kita, boleh jatuhkan pasaran kita dengan begitu mudah, dengan senang.

Kita tidak boleh buat apa-apa, cuma saya ada nampak setengah-setengah Ahli Parlimen berminat hendak membidas, hendak membantah George Soros sahaja, ada orang juga di sini termasuk Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semalam, dia kata dia hendak bidaskan George Soros kerana dia peka kepada perasaan negara. Ini saya tidak nampak parit yang buntar membidas George Soros pula tetapi cara senyap-senyap dia kata tidak betullah dia buat macam itu, rugikan kita, rosakkan ekonomi kita, macam mana boleh, tetapi kita setakat keluarkan kenyataan sahaja tidak boleh buat apa ke atas George Soros itu kecuali kita mengadakan langkah-langkah supaya dia tidak lagi boleh merosakkan negara kita. Itu sahaja kita boleh buat.

Begitu juga dengan syarikat-syarikat transnasional kita tidak boleh buat apa-apa. Cuma kegiatan di dalam negara kita, kita boleh kawal, kenakan tindakan tetapi luar daripada batasan Malaysia kita tidak boleh buat apa-apa. Sebab itulah saya sekali lagi, saya nampak ada yang hendak bangun sekarang. Tidak apa, saya hendak habis dah. Saya menyeru sekali lagi supaya pihak Kementerian Kewangan mengira dengan semasak-masaknya bagaimana kita dapat menangani keuntungan

yang diraih oleh syarikat-syarikat transnasional dan syarikat-syarikat yang lain dengan cara yang lebih berkesan tanpa menjejaskan pengilangan ataupun perindustrian daripada tertubuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Buntar.

3.51 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini tetapi sebelum itu ingin saya jelaskan bahawa adalah tidak benar seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong bahawasanya rang undang-undang ini diperkenalkan dengan tiba-tiba sahaja tanpa sebarang latar belakang. Kalau kita ingat dalam ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I, kerajaan ada menjelaskan telah mengambil keputusan untuk mengenakan levi terhadap industri kelapa sawit ini, kerana industri ini merupakan satu-satunya industri yang meraih keuntungan begitu tinggi dalam musim kegawatan ini dan adalah wajar mengikut pandangan kerajaan untuk mengenakan cukai sedikit kepada industri ini bagi menolong kerajaan dalam masa yang susah.

Jadi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat dari Kepong ada atau tidak semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan. Kalau dia ada pun saya ingat masa itu dia tidur. Dia tidak dengar apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I. Jadi sebenarnya rang undang-undang ini adalah ekoran dari keputusan kerajaan untuk mengenakan levi kepada industri kelapa sawit ini seperti mana yang telah diumumkan dalam ucapan tersebut. Jadi tidak payahlah Timbalan Menteri ulang balik apa yang disebut oleh Perdana Menteri itu kita faham. Saya pun faham bahawa this is actually the consequential to the budget speech. Jadi

Seorang Ahli: Bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi dia peluang banyak kali. Peluang bagi saya satu kali pun tidak boleh. Macam mana demokrasi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ada di sini dengar levi itu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, sekarang saya ada peluang untuk membangkitkan masalah levi sebab levi bukan satu perkara yang kali pertama yang kita buat. Ke atas kayu dan getah pun ada, ini bukan satu kali sahaja, ini pun untuk sementara sahaja apabila harga minyak kelapa sawit jatuh, kita hapuskan. Seperti levi yang dibuat ke atas eksport kayu bergergaji sekarang ditarik balik buat sementara untuk beberapa jenis kayu bergergaji termasuk daripada Pahang. Ia hapuskan levi buat sementara. Memang levi ini bukannya satu perkara yang barulah Yang Berhormat. Itu cerita lama.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa yang Yang Berhormat dari Kepong hendakkan penjelasan. Saya tidak payahlah jelaskan kerana dia tidak minta sebarang penjelasan.

Seperti mana yang saya sebut tadi dalam menyokong rang undang-undang ini saya cuma ada dua, tiga perkara yang saya hendak timbulkan. Pertama ialah tentang definisi barang-barang tadi. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Balik Pulau, takrif ini adalah umum. Walaupun sebenarnya apa yang kita hendak kenakan setakat ini hanyalah minyak kelapa sawit. Jadi kalau itulah maksudnya, saya tidak faham kenapa kita harus merangka satu rang undang-undang yang begini umum yang saya kira membolehkan, kalau menurut peruntukan Fasal 6 membolehkan menteri yang bertanggungjawab menambah senarai ini dari masa ke semasa dan kita tidak tahu setakat mana perkara ini hendak dilaksanakan.

Bagi saya yang penting ialah apa sahaja yang kita hendak buat, kita tidak mahu dia seperti mana disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau menghantar signal ataupun isyarat yang kurang sihat terutama sekali kepada bakal-bakal pelabur luar. Sekarang ini kita sedang berusaha berhempas pulas untuk menarik

lebih ramai pelabur asing ke negara ini dan saya takut dan bimbang, jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan nanti kalau boleh beri sedikit jaminan supaya rang undang-undang ini cuma dihadkan kepada minyak sawit. Sebab kalau misalnya kita bagi kelonggaran begini ia seolah-olah memberikan gambaran yang kerajaan ada niat tersirat untuk menyenaraikan lebih banyak barang-barang yang akan dikenakan levi.

Saya juga setuju bahawa takrif keuntungan luar biasa ataupun dengan izin, extraordinary gain ini terlampau umum sebab dalam keadaan biasa penjualan aset juga kalau ikut kebiasaan accounting boleh dianggap sebagai satu extraordinary gain, dengan izin, jadi kita hendaklah kalau boleh berikan takrif ataupun sekurang-kurangnya berikan huraian melalui kenyataan-kenyataan rasmi apa yang dimaksudkan dengan extraordinary gain atau keuntungan luar biasa ini. Dalam keadaan sekarang undang-undang ini boleh dilihat dalam dua perspektif. Satu, kalau kita lihat dia hanya sebagai satu usaha untuk membolehkan kerajaan memungut levi daripada minyak sawit ini kemudian kita kenalkan undang-undang ini. Ia seolah-olah sebagai dengan izin, short sited, seolah-olah berpandangan terlampau singkat. Yang kita hendakkan kutip levi daripada industri ini. Oleh itu kita terpaksa kenakan rang undang-undang. Saya rasa tentulah kerajaan sudah buat kajian sama ada boleh pungut levi ini menerusi peraturan-peraturan lain dengan menggunakan undang-undang rang undang-undang yang berasingan tetapi biarlah ia lebih spesifik, jangan terlalu umum begini. Dari satu segi pula kita boleh lihat sebagai satu undang-undang yang berpandangan jauh sebab ia membolehkan kerajaan mengenakan levi bukan sahaja setakat kelapa sawit tetapi juga barangan-barangan yang lain yang difikirkan mustahak dari satu masa ke satu masa untuk membolehkan kerajaan memungut hasil. Jadi ini penjelasan yang sama minta sama ada kerajaan tidak mempunyai pilihan lain selain dari memperkenalkan undang-undang ini.

Kebimbangan seperti mana yang saya sebut tadi ialah takut-takut kalau ada pihak yang memutarbelitkan undang-undang ini dan macam pihak Kepong misalnya dengan senang-senang dia boleh beritahu penyokong-penyokongnya. Inilah salah satu lagi sebab langkah kerajaan untuk intervene ataupun campur tangan dalam market forces atau kuasa-kuasa pasaran. Kalau kita kaji balik jaminan yang diberi oleh kerajaan apabila kerajaan memperkenalkan langkah-langkah memulihkan ekonomi termasuklah capital control ataupun kawalan modal ataupun penentuan kadar tukaran ringgit tetap baru-baru ini, kita diberi jaminan bahawa langkah ini hanyalah langkah sementara, sementara kita menghadapi kemelesetan atau kegawatan kewangan dan ekonomi selama ini.

Jadi kalau kita lihat undang-undang ini pula, ia bukan bersifat sementara seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi selagi Parlimen tidak revoke ataupun tidak mansuhkan undang-undang ini maka ia akan berkuat kuasa selama itu. Jadi inilah antara percanggahan (contradiction) yang saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang saya sebut tadi, kita tidak mahu orang misinterpret ataupun salah tafsir undang-undang ini sehingga ia menimbulkan ketidakpercayaan di kalangan para pelabur luar.

Fasal-fasal lain saya kira hanyalah administrative bentuknya dan sekali lagi saya ingin jelaskan bahawa saya tidak keberatan menyokong rang undang-undang ini sekiranya kerajaan tidak ada pilihan lain, cuma saya ingin minta penjelasan yang saya sebut tadi. Saya jelaskan sekali lagi bahawa kita sedar ini adalah consequential kepada belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dan bukanlah satu rang undang-undang yang diturunkan tiba-tiba sahaja di hadapan kita tanpa sebarang penjelasan seperti mana yang difahami oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sibu.

4.00ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew[Sibu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Pada prinsipnya saya menyokong rang undang-undang ini tetapi saya hanya ingin memberi sedikit pandangan atau komentar di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kadar cukai di negara kita ialah straight line basic iaitu maksudnya untuk syarikat ialah 28%, bermula dari keuntungan ringgit pertama sampai beberapa juta. Kebanyakan mereka menyatakan ini tidak adil untuk industri kecil, dan serderhana (SMI) kerana keuntungan yang mereka dapati tidak begitu banyak tetapi peratusannya kalau dikira sama juga dengan contohnya sebuah korporat yang mendapat keuntungan ratusan juta, mungkin dengan menggunakan sistem levi ini akan lebih adil dalam sistem percukaian di negara kita, kalau atas basic itu saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tetapi di dalam progressive tax system atau dengan menggunakan levi ini untuk keuntungan luar biasa, sama dengan progressive system. Negara-negara lain di seluruh dunia juga menggunakan sistem progressive tax system iaitu gradually increase the tax of rate as you earn your profit, dengan izin, tetapi ini ada sedikit keburukan, kerana kalau kita tidak implementasi dengan berhati-hati, mungkin akan menghapuskan inisiatif untuk syarikat atau korporat-korporat yang mendapat keuntungan yang banyak. Saya berharap apakah mekanisme di bawah Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa ini, mekanismenya ialah kita memberi satu keadilan di dalam sistem cukai iaitu kita tax lebih banyak daripada individu atau syarikat yang lebih kukuh dan lebih berkesan, tetapi jangan hapuskan inisiatif mereka. Tentang industri kelapa sawit saya difahamkan di negeri Sarawak kerajaan negeri telah imposekan satu levi kepada semua pengeluaran kelapa sawit.

Saya ingin merayu kepada Kementerian Kewangan, levi ini di'impose'kan oleh kerajaan negeri perlu diberikan bahagian atau diberi pertimbangan apakah levi akan dilaksanakan kepada industri tertentu.

Saya ingin bertanya, rate levi akan di'impose' kepada industri ke industri contohnya industri kepala sawit. Peratusan dan ratenya adakah sama atau bergantung kepada syarikat demi syarikat, kerana di dalam industri yang sama pendapatan keuntungan dari satu syarikat dengan satu syarikat yang lain tidak sama iaitu saya ingin tahu apakah kaedah levi diimposekan kepada syarikat adakah berlainan atau sama. Satu isu yang saya ingin sebutkan di sini ialah dasar levi syarikat atau individu yang berkesan dan memberikan subsidi kepada syarikat atau individu yang tidak begitu berkesan. Adakah sistem dasar itu adil atau kita perlu menggunakan satu sistem di mana kerajaan perlu menggalakkan syarikat-syarikat atau individu dengan lebih berkesan lagi. Maksudnya perlu memberikan satu insentif untuk mereka lebih excel, di dalam bidang industri mereka iaitu di sini ada dua sistem seperti berikut.

Sistem pertama ialah kita levi, orang yang berani atau syarikat yang berkesan membantu syarikat yang kurang berkesan atau sistem prinsip kedua, memberikan insentif kepada individu atau syarikat-syarikat yang berkesan supaya mereka lebih excel, dengan izin, ke arah mendapatkan keuntungan yang lebih banyak. Ini adalah dua prinsip, saya ingin bertanya kerajaan atau Kementerian Kewangan akan menggunakan sistem apa untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi negara kita khasnya dalam masa krisis ekonomi di negara kita. Itu sajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Mentakab.

4.06 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya saya merasa hairan dan merasa sedikit pelik apa sebab kerajaan memerlukan akta ini. Tadi saya cuba memahami daripada pembentangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, tetapi daripada pembentangan tadi, saya tidak dapat mendengar rasional yang meyakinkan kita sebab apa kerajaan memerlukan kita kepada akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita percaya dan mengamalkan pasaran bebas dan dalam pasaran bebas ini, kita semua faham bahawa keuntungan adalah satu dorongan yang paling penting untuk menggalak peniaga dan pelabur-pelabur menceburi dan membangunkan ekonomi kita, maka akta ini kepada saya ada implikasi yang boleh mendatangkan gambaran yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum setiap perniagaan ada risikonya, kadang-kadang risiko boleh disebabkan oleh beberapa faktor dan faktor tersebut mungkin bukan dalam kawalan pelabur dan peniaga tersebut. Faktor-faktor yang kadang-kadang tidak boleh dijangkakan boleh mendatangkan keuntungan yang amat tinggi dan luar biasa dan juga kadang-kadang boleh mendatangkan kerugian yang teruk sehingga sesuatu syarikat itu boleh menjadi bankrap.

Jadi risiko ini adalah satu elemen di dalam pasaran kita, bebas yang kita mesti menghadapi dan menerima, maka jika sesuatu perniagaan atau syarikat mendapat keuntungan yang lebih tinggi akibat faktor-faktor yang tidak dijangka itu, saya percaya kita mesti menerima hakikat ini bahawa kalau keuntungan itu adalah lebih tinggi, itu menjadi nasib baik kepada syarikat tersebut. Saya berpendapat kalau sesuatu syarikat mendapat keuntungan yang lebih tinggi atas sesuatu sebab yang tidak dijangka, kita perlu menghormati nasib mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian atau prestasi sesuatu syarikat dalam keuntungan mereka kadang-kadang ada naik dan ada turun. Jika sesuatu syarikat mendapat keuntungan yang lebih tinggi pada masa yang bagus maka kerajaan akan terus mengenakan levi yang disebutkan seperti levi keuntungan luar biasa

terhadap mereka, saya berpendapat ini adalah kurang adil dan ia akan menakutkan pelabur dan ia juga akan memberi gambaran seolah-olah kerajaan cuba campur tangan dalam operasi pasaran yang bebas sebab saya percaya kalau kita percaya kepada mekanisme pasaran bebas, maka harga sesuatu barangan akan mencapai satu keseimbangan dalam pasaran bebas dan keuntungan yang terlalu tinggi itu akan akhirnya dikurangkan dengan mekanisme pasaran. Saya berpendapat tidak wajar untuk kita selalu campur tangan dalam mekanisme pasaran bebas.

Lagi pula kalau kita ingin kenakan levi seperti ini, adakah itu bermakna jika sesuatu syarikat mengalami kerugian yang teruk, kerajaan juga akan mempertimbangkan untuk memberi pampasan apabila syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan apabila permintaan pasaran adalah tidak memuaskan. Lagi pun pada pendapat saya kita memang ada kaedah lain untuk mendapatkan hasil keuntungan daripada syarikat-syarikat tersebut dengan kaedah cukai korporat dan juga lain-lain kaedah seperti cukaitax dan juga ses.

Jadi, pada pendapat saya pengenalan levi ini mungkin akan memberi satu gambaran yang tidak sihat dan tidak menggalakkan pelabur luar dan juga tempatan daripada melabur lebih banyak khususnya pada masa kini di mana kita amat memerlukan pelaburan sama ada pelaburan asing atau pelaburan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita perlu melaksanakan akta ini dari segi teknikal, saya juga ada beberapa pertanyaan dan saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama, takrifan barang-barang yang ditetapkan, walaupun dalam pembentangan saya difahamkan pada masa kini cuma kelapa sawit akan dikenakan levi ini. Tetapi dengan adanya akta ini ia bermakna mungkin barang-barang lain juga akan memasuki dalam senarai barang-barang yang akan ditetapkan. Jadi, apakah takrifan keuntungan luar biasa, adakah kita akan menetapkan satu peratusan keuntungan sebagai satu asas untuk menentukan keuntungan luar biasa dalam peruntukan rang undang-undang ini sebab dalam fasal-fasal akta ini tidak

terdapat mana-mana peruntukan yang memberi takrifan khas tersebut walaupun quantum levi akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dan akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tetapi jenis barangan yang akan dikenakan tidak termasuk dalam peruntukan ini. Jadi barangan yang akan dikenakan tidak akan dilulus oleh Dewan yang mulia ini. Jadi, saya minta penjelasan tentang perkara ini.

Yang kedua, daripada takrifan di sini cuma pengeluar yang akan dikenakan levi ini. Adakah itu bermakna pengedar dan the wholesaler tidak akan dikenakan levi yang berkenaan. Ini pun juga tidak begitu jelas dalam peruntukan dan fasal-fasal yang terkandung dalam akta ini. Pendek kata Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan yang rasional alasan kita memerlukan akta ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bukit Mas.

4.13 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 seperti yang dikatakan oleh saudara rakan dari Parit Buntar tadi. Memang akta ini hasil dari budget yang dibentangkan, walau bagaimanapun kita ingin minta penjelasan khusus daripada saya, iaitu dari segi dua aspek iaitu pertama, aspek dasar dan yang kedua, aspek dari segi pelaksanaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong ini oleh kerana kita merasakan di dalam keadaan yang sekarang ini di mana kita mengalami kegawatan ekonomi, kita perlu cari cara untuk membantu perbelanjaan ataupun anggaran pembangunan untuk negara kita tetapi yang saya ingin menyuarakan di sini iaitu dari segi pengenaan levi untuk syarikat-syarikat yang mengalami keuntungan luar biasa, banyak bergantung kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri

Kewangan. Oleh kerana itu kita berharap walaupun akta ini ada kemungkinan besar di'target'kan kepada industri kelapa sawit, oleh kerana industri ini sekarang mengalami keuntungan yang luar biasa atau yang lebih tinggi daripada syarikat atau industri yang lain.

Saya ingin bertanya secara spesifik sebelum akta ini dibentangkan di sini, berapa peratusan misal kata, perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1999 akan disumbangkan daripada kutipan syarikat-syarikat yang mengalami keuntungan luar biasa. Maksud saya di sini seperti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi, misal kata untuk tahun yang akan datang iaitu tahun 1999, sekiranya kita hanya dapat mengutip RM10 juta, RM20 juta daripada syarikat-syarikat yang diklasifikasikan di dalam akta ini, adakah cara yang lain untuk kita mencari dana untuk membantu perbelanjaan pembangunan negara.

Saya rasa memang ada anggaran ataupun ada budgeted ataupun projected revenue hasil daripada syarikat-syarikat yang boleh dikatakan mengalami keuntungan yang lebih tinggi ataupun yang luar biasa tetapi kita tidak mahu supaya seperti yang dikatakan oleh saudara dari Parit Buntar - ini ada campuran sedikit Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu signal yang diberikan pada industri-industri pembuatan, pembinaan ataupun SMI, signal yang membawa kesan negatif iaitu misal kata, dari segi pengurusan dan pentadbiran syarikat.

Itulah sebabnya tadi saya ingin minta penjelasan daripada saudara daripada Tambun iaitu kalau kita pandangkan dari segi kasar akta ini bermakna di dalam kegawatan ekonomi sekarang ini kita ingin mengutipkan levi daripada syarikat-syarikat yang mengalami keuntungan yang luar biasa untuk membantu kita dan bagaimana pula dengan syarikat-syarikat yang mengalami kerugian, kerugian luar biasa bukan oleh kerana kegawatan ekonomi, ada kemungkinan besar oleh kerana pengurusan dan pentadbiran syarikat. Yang kita faham sekarang ini, Tuan Yang

di-Pertua, di negara kita pada peringkat permulaan syarikat mungkin tertentu melibatkan menceburi di dalam bidang misal kata kelapa sawit, perladangan estet

dan selepas lima enam tahun ataupun sepuluh tahun mereka mengalami begitu pengalaman yang baik dari segi R&D misal kata, dan selepas itu syarikat ini akan diversify, dengan izin, di dalam bidang-bidang yang lain misal kata dalam bidang pembinaan, ataupun construction industries dan apabila kita menghadapi masalah seperti yang sekarang ini syarikat tertentu telah hilang arah. Saya ambil dengan terus terang ambil contoh, syarikat Sime Darby, satu syarikat transnasional yang dibangkitkan saudara dari Kepong tadi tetapi beliau berucap terlalu panjang, walaupun ada yang begitu baik dan menarik, syarikat international misal kata, dulu dalam bidang estet kelapa sawit begitu terkenal dan baru-baru ini diversify kepada misal kata, dalam bidang kewangan dan selepas mengalami kerugian yang begitu besar berbilion ringgit sekarang baru mereka mengatakan kita akan mengambil keputusan untuk memberi pertumbuhan kepada business dalam bidang kelapa

sawit. Misal kata, kalau akta ini dilaksanakan nanti selain daripada ianya ditumpukan kepada bidang kelapa sawit adakah kesan ini akan memberi kesan yang baik yang positif untuk industri ini. Itulah yang saya ingin bertanya selain daripada dari segi peratusan sumbangan kutipan daripada keuntungan yang luar

biasa daripada syarikat-syarikat tertentu pada tahun 1999. Kita tidak mahu supaya akta seperti begini kalau tidak ada tujuan yang begitu tulus kita sendiri menghadapi masalah selepas ini. Yang kita takut ataupun khuatir iaitu Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada syarikat yang dari segi pengurusan dan pentadbiran yang boleh dikatakan efficient baik sekali di mana dari segi pentadbiran seharian itu, oleh kerana banyak orang profesional terlibat di dalam mentadbir syarikat itu ada kemungkinan besar sekiranya mereka akan difahamkan akan dikenakan levi pada tahun yang akan datang, mereka juga ingin oleh kerana kepakaran boleh mengubahsuaikan keadaan khususnya iaitu penyata akaun syarikat tertentu. Dan saya akan balik kepada perkara yang kedua...

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: *[Bangun]* Tuan Yang di Pertua, minta penjelasan, tadi Yang Berhormat dari Bukit Mas mengatakan syarikat seperti Sime Darby. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Bukit Mas, adakah Yang Berhormat beri perhatian contohnya satu syarikat seperti Sime Darby begitu luas begitu diversify dengan izin, kalau dia seksyen tidak tubuh syarikat-syarikat tertentu untuk mengusahakan industri-industri satu demi satu hanya mereka department, compartmentalised, dengan izin, bahagian kelapa sawit mendapat keuntungan banyak, dan bahagian lain contohnya perumahan, rugi banyak, kalau scenario ini bagaimana, kalau ini bahagian atau department kelapa sawit kena levi, tetapi bahagian perumahan rugi, kena Saya mahu minta pandangan dari Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, biar sahajalah Dato' Menteri sahaja yang jawab.*[Ketawa]* Maksud saya membangkitkan syarikat Sime Darby sebagai satu contoh kerana kita mengekori apa yang kita baca dalam surat khabar ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin meminta penjelasan dari Bukit Mas, sepanjang tengah hari ini saya mendengar setiap orang yang berdiri bercakap mengaitkan ini dengan kelapa sawit. Jadi dimanakah tempatnya ayat kelapa sawit ada disebut di sini [*menunjukkan naskah rang undang-undang*] oleh kerana saya ragulah ini menjadi 'monster legislation' nanti, dengan izin.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa biar Dato' Menteri jawab sendiri tetapi bagi hemat saya pandangan saya pada masa sekarang ini industri-industri yang mengalami keuntungan luar biasa tidak lain tidak bukan industri kelapa sawitlah, itulah sebabnya untuk maklumat saudara Yang Berhormat daripada Sri Aman itulah sebabnya kita kaitkan akta ini dengan industri kelapa sawit. Walaupun begitu, tidak ada tersebut di dalam akta ini secara dengan izin, indirectly kita mengkaitkan oleh kerana syarikat yang terlibat mengusahakan perladangan kelapa sawit yang meraihkan keuntungan yang luar biasa pada masa sekarang ini. Maksud saya tadi untuk menjelaskan saudara pertanyaan daripada rakan saya daripada Sibu memang ada tujuan beliau mengutarakan soalan itu iaitu dari segi pelaksanaan saya akan sampai ke sana nanti,. Dari segi pelaksanaan akta ini saya akan beri sedikit komen nanti tetapi mengenai dasar tadi saya tidak

mahu kesan negatif yang kita beri signal kepada pelabur-pelabur yang kita beri signal kepada pengurusan dan pentadbiran yang begitu cekap sekarang ini, misal kata, yang saya akan sambung tadi iaitu sekiranya Syarikat Sime Darby misal kata, dari segi pentadbiran dan pengurusan begitu cekap. Dan kalau misal kata, tahun yang akan datang mereka memang tahu secara ketara akan dikenakan levi. Oleh kerana ada kepakaran dari segi mentadbir syarikat ini saya rasa ada kemungkinan besar banyak akan diubahsuaikan misal kata penyata akaun, ini adalah satu risiko yang kita hendak terima mulai daripada sekarang. Dan kesan negatif itu supaya

pentadbir atau pihak pengurusan tidak begitu semangat untuk menjalankan aktiviti supaya syarikat ini dapat bersaing dengan syarikat-syarikat daripada luar ataupun syarikat-syarikat antarabangsa pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan akta ini, saya sebutkan tadi banyak bergantung kepada budibicara menteri sendiri, selain dari itu, ia bergantung kepada pegawai-pegawai tertentu. Maksud saya di sini iaitu sekiranya mereka tidak dapat melaksanakan ataupun pengenaan levi ini kepada syarikat tertentu, ini membawa satu masalah kepada kerajaan. Saya baca tadi boleh dikompaun dan dicaj 10%. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bagaimanakah akta ini dapat dilaksanakan dengan memuaskan, tidak membebankan pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan. Kita tidak mahu misal kata dalam satu industri minyak kelapa sawit, 15 syarikat terlibat, tetapi adakah kita mengenakan levi ini kepada kesemua 15 syarikat ataupun kepada 10 syarikat yang mengalami keuntungan luar biasa, bermakna di dalam industri tertentu pun kita tidak ada cara ataupun tidak ada dasar yang sesuai. Itulah sebabnya rakan saya dari Sibu tadi mengatakan kalau mengikut sistem yang ada sekarang dari segi tax ataupun levi yang dikenakan di dalam negara kita, dengan izin, is straight forward line.

Saya rasa di sini dari segi pelaksanaan mungkin ada masalah yang kita hadapi dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sendiri tentang akta ini. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kuala Pilah.

4.32 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi telah pun mendengar hujah, perbahasan yang diberi oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum saya.

Di sini saya hanya terpenggil untuk meringkaskan kerana masa pun sudah suntuk, tinggal hari esok sahaja dan kita ada banyak rang undang-undang lagi, tetapi walau bagaimanapun, inilah contohnya saya harap supaya Dewan yang mulia ini, dari awal lagi menentukan masa dan cara-cara kita membahaskan perkara yang penting dan cara-cara pihak pembangkang bercakap tidak tentu arah, saya rasa perlu.

Dalam perkara ini kerana masa tadi telah pun banyak dipercakapkan oleh kawan-kawan saya seperti Balik Pulau dan rakan-rakan lain. Akta ini adalah satu akta yang dinamakan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Banyak perkara yang saya fikir tidak begitu jelas, yang mengelirukan, kalau saya sendiri rasa keliru, apatah lagi rakyat ramai dan kita bertanggungjawab meluluskan undang-undang ini. Saya pernah bercakap beberapa kali dahulu kalau boleh committee perlu ditubuhkan dan dapat kita mengetahui supaya undang-undang yang kita hendak luluskan di sini tidak sebagai sambil lalu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkenaan dengan perkara yang telah banyak disebut tadi, luar biasa, kuasa yang diberi begitu luas kepada menteri dan juga ada disebut kelapa sawit, tetapi dalam akta ini satu perkataan kelapa sawit pun tidak timbul. Kalau pergi dalam mahkamah, hendak mentafsirkan sesuatu itu kita mesti ada garis panduan, garis panduan pun tidak jelas. Saya berasa amat sedih, saya minta sangat di masa akan datang pihak draftsman pun – saya sudah kaji dengan seberapa ringkasnya dan terperinci berkenaan seksyen 6 yang dikatakan pengenaan levi. Siapa yang hendak dikenakan levi? Ada cara-caranya akan dikeluarkan perintah mengikut seksyen 7, siapa yang mengeluarkan perintah itu dibawa ke Dewan ini. Bila dibawa ke Dewan esok dengan cara terburu-buru sahaja, kita pun sama sahaja, yang hadir pun cukup-cukup kuorum sahaja. Adakah ini rupa bentuk kerajaan yang menganggap hendak menghadapi millennium 2000, mencapai kecemerlangan, wallahu wa'lam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sedih, saya berasa amat terpenggil, walaupun sedikit pun saya hendak sentuh juga, contohnya Fasal 7, perintah

hendaklah dibentangkan ke dalam Dewan Rakyat. Seksyen 7 menyatakan di sini:

“Perintah yang menentukan amaun levi yang hendaklah dilevikan di bawah Akta ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya.”

Di sini pun dibawa juga. Saya rasa perkara begini kalau boleh perlu kita kaji lebih mendalam, secara praktikalnya dan cara pelaksanaan supaya dapat kita menguatkuasakan undang-undang ini dengan lebih licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh di sini bila masa hendak dibentangkan apa-apa ke Dewan ini, harap beritahulah ataupun diedarkan lebih awal supaya dapat kita mengkaji dan bila kita membincangkan tidak payahlah kita Kalau pembangkang biasalah, merapu tidak tentu arah. Kita tidak mahu begitu, kita mahu betul-betul bertanggungjawab kepada fakta-fakta yang perlu kita perbahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh, saya sudah selalu sebut sebagaimana biasa saya menegur berkenaan istilah ini. Kalau dibandingkan istilah Bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu dengan istilah bahasa Inggeris, saya lagi senang faham dalam bahasa Inggeris, bukanlah kerana profesion saya di situ, tetapi penggunaan bahasa, sudahkah pihak draftsman merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Contohnya cuba tengok seksyen 19 yang ada menyatakan di sini perkataan yang menyebut “melancungkan”. Saya semak seksyen 19 dalam bahasa Inggeris pula dalam 19(1)(c) “counterfeits or falsifies”. Dalam bahasa Inggeris “melancungkan atau memalsukan,” mungkin saya sudah tertinggal ke belakang jauh tidak tahulah. ‘Melancung’ ini rasanya ‘tourism’, pelancongan. Perkataan “melancungkan” apa benda ini? Esok akan jadi satu undang-undang yang kita luluskan, inilah rupa undang-undang yang kita hendak luluskan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya percayalah, tolonglah, semua pihak yang berkenaan mengkaji betul-betul dahulu. Saya faham dan saya pun bersimpati kepada pihak draftsman,

dia terlalu banyak kerja dan pihak yang bertanggungjawab pun mesti menimbangkan juga pihak draftsman ini. Dia bekerja siang-malam. Tetapi kalau tidak cukup pegawai tambah lagi. Ini semua saya rasa ada kait berkait, tetapi kita bawa dalam Dewan yang mulia ini, kalau dipanggil ‘yang mulia’, ‘Yang Berhormat’, kita mesti tahu bertanggungjawab betul. Janganlah Bahasa Malaysia pun kita campuradukkan, iaitu seksyen 19(1)(d) dalam Bahasa Malaysia “secara fraudan” – sudah fraudan pula. Kalau dilihat dalam bahasa Inggeris “fraudulently”, perkataan ini kadangkala macam-macam.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini saya rasa penyelarasan dan penggunaan bahasa ini pun jangan kita ambil ringan. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertanggungjawab, saya minta dan saya seru kalau ada pihak menteri di sini, hanya seorang sahaja yang berminat nampaknya, yang lain semuanya tidak minat, inilah rupanya. Saya hendakkan kalau boleh di masa-masa yang akan datang perkataan-perkataan, istilah-istilah ini juga perlulah kita gunakan sebaik-baik mungkin dan yang hendak mengagungkan bahasa itu ialah kita, kalau kita semua hendak mencampuradukkan bahasa kita, bangsa asing lagi apa kisah.

Tuan Yang di-Pertua, yang baru mengambil alih, saya memang menyokong, sebagai penyokong kerajaan mana boleh tidak sokong, kalau tidak parah juga. Tetapi saya mintalah kita tidak mahu menjadi ‘stamping pad’ ataupun di sini hanya lulus barang sahaja. Kita tidak mahu esok bila akta ini pergi ke mahkamah, pihak-pihak peguam yang mana saya pun terlibat rasanya saya berasa malu bila dikatakan: “you are responsible also to pass this stupid act.” Saya tidak mahu dituduh sebagai begini. Walau bagaimanapun, saya hendak beri peluang kepada kawan saya. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk bercakap. Saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

4.40 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerajaan mempunyai modus operandi untuk pelaksanaan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Apa yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi penjelasan sepenuhnya. Seperti mana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya, di bawah rang undang-undang yang memberi kelulusan secara blanket ke atas keuntungan luar biasa meliputi semua sektor dan industri tetapi di dalam perbincangan-perbincangan yang lalu dengan kementerian, kementerian menyatakan bahawa pada peringkat ini rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menumpu kepada industri kelapa sawit dan dijangkakan sebanyak RM400 juta dapat dipungut daripada rang undang-undang ini.

Seperti mana juga kata rakan-rakan, terdapat kesan yang positif dan juga negatif kepada rang undang-undang ini. Antara yang negatif ia akan membawa keadaan kepada pengusaha dalam industri kelapa sawit tidak mempunyai insentif kerana setelah bersungguh-sungguh berusaha menjadikan industri kelapa sawit industri yang matang dan menyumbang dengan besar kepada pendapatan negara, walaupun dalam keadaan ekonomi yang merosot, tiba-tiba dikenakan levi dan levi ini akan digunakan oleh kerajaan untuk sektor-sektor lain.

Apa yang saya ingin sentuh seterusnya, bagi mengelakkan daripada kesan-kesan negatif, perlu ada kawalan ke atas pengagihan ataupun pengaliran semula dana tersebut yang dijangka sebanyak RM400 juta. Sehubungan dengan itu di bawah seksyen 13 rang undang-undang ini ada mengatakan bahawa “Menteri boleh,mengarahkan supaya dibayar balik keseluruhan atau apa-apa bahagian levi itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukannya dalam arahan itu,”. Saya berharap bahawa seksyen ini akan digunakan, dalam erti kata lain setelah kerajaan mengutip levi dalam proses untuk pengagihan ataupun pengaliran semula dana tersebut kerajaan mesti membuat kajian secara sektoral (sectoral analysis) dan melihat mana-mana sektor termasuk industri kelapa sawit

sendiri jikalau ia dapat menyumbang kepada pembangunan yang lebih baik lagi harus dikembalikan kepada sektor tersebut.

Sebagai yardstick, saya berpendapat oleh kerana industri kelapa sawit sekarang memberi pulangan kepada pelaburan di antara 30% hingga 40% apabila pengagihan ataupun pengaliran dana ini dilakukan, sektor yang memberi kadar pulangan yang sampai peringkat 30% hingga 40% mesti diutamakan. Saya membuat analisis, sekiranya kita dapat memungut sebanyak RM400 juta kalau digunakan dalam industri kelapa sawit dengan pulangan sebanyak 40% ia akan membawa keuntungan sebanyak RM160 juta, tetapi kalau diletakkan dalam industri yang kurang efisien atau kurang produktif ia akan membawa pulangan yang kurang. Dengan itu pertumbuhan wang ataupun dana ini nanti akan menjadi lebih lembab dan perlahan. Jadi saya harap satu sectoral analysis mesti dilakukan sebelum pengagihan ataupun pengaliran semula dana tersebut.

Selain daripada itu kita sedar bahawa industri kelapa sawit telah sampai kepada tahap hampir kepada kematangan sepenuhnya ataupun full capacity. Itulah sebabnya saya menyatakan kita perlu menggunakan seksyen 13 kerana walaupun industri kelapa sawit sudah tiba kepada peringkat hampir kepada kapasiti maksimum, usaha mesti dilanjutkan untuk mempertingkatkan lagi kapasiti industri tersebut dengan melakukan pelaburan untuk pembangunan hulu mahupun hiliran termasuk meningkatkan pelaburan di negara-negara luar.

Saya menganggap bahawa kita mesti melindungi industri kelapa sawit kerana kita sedar dari segi statistik dijangka pada tahun 2010 ke atas pengeluaran kelapa sawit Indonesia akan meningkat dengan banyak sehingga mengatasi pengeluaran kelapa sawit daripada negara kita. Dengan itu kedudukan competitive advantage yang kita miliki sekarang akan diatasi oleh negara Indonesia. Dengan adanya pelaburan tambahan kita boleh melabur di luar sempadan negara umpamanya di Indonesia. Walaupun ladang terletak di Indonesia tetapi dimiliki oleh rakyat Malaysia, dan dengan pengeluaran di Indonesia dari segi

keseluruhannya kita akan terus menguasai kelebihan daya saing dalam industri kelapa sawit dari segi jangka panjang.

Selain daripada itu saya berpendapat pengagihan atau pengaliran semula modal mesti ditujukan kepada sektor-sektor strategik termasuk bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sekarang dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan terunggul di rantau ini terdapat pertumbuhan institusi pengajian tinggi swasta yang begitu banyak dalam negara kita. Sementara kerajaan menyediakan tabung untuk mereka yang belajar di peringkat ijazah pertama, pelajar-pelajar di peringkat diploma tidak mendapat sebarang pinjaman kalau ada pun jumlahnya kecil daripada MARA yang tidak mencukupi. Dengan itu terdapat puluhan ribu rakyat kita terutama daripada kaum bumiputera yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan amat menyedihkan kita sebagai pemimpin apabila terdapat pelajar daripada keluarga miskin mendapat surat tawaran setelah berjaya dengan begitu baik dalam peperiksaan SPM, tetapi kerana tidak mempunyai pinjaman ataupun biasiswa, terpaksa menolak tawaran tersebut dan seterusnya bekerja di kilang. “Vicious circle” ini tidak akan hilang, makna keluarga yang miskin, generasi anaknya akan terus miskin dan juga generasi cucunya juga akan terus miskin. Dengan itu saya berharap wang yang dijangkakan sebanyak RM400 juta di lihat dalam konteks Belanjawan Negara sebanyak RM65 bilion bukan jumlah yang besar, oleh sebab jumlahnya tidak banyak mesti digunakan semaksimum mungkin, bukan sahaja untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik tetapi juga untuk menjaga hati pengusaha industri kelapa sawit yang telah begitu gigih berusaha bersusah payah membangunkan industri, dalam cabaran kejatuhan ekonomi mencipta keuntungan yang lebih besar, tiba-tiba dana ini digunakan untuk sektor yang tidak produktif, itu amat dikesalkan.

Saya membangkitkan perkara itu kerana saya merasa bimbang Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada aliran modal dalam negara sekarang ini. Salah satu daripada kebimbangan saya, saya melihat kepada kegiatan Danaharta. Danaharta membeli aset yang tidak berbayar daripada bank. Sekarang saya difahamkan lebih

kurang RM2 bilion telah dibelanjakan untuk tujuan itu. Apa yang berlaku dengan pemindahan aset yang tidak boleh dibayar daripada bank kepada Danaharta kerana bank bebas daripada masalah tersebut dan sekarang ditanggung oleh Danaharta.

Saya cuba melihat begini, Tuan Yang di-Pertua, RM2 bilion yang digunakan membeli aset yang tidak berbayar atau aset yang tidak berdaya maju, bermakna RM2 bilion yang digunakan yang tidak memberi pulangan. Saya percaya Danaharta kena membayar faedah ke atas RM2 bilion ini. Jikalau Danaharta dapat daripada bon ataupun daripada modal dalam pasaran sekurang-kurangnya akan membayar 8%, bermakna lebih kurang RM160 juta kos kepada aset berjumlah RM2 bilion.

Saya membangkitkan perkara ini kerana sehingga sekarang kerajaan belum lagi memberitahu bagaimanakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki jumlah aset yang tidak berbayar ini kerana saya cukup maklum, bukan mudah satu aset yang tidak berbayar dalam sektor-sektor tertentu hendak dipulihkan dan dihidupkan. Sehubungan ini saya minta Timbalan Menteri agar dapat memberi pecahan aset dari segi industri perumahan dan sebagainya. Bagaimana pecahan, aset tersebut kalau tidak dari segi ringgit sekurang-kurangnya dari segi peratus supaya kita tahu jika dalam bidang perumahan katakanlah 50% saya jangka dalam tempoh waktu yang pendek ini tidak akan dapat pulangan. Kalau hendak ada pulangan pun setelah ekonomi kita kukuh semula mungkin lima tahun akan datang. Kita juga bimbang baru-baru ini persatuan perumahan telah membuat satu perbincangan meminta kerajaan kurangkan kadar faedah untuk perumahan. Saya nampak seolah-olah ini dilakukan supaya menghidupkan aset yang tidak berbayar yang dipegang oleh Danaharta.

Oleh itu saya mintalah penjelasan daripada kementerian mengenai kedudukan aset yang dipegang oleh Danaharta kerana saya bimbang melihat aliran modal yang berlaku dalam negara kita kerana RM2 bilion kalau digunakan dalam sektor yang berpotensi dan produktif, kalau dapat pulangan 15% sekurang-

kurangnya mendapat keuntungan RM300 juta ditambah dengan RM2 bilion akan terus berkembang. Tahun pertama RM2.3 bilion, tahun kedua berkembang lagi kepada RM2.6 bilion dan tahun seterusnya berkembang. Tetapi jika digunakan secara tidak produktif, aset tersebut semakin susut dan terpaksa pula kerajaan menanggung kos pembayaran faedah yang begitu tinggi.

Di samping itu pula, saya maklum bahawa Danaharta tidak mengambil aset tidak berbayar pada “face value”, maksudnya kalau aset tersebut RM100 juta, Danaharta tidak mengambil aset tersebut pada harga sebanyak RM100 juta. Saya percaya setinggi-tinggi pun Danaharta akan mengambil 50% daripada nilai tersebut. Di sini bermakna 50% daripada nilai aset bank telah hilang dan ini akan direkodkan dalam penyata tahunan bank saya ingat bukan lagi peruntukan bagi hutang ragu, tetapi menjadi hutang yang dihapus kira sebanyak separuh daripada jumlah tersebut. Ini bermakna bahawa satu jumlah yang besar telah hilang dan keluar daripada aliran modal negara kita.

Saya juga bimbang melihat tentang kedudukan statutory reserve requirement. Pada awal tahun Statutory Reserve Requirement pada kadar 10% dan sekarang diturunkan kepada 4%. Setiap 1% penurunan akan membebaskan sebanyak RM4 bilion daripada rizab di Bank Negara Malaysia. Tetapi dalam laporan-laporan yang diterima sejak beberapa minggu lalu, kita dengar kerajaan dan badan-badan agensi lain mengeluarkan bon dan bank pula membeli bon tersebut. Tujuan kita melepaskan Statutory Reserve Requirement sebanyak RM4 bilion adalah untuk digunakan secara produktif di dalam sektor perindustrian yang berpontensi tetapi sekarang digunakan untuk membeli bon. Dengan dana tersebut digunakan untuk membeli bon, kedudukannya sama dengan menyimpan dalam statutory Reserve Requirement. Letak rizab dalam Bank Negara mungkin bank tidak mendapat faedah tetapi dengan membeli bon, bank mendapat faedah, itu perbezaannya tetapi ia juga masih memainkan peranan untuk menjaga kecairan bank, bukan untuk kegunaan risk asset dari segi memberi pinjaman. Kita mesti

faham yang sektor perbankan sebagai sebuah bank, aset terbesarnya sekurang-kurang 70% mesti dalam risk asset, iaitu dalam bentuk pinjaman kepada pelanggan. Sepatutnya Statutory Reserve Requirement adalah berfungsi untuk menjaga kecairan bank apabila bank menghadapi masalah untuk memberi pinjaman ataupun membayar deposit kepada pendeposit daripada bank tersebut.

Dengan kadar Statutory Reserve Requirement diturunkan, dana iaitu kepada pinjaman atau membayar pendeposit kerana dalam sistem bank kita tidak berlaku bank run-off. Rakyat Malaysia begitu baik, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mendengar Sime Bank hendak tutup, rakyat tidak melakukan bank run-off. Kalau di Singapura saya rasa, dengar sahaja khabar-khabar angin bank akan tutup, pendeposit akan mengeluarkan duit tetapi rakyat kita begitu baik, dengar hendak bankrap pun dia tidak keluarkan duit. Saya sendiri mendapat berita Bank Bumiputra rugi RM1.1 bilion saya tidak keluarkan duit, walaupun saya menggunakan kad Juwara hendak keluarkan duit tidak ada duit pun saya tidak keluarkan duit oleh kerana rakyat Malaysia begitu baik.

Jadi mengapa rizab sebanyak itu tidak digunakan untuk dua sektor ini tetapi digunakan untuk membeli bon yang hampir sama fungsinya dengan meletakkan rizab di dalam Bank Negara di bawah Statutory Reserve Requirement?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya bimbang melihat desakan demi desakan daripada kerajaan mahupun rakyat mengapa bank tidak mahu memberi pinjaman. Kita kata kita mesti hidupkan sektor perumahan, kerana sektor perumahan ada kesan multiplier. Daripada sektor perumahan, kita ada industri bahan perumahan, kontraktor dan sektor ini akan hidup jika sektor perumahan dihidupkan. Semasa krisis ekonomi berlaku kita bertanya kepada bank mengapa memberi pinjaman dengan begitu liberal sekali sehingga rugi. Sekarang kita kata mengapa tidak beri pinjaman, seolah-olah kita hendakkan bank kita tidak beroperasi berasaskan prinsip pengurusan bank yang baik dan berhemat tinggi.

Pada pandangan saya, kita bukannya mengarahkan bank, kita mesti membetulkan industri dahulu, kalau industri itu tidak sihat, kita sihatkan industri. Kalau industri tidak efisien, pengurusan tidak baik, diketepikan supaya kita sihatkan industri. Apabila industri sihat dan efisien, bank akan beri pinjaman. Bank tidak akan menolak pinjaman jikalau projek itu viable. Kalau projek tidak viable, kita suruh beri pinjaman, kita paksa Bank Negara, Menteri panggil suruh beri, akhirnya bank akan beri dan rugi lagi tahun hadapan. Mengapa bank beri pinjaman kerana kita yang suruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap sikap ini kita kena perbetulkan, kita kena realistik dalam masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, fikiran saya lain. Bila kita nampak Korea Selatan dan Thailand mengambil pinjaman IMF, kita menghina mereka, kita pandang rendah, kita kata apalah bodoh mereka itu mengikut satu preskripsi ubat yang begitu pahit diberi oleh IMF. Tetapi kita jangan pandang rendah, mereka telah melakukan tindakan dengan memotong penyakit yang lemah dan kanser di dalam industri itu, dan yang tinggal adalah yang efisien. Apabila yang efisien tinggal dalam industri saya percaya walaupun susah sekarang, tetapi di masa hadapan kita letak duit sebanyak RM40 juta sebagaimana yang saya katakan tadi ia akan memberi pulangan yang tinggi. Tetapi kalau kita biarkan yang tidak efisien, ambil RM40 juta letak situ, duit itu akan susut dan akhirnya hilang. Tahun depan letak lagi, hilang lagi, akhirnya apakah kebaikan yang ia akan diperolehi oleh negara.

Satu lagi kebimbangan saya dari segi aliran modal dalam negara menyentuh tentang penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya ingat minggu lalu semasa sesi Soal Jawab (Q&A) dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Parlimen. Saya tidak menyentuh perkara tersebut pada masa itu kerana saya tahu dalam 'Q&A' masa tidak banyak, kalau saya hendak sentuh mungkin saya sentuh sedikit, tidak dapat menceritakan keseluruhannya kerana saya percaya Tuan Yang di-Pertua akan suruh saya duduk kalau saya bercakap dalam 15 minit dalam 'Q&A'.

Saya hendak menyentuh tentang suntikan modal. Danamodal dipertanggungjawabkan untuk melakukan suntikan modal kepada bank-bank yang tidak mempunyai kekuatan. Saya bukan spesifik kepada satu bank tetapi saya menggunakan kes yang spesifik. Saya harap ini dapat memberi gambaran kepada keseluruhan kedudukan bank dalam negara kita. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kerugian BBMB sebanyak RM1.3 bilion yang disokong dengan suntikan sebanyak RM1.1 bilion oleh kerajaan berlaku kerana krisis ekonomi.

Semasa saya bekerja di bank dahulu, Tuan Yang di-Pertua, bila saya tanya kepada klien, mengapa kerugian? Masalah ekonomi jatuh, cukup mudah jawapannya, saya tidak akan terima jawapan tersebut. Saya hendak tanya satu Tuan Yang di-Pertua, pada saya perkara ini serius. Saya membuat analisis tentang masalah BBMB kerana saya pernah bekerja di Bumiputra Merchant Bankers, anak syarikat kepada BBMB saya rasa BBMB satu tempat yang begitu sentimental kepada saya, apatah lagi BBMB ditubuhkan di bawah Kongres Ekonomi Melayu untuk tujuan orang-orang Melayu meningkatkan perkembangan ekonomi orang-orang Melayu.

Dalam analisis saya, saya pergi berbincang dengan pegawai-pegawai kanan Bank Bumiputra, serta saya pergi berbincang dengan pegawai-pegawai kanan Bank Negara. Saya ada laporan-laporannya. Kerugian itu bukan kerana krisis ekonomi. Terdapat penyelewengan-penyelewengan dalam BBMB tidak mematuhi Bank and Financial Institution Act (BAFIA). Ada pinjaman diberi kepada syarikat-syarikat korporat melebihi kepada syarat single limit kepada tiap-tiap peminjam dan ada peminjam yang setelah ambil berbilion daripada bank tersebut melebihi daripada single limit, dan tidak boleh lagi pinjam daripada BBMB; pinjam pula daripada BBMB International Labuan. Ini yang berlaku. Pinjaman diberi tidak mengikut syarat. Kajian tidak

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Minta penjelasan. Saya tertarik tadi Yang Berhormat sebut BBMB ini rugi kerana penyelewengan yang memberikan pinjaman melebihi had yang telah ditetapkan oleh Central Bank. Jadi, saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat setuju atau akan mencadangkan kepada kerajaan supaya tindakan akan diambil terhadap pegawai-pegawai BBMB yang telah meluluskan pinjaman kepada pihak-pihak yang tertentu ini. Yang Berhormat pun mengalami pengalaman dalam bank. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya minta kita bertindak secara jujur dan ikhlas. Saya minta Timbalan Menteri dapatkan laporan daripada Bank Negara, baca laporan tersebut. Saya rasa sekurang-kurangnya tebal dalam 30 hingga 40 muka surat. Baca itu dahulu dan boleh lihat apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil. Saya ingat bukan pada peringkat saya untuk memberi penjelasan. Kita baca yang itu, kalau kuasa itu ada pada saya, saya sudah ambil tindakan. Itu yang berani saya jawab.

Perkara ini serius, empat kali suntikan modal melibatkan beberapa bilion. Pertama sekali RM2.3 bilion dalam kes BMF yang tidak patut berlaku. Kesemuanya empat kali suntikan saya tidak ingat berapa jumlah keseluruhan saya rasa hampir RM5 bilion. Bolehkah kita tutup mata dan kita kata: "krisis ekonomi". Saya harap dan saya minta, duit ini pada saya bukan perkara yang kecil. Saya tidak menuduh, saya tarik balik jika tadi saya menuduh ada penyelewengan, saya kata tidak mematuhi kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan. Itu tidak mematuhi, atas sebab apa tidak mematuhi, saya tidak tahu, dan di samping itu tidak memproses pinjaman mengikut syarat-syarat yang sepatutnya.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd Said: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd Said: Terima kasih, penjelasan. Soal bank ini saya juga tertarik Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita membincangkan fasal integriti pegawai di Bank Bumiputra, saya ada pengalaman selama 12 tahun dengan bank juga. Bank yang saya bekerja itu kebanyakan daripadanya adalah bank komersial dan termasuklah Bank Bumiputra dan apa yang kita lihat adalah integriti pegawai-pegawai adalah satu perkara yang agak subjektif dan banyak kes CBT di Bank Bumiputra yang berlaku sebelumnya masih tidak diambil tindakan. Jadi, sebab Yang Berhormat dari Tambun juga seorang bekas pegawai bank, adakah bersetuju bahawa kes-kes yang berlaku berulang ini adalah disebabkan bahawa kita terlampau loose ataupun tidak mengetatkan penguatkuasaan terhadap pegawai-pegawai bank?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat lebih daripada itu, saya bukan melihat dari segi pengawalan ke atas kakitangan. Saya percaya jikalau kakitangan mempunyai kredibiliti, mempunyai standard dan kualiti membuat kerja yang tinggi, dia akan membuat kerja berasaskan kepada prinsip profesionalisme. Saya berani mengatakan dalam sektor perbankan domestik bank, saya percaya standard dan kualiti kakitangannya tidak setinggi standard kakitangan bank-bank antarabangsa. Saya pernah menyatakan mesti mengadakan latihan semula. Kita hantar mereka training dengan bank-bank antarabangsa supaya standard pengurusan bank tempatan tinggi.

Saya ingat lebih elok pihak kementerian ambil kertas kredit Bank Bumiputra dan kita ambil kertas kredit Bank of America, kita bandingkan. Kita lihat dari segi financial analysis sahaja, kita akan nampak kecacatan analysis yang dilakukan oleh pegawai-pegawai daripada Bank Bumiputra. Saya percaya, Tuan Pengerusi, saya sendiri boleh terlibat dalam soal ini saya boleh berbincang kerana subjek ini begitu penting kepada diri saya dan juga tentunya kepada negara kita kerana ia melibatkan duit yang banyak.

Saya ingin membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bersikap “over-protective”, kita tidak akan menolong mematangkan bangsa Malaysia. Dia akan menggalak kepada pembiakan “culture of mediocrity”

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Bank Bumiputra ini, bila saya bercakap dengan pegawai kanan Bank Bumiputra ini, mereka defensive, dengan izin, dan mengatakan kadang-kadang “no amount of training”, dengan izin, mencukupi oleh kerana mereka kadang-kadang diminta meminjamkan kepada ‘mains’ dan juga ada ‘arm twisting’ dari pihak tertentu supaya mereka meluluskan pinjaman ini. Jadi apakah nasihat Yang Berhormat dalam perkara ini

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya percayalah selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil laporan daripada Bank Negara, saya ingat dari situ kita tahu sama ada ada ‘arm twisting’kah atau apakah. Saya ingat itu lebih elok lagi daripada saya bercakap kerana apa yang saya cakap pun saya percaya ia tidak akan efektif. Efektifnya Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat sendiri. Saya percaya besok Yang Berhormat Timbalan Menteri akan minta laporan daripada Bank Negara dan beliau akan berbincang. Saya akan bertemu dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya akan bawa laporan saya untuk kita bincangkan perkara itu kerana saya mengambil sikap perkara ini serius, seperti mana saya nyatakan kalau kita “over-protective”, orang itu bekerja tidak baik kita kata “all is okay”, semua okay. Dia menggalakkan kepada pembiakan “culture of mediocrity” dalam masyarakat kita dan ini tidak membantu di dalam kita membangunkan negara untuk meletakkan negara kita supaya mampu bersaing dengan negara-negara lain. Itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Teluk Intan.

5.11 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa, sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ia akan dihadkan kepada levi yang berkaitan dengan kelapa sawit tetapi kalau kita meneliti perenggan yang berkenaan di Seksyen 6(2), saya baca, dengan izin:-

“6.(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan amaun dan kadar yang berlainan bagi jenis barang yang berlainan”.

Bermakna, bukan sahaja ia terhad kepada apa yang dikatakan kelapa sawit tetapi merangkumi semua yang dapat ia dilaksanakan bila menteri tersebut berbuat sedemikian - satu keputusan. Itu adalah satu keputusan yang personal yang saya difahamkan sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ia dihadkan kepada kelapa sawit tetapi tidak ada yang tertakluk kepada undang-undang ini sedemikian.

Untuk memberi satu jaminan itu sahaja tidak cukup kerana mungkin pada term yang lain atau bila perkara ini pergi ke mahkamah, itu tidak boleh diikat. Jadi bukankah ini memberi terlampau banyak kuasa kepada Menteri berkenaan untuk membuat satu keputusan yang tidak berasas. Atau dia boleh order sahaja kepada semua barang katakan kepada kereta-kereta atau kepada apa-apa benda yang dia ingat terkena pada pandangan dia.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai Seksyen 6(1) juga di mana amaun yang akan dikenakan adalah akan ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang akan disiarkan dalam *Warta*. Jadi ia memberi satu kuasa yang banyak kepada menteri berkenaan. Selepas diwartakan ia menjadi undang-undang. Bukankah lebih baik kalau kita adakan satu undang-undang di mana jika ada apa-apa amaun diperlukan dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk

mendapat persetujuan, apakah Parlimen menjadi satu rubber-stamp, ikut suka hati Menteri bila menukar amaun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kawan saya dari Tambun telah menyatakan dan saya setuju kepada sentimen beliau dengan apa yang dikatakan mengenai Bank Bumiputera dan sebagainya. Tetapi saya ingin memberi satu pandangan saya sendiri. Saya kurang arif dalam perkara kewangan tetapi saya selalu tengok kebelakangan ini tidak ada satu bank pun yang ada kena-mengena yang melibatkan perniagaan dari luar negeri, bank-bank luar negeri, foreign bank, tidak ada kesusahan apa-apa, hanya bank-bank dalam negeri. Apakah sebab ini berlaku? Adakah kita kurang menjaga mereka atau telah memberi banyak kuasa. Seperti yang dikatakan oleh kawan saya sebelum itu di mana dia kata kanser dalam banking system. Sebenarnya saya ingin kata bukan kanser tetapi gangrene. Satu gangrene yang ada pada pegawai-pegawai bank terutama sekali Bank Bumiputera.

Kalau kita tidak mengambil tindakan yang tegas atau membawa mereka yang telah menyeleweng, menggunakan kuasa, memberi pinjaman lebih dari yang dibenarkan atau 'single customer limit' yang pada pengetahuan saya ramai rakyat Malaysia walaupun ada limit oleh bank-bank supaya yang dapat dibenarkan credit facility kepada seseorang, telah dibenarkan dan terlampau lebih. Kalau dikatakan RM100 juta, dia approve lebih dari amaun itu. Apakah perkara seperti ini dapat terjadi dan bukan kali pertama seperti yang dikatakan oleh kawan saya tetapi kali keempat kepada Bank Bumiputera.

Adakah ini memberi satu dorongan kepada bank-bank untuk melakukan kesalahan demi kesalahan dan kerajaan at the end of the day, dengan izin, akan menolong mereka, tidak kisah. Adakah ia akan dibenarkan? Bukankah masa telah sampai supaya kalau tidak efisien, kita tutup sahajalah. Tidak kisah, kalau tidak, kalau ada gangrene di sistem itu kena potong, habiskan. Kalau wakil rakyat yang tidak layak, dia tidak akan menang kali yang akan datang. Macam itu, satu cara yang check and balance dalam sistem ini, yang tidak ada dalam sistem finance kita,

di mana banyak polisi yang dibuat adalah dari segi politik dan bukan untuk kebaikan bank-bank di negara ini.

Yang akhir sekali rakyat yang akan kehilangan, akan rugi akibat untuk menolong bank-bank yang ada. Kita tahu kisahnya di mana banyak wang yang dulu lebih kurang 12%, sekarang telah turun ke-6%, banyak wang telah disalurkan kepada bank-bank yang dapat disalahgunakan, lagipun Danaharta akan menolong banyak harta-harta non-performing loans. Sekarang pula kerajaan mengambil bahagian dalam stock market, stock broking, adakah semua ini perlu? Siapa yang untung dalam semua hal ini? Kita semua tahu kalau Kerajaan Barisan Nasional menafikannya, kita semua tahu. Yang benar-benar adalah orang-orang kaya yang ada kena-mengena dengan Kerajaan Barisan Nasional. Jadi kita mahu lebih open dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai semua rang undang-undang ini - dari depan ke akhir. Kita nampak satu objektif yang kukuh dalam perkara ini adalah untuk memberi satu levi supaya keuntungan dapat diperolehi oleh kerajaan. Tetapi apa yang kita lupa adakah wang yang diperolehi ini akan disalur balik kepada pekerja-pekerja yang walaupun kita telah merdeka 41 tahun, kebanyakan ladang-ladang, estet-estet tidak ada air bersih hingga ke hari ini. Macam mana kerajaan dapat menolong mereka? Apakah keuntungan ini dilihat dari segi keuntungan sahaja? Levi ini setakat levi sahaja? Kerana mereka untung, kita perlu stamp satu levi.

Macam mana kerajaan boleh katakan social justice kepada pekerja-pekerja yang bekerja dengan titik peluh mereka, dengan sweat dan darah mereka, berpuluh-puluh tahun duduk di estet-estet dan di ladang-ladang macam di kawasan saya. Semua ini adalah sumbangan dari mereka. Betul, harga kelapa sawit sekarang baik tetapi saya hendak tanya satu soalan, kalau katakan harga kelapa sawit esok jatuh, adakah kerajaan akan memberi balik atau menolong estet-estet, tauke-tauke dan lebih-lebih lagi pekerja-pekerja.

Adakah polisi dalam hal ini? Kalau tidak kenapa tidak? Adakah kerajaan hanya ada bila untung kita mahu, bila rugi saya tidak mahu tahu sama awak, adakah ini polisi kerajaan? Kita perlu tahu pekerja-pekerja di negara ini yang banyak bekerja di ladang-ladang di mana ladang yang kurang dari 100 ekar, 50 ekar, 20 ekar, 3 ekar, pekerja-pekerja tidak membayar Socso, tidak membayar EPF dan bila anak mereka layak masuk universiti, banyak di kawasan saya sendiri 'the hard land of oil palm', di Perak beribu-ribu ekar, ramai anak-anak kita yang layak pergi ke universiti melanjutkan pelajaran akan tetapi tidak ada scholarship, tidak ada pertolongan dari ibu bapa mereka kerana pendapatan mereka sangat kurang, cukup untuk makan sahaja, apatah lagi untuk menjaga anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran, majikan mereka tidak kisah.

Jadi, apakah kewajipan kerajaan dalam hal ini? Adakah levi-levi yang kita akan approved hari ini, adakah ia akan disalurkan balik beberapa peratus kepada pekerja-pekerja atau anak-anak pekerja supaya bukan sahaja satu levi akan menguntungkan kerajaan tetapi membawa satu social justice yang benar supaya semua yang ada berkaitan dengan industri ini akan untung dalam proses ini supaya kerajaan dapat menolong bukan sahaja satu golongan masyarakat tetapi semua yang ada berkaitan di estet-estet, di ladang-ladang, di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai seksyen 14(2) di mana bila Ketua Pengarah diberi kuasa untuk memberi balik wang jika ada tuntutan, jika tuntutan yang lebih telah dibuat oleh Ketua Pengarah. Jadi, saya hendak bertanya dalam hal ini, kenapa kita perlu hadkan kepada satu tahun, walhal undang-undang yang sedia ada, adalah tiga atau enam tahun, depending on the circumstances, dengan izin, apakah ini satu undang-undang yang luar biasa, memberi kuasa menghadkan kepada satu tahun.

Satu lagi adalah seksyen 13, saya tidak faham, saya telah membacanya dua, tiga kali seksyen 13 dan seksyen 14. Seksyen 13 adalah merupakan satu political section dan seksyen 14 merupakan satu seksyen memberi kuasa kepada Ketua

Pengarah. Kalau kita meneliti seksyen 13 yang memberi kuasa kepada menteri untuk mengembalikan wang duti levi, dengan izin saya baca:

“Jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan patut ..”

Apakah maknanya ini? Apakah sebab seksyen ini atau kuasa ini perlu diberi kepada Menteri tersebut? Adakah ini satu cara politik di mana pilih kasih, kalau saya suka saya beri kebenaran supaya wang ini dibalikkan kepada syarikat sedemikian, kalau saya tidak suka saya tidak akan beri, kalau dia menolong saya dalam election, saya beri balik. Adakah ini satu cara, bukankah selalu cara yang adil, adalah cara seperti seksyen 14 di mana kuasa diberi kepada Ketua Pengarah untuk membuat keputusan, apakah makna ‘adil’ dan ‘patut’ ini, berbanding dengan seksyen 14 yang motif dan pelaksanaannya adalah lebih kurang sama.

Kenapa satu kuasa perlu diberi kepada Menteri tersebut dan satu kuasa yang sama perlu diberi kepada Ketua Pengarah dan macam mana kita boleh

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan ini tidak faham perjalanan kerajaan, banyak undang-undang yang memberi peruntukan bahawa pada peringkat akhirnya menteri boleh membuat keputusan, tetapi ini tidak bermakna menteri membuat keputusan melulu, ia selalunya mendapat laporan dan macam-macam di peringkat kajian sebelum dibawa kepada menteri, bermakna Ahli Yang Berhormat terlalu mirip untuk mempolitikkan perkara ini, maka Yang Berhormat menganggapkan semua ini adalah matlamat politik.

Ini tidak berjalan dan tidak berlaku dan saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat ini sama ada peka atau tidak dengan perjalanan kerajaan?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, maaf sayalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kita ambil kuasa kita akan lebih peka. Yang hendak saya katakan, ini adalah satu seksyen yang luar biasa, menggunakan Parlimen sebagai rubber stamp, memberi kuasa kepada seseorang membuat keputusan.

Dato' Azmi bin Khalid: Minta maaf, terima kasih. Luar biasa, maknanya dalam perkara lain tidak ada, ini sahaja. Adakah itu Yang Berhormat maksudkan, maknanya dalam undang-undang lain tidak ada kuasa diberi kepada menteri dalam pelbagai bidang yang lain? Kalau luar biasa, this is exceptional, this is what I am trying to say, dengan izin.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, two wrongs do not make a right. Oleh kerana perkara ini ada di dalam undang-undang yang lain, tidak akan semestinya ia patut berada di sini, itu adalah kewajipan kita sebagai Ahli Parlimen untuk membawa perhatian kepada pihak berkenaan, jangan kita memberi terlampau banyak kuasa. Kalau kuasa ini diperlukan oleh menteri, lebih baik kuasa seperti ini, kalau keadilan perlu dibuat, biarlah mahkamah membuat keputusan, kenapa seorang menteri politik?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Setiap perkara Yang Berhormat hendak bawa ke mahkamah, maka pada akhirnya mahkamah akan dibebankan dengan bermacam-macam keputusan. Di dalam pentadbiran kita, ada bidang-bidang kuasa di dalam semua peringkat, pegawai di bawah pun ada bidang kuasanya, yang menengah pun ada, yang atas pun ada, kita ada had-had masing-masing. Tidak perlu semuanya pergi kepada mahkamah, kalau semua inilah permintaan Ahli Yang Berhormat, saya tidak tahulah 'kalaulah' (yang saya rasa tidak mungkin) DAP menjadi memerintah besok, maka mahkamah akan dibebankan dengan bermacam-macam lagi tanggungjawab selain dari apa Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, 'rule of law' not 'rule by law'. Yang saya fikirkan dan pada pandangan saya adalah seksyen 13 merangkumi dan memberi satu kuasa yang tidak luar biasa. Kalau kita lihat seksyen 14

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Pilah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penjelasan kepada sahabat saya dari Teluk Intan. Seksyen 13, seksyen 14, kalau kita lihat ini semua adalah pentadbiran, dari segi mengikut undang-undangnya. Persoalan tadi, bila Ahli Yang Berhormat menyatakan mengapa satu tahun, I think that can be considered, boleh ditimbang dan boleh ditanya. Persoalannya sama ada dari segi pelaksanaan pentadbiran, semua perkara berkenaan dengan kementerian itu adalah tanggungjawab ketua pengarah, lepas itu kalau ada permasalahan dan tidak boleh, maka baru sampai kepada kuasa menteri.

Kalau kuasa menteri itu nampaknya terkeluar dari undang-undang yang kita bahaskan ini, saya rasa barulah pergi ke mahkamah. Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya terangkan tadi?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Kuala Pilah lebih arif dalam perkara seperti ini, tetapi saya hendak katakan saya bersetujulah setakat Ketua Pengarah perlu adakan kuasa, tetapi saya ragukan adalah Menteri yang ada 'maha kuasa' dalam perkara ini kerana esok hari dia membuat satu keputusan yang luar biasa, okay, kalau katakan dia ini orang Barisan Nasional, saya memberi pengecualian, ini pembangkang tidak boleh, ini yang saya khuatir, mungkin tidak akan terjadi, tetapi kalau terjadi bagaimana, itu yang tidak ada di luar negeri, itu yang kita hendak pastikan dan begitu juga ketelusan

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat kata 'ini tidak ada di luar negeri', apakah di luar negara kita tidak ada perkara seperti inikah? Saya bukan hendak mengatakan apa Ahli Yang Berhormat katakan tadi betul, tetapi saya hendak bertanya sama ada betul atau tidak betul Yang Berhormat katakan di luar negara perkara ini tidak ada? Saya hendak bertanya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, hendak cakap 100% tidak ada, itu mustahillah, kebanyakan yang ada itu, ada ketelusan (transparency) di

mana perkara seperti ini kalau sesuatu keputusan dibuat oleh menteri, keputusan itu akan dibawa ke Parlimen sebagai Order Paper ataupun sebagainya supaya kita tahu

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Semua perkara pentadbiran dan segala kuasa yang perlu diberi kepada menteri perlu dibawa kepada Parlimen dahulu, baru boleh menteri lulus, itu cadangan Ahli Yang Berhormat. Kalau inilah cadangan Ahli Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat belum peka tentang sistem pentadbiran negara dan sistem pentadbiran di semua jenis organisasi.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah, besok sambung.

Tuan M. Kulasegaran: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu akan datang. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.